



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

~~KESIMPULAN~~
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV Bil. 20 Hari Selasa 27hb Disember, 1994

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 (Ruangan 42)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 111)

DN. 27. 12. 94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 27hb Disember, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Tang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat tersebut. .

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"22 Disember 1994.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang berikut dan reraointa Dewan Negara mepersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1994;
2. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994;
3. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994;
4. Rang Undang-undang Penculikan (Pindaan) 1994;

5. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1994;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Produktivi Negara (Pemerbadanan)(Pindaan) 1994; dan
7. Rang Undang-undang Tabung Haji 1994.

Yang ikhlas,

t. t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1994;
2. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994;
3. Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994;
4. Rang Undang-undang Penculikan (Pindaan) 1994;
5. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1994;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 1994; dan
7. Rang Undang-undang Tabung Haji 1994.

Tuan Tuan di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT **BAGI** PERTANYAAN-PERTAHYAAN

JET PEJUANG TUAN - PENAMATAN PERKHIDMATAN

1. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Pertahanan menjelaskan:

- (a) bilakah tempoh penerbangan jet-jet pejuang F5E akan ditamatkan dan apakah cadangan TUDM terhadap jet-jet pejuang tersebut setelah ditamatkan perkhidmatannya; dan
- (b) apakah cadangan TUDM terhadap masa depan jet-jet A4 Skyhawk yang telah pun ditamatkan penerbangannya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Monamed]: Tuan Yang di-Percua,

- (a) Jet-jet pejuang F5E akan ditamatkan perkhidmatannya apabila pesawat MiG29 mengambil alih tugas operasi dengan sempurna yang dijangka pada bulan Januari 1996. Setelah ditamatkan perkhidmatannya, Kementerian Pertahanan akan mengambil tindakan melupuskan pesawat pejuang F5E berkenaan.
- (b) Pihak TUDM akan terus menggunakan 5 buah pesawat AA Skyhawk sebagai Air-to-Air Refuelling (AAR) sehingga TUWI memperolehi keupayaan AAR dengan pesawat jenis C130. Kementerian Pertahanan bercadang akan melupuskan baki 26 buah lagi pesawat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

Tuan Liam Laikin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan

I.T.M. - CADANGAN MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN

2. Tuan Limun Laikin [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional disebalik cadangan MARA untuk mengambil alih pentadbiran ITM dan apakah kementerian tidak berupaya mengendalikan kenaikan taraf ITM kepa sebuah universiti. Jika tidak, apakah langkah dan tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat ura-ura meletakkan I.T.M. di bawah pentadbiran MARA pada masa ini kerajaan tidak bercadang berbuat demikian. Kerajaan juga tidak bercadang untuk menaikkan I.T.M. ke taraf universiti kerana penubuhannya adalah bertujuan melatih bumiputera dalara bidang profesional dan subprofesional. I.T.M. juga menjalankan kursus-kursus atau latihan-latihan peringkat ijazah dengan institusi-institusi luar negara.

"STREET SOCCER" - GALAKAN

3. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) sebab-sebab digalakkan "Street Soccer";
- (b) adakah dengan penglibatan belia-belia di "Street Soccer" ini akan dapat mengurangkan masalah lepak; dan
- (c) nyatakan juga faedah-faedah permainan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara sebab-sebab Kementerian Belia dan Sukan menggalakkan permainan "Street Soccer" adalah kerana permainan tersebut memberi lebih banyak peluang kepada

orang ramai khususnya golongan remaja untuk mengambil bahagian. Permainan ini boleh diadakan di mana-mana kerana ia tidak memerlukan kawasan permainan yang besar seperti permainan bola sepak biasa. Jumlah pemain bagi satu-satu pasukan hanya terdiri dari 4 pemain dan 2 orang pemain gantian. Ini membolehkan lebih ramai pasukan diwujudkan melalui permainan "Street Soccer".

- (b) Adalah diharapkan permainan "Street Soccer" ini dapat menarik minat golongan remaja termasuk mereka yang lepak kerana mereka, boleh, bermain di mana-mana tempat seperti di ruang tempat kereta, padang-padang permainan dan lain-lain kawasan yang tidak memerlukan ruang yang luas.
- (c) Permainan ini dijangka akan dapat menimbulkan minat golongan remaja untuk mengambil bahagian dan diharapkan mereka akan terhindar dari terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti melepak, penyalahgunaan dadah dan lain-lain masalah sosial. Permainan ini juga secara tidak langsung dapat membantu melahirkan pemain-pemain yang berwibawa, berkemahiran dan berpotensi untuk diketengahkan sebagai pemain bola sepak negara.

BAHAGIAN HAKMODALISIS - PENSWASTAAN

4. Puan Sri Sarasa Pasamanictum minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah penswastaan rawatan dialisis akan dimulakan dan adakah ia akan membebaskan golongan berpendapatan rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kunaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan masih lagi meneliti beberapa perkara dalam penswastaan rawatan Haemodialysis.

PENGEDARAH DADAH - PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

5. **Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada bidang kuasa yang luas yang membolehkan kementerian mengambil tindakan kepada penjenayah-penjenayah yang terlibat, dalam pengedaran dadah berkesan atau tidak dan melalui penguatkuasaan undang-undang tersebut, "berapa" ramaiakah 'kingpins' pengedaran dadah ini telah ditangkap dan harta-harta mereka dirampas.

Setiausaha Parlimen Kemeaterian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: 'Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan undang-undang boleh diambil ke atas pengedaran dadah melalui Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988. Semua peruntukan di dalam Akta-akta tersebut adalah cukup dan komprehensif bagi mengambil undang-undang ke atas mereka yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah. Peruntukan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, jika sabit kesalahan akan hukum mati mandatori. Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerajaan diberi kuasa menahan seseorang yang disyaki terlibat di dalam kegiatan pengedaran dadah. Manakala Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 memberi kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengesan, membeku dan merampas harta-harta pengedar hasil aktiviti pengedaran dadah. Semua aktiviti-aktiviti ini akan dapat membendung kegiatan pengedaran dadah di negara ini.

Konsep kingpins, dengan, izin, yang beroperasi seperti Mafia di Amerika dan Itali dalam kegiatan-kegiatan pengedaran dadah tidak wujud di Malaysia. Pengedar-pengedar dadah ini bergiat bersama-sama kawan dan menggunakan courier, dengan izin, dalam kegiatan mereka.

Sejak berkuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) pada tahun 1988 sehingga kini sejumlah 816 kes telah disiasat di bawah akta ini dan nilai harta yang disita adalah bernilai RM25.8 juta..

Dato' Mohd, Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalaulah tidak ada 'kingpins' di Malaysia ini, mestilah ada kumpulan-kumpulan yang menjadi mastermind. Soalan saya, apakah yang dinamakan kumpulan tersebut kalau bukan 'kingpins' dan berapa banyak lagi yang belum ditangkap agaknya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejak adanya Akta Dadah Berbahaya pihak berkuasa telah dapat menumpas banyak kumpulan-kumpulan yang didapati tidak berkait secara sindiket yang besar-besaran, Kumpulan-kumpulan ini wujud dari masa ke semasa apabila sesuatu kumpulan itu, courier-couriernya ditangkap, dihukum dan selepas itu kumpulan itu dianggap sudah tidak wujud. Tetapi apabila ada permintaan lagi di pasaran, ada pula kumpulan yang lain. Sehingga hari ini kita belum nampak ada apa-apa gejala ataupun bukti bahawa ada 'kingpins'. Berapa lagi, memang adalah satu angka yang tidak dapat kerajaan meneka. Tetapi kerajaan selama ini telah pun ada Petugas Khas Anti Dadah, ada juga ditubuhkan satu cawangan CAD iaitu anti dadah di bawah polis, dan juga sama-sama dengan penguatkuasa seperti melalui kastam dan semua penguatkuasa yang lain, sentiasa berwaspada di semua pintu masuk dan di semua tempat yang disyaki mungkin ada pengedaran ini. Mudah-mudahan dengan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan dan dengan adanya kerjasama daripada masyarakat, kita dapat mengurangkan aktiviti pengedaran ini.

TABUNG UNTUK MAKANAN - JUMLAH PERUNTUKAN

6. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Kewangan menyatakan, bahawa semasa membentangkan Belanjawan 1994, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan RM300 juta bagi Tabung Untuk Makanan (3F Scheme). Berapakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan. Berapakah jumlah pinjaman yang diluluskan kepada pengusaha bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Untuk Makanan telah dilancarkan oleh kerajaan pada 4hb Januari 1993 untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan berasaskan pertanian seperti perikanan, buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan. Ia merupakan salah satu usaha kerajaan, untuk mengurangkan tekanan inflasi dalam negara.

Sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan sebagai pinjaman kepada bank-bank perdagangan untuk disalurkan kepada individu dan syarikat tempatan yang terlibat dalam industri pertanian'. Di antara syarat-syarat penggunaan tabung ini termasuklah:-

- (i) kos setiap projek tidak boleh melebihi RM3 juta termasuk tanah dan modal pusingan. Projek yang mempunyai kes sehingga RM5 juta boleh dipertirabangkan juga bergantung kepada merit setiap kes;
- (ii) pinjaman maksimum terhad kepada 90% dari kos projek;
- (iii) kadar faedah pinjaman ialah 7.75% setahun sepanjang-tempoh pinjaman; dan
- (iv) tempoh maksimum pinjaman ialah 5 tahun.

Untuk memudahkan penggunaan tabung ini, kerajaan baru-baru ini telah melonggarkan lagi syarat-syarat yang dikenakan bagi menggunakan wang daripada Tabung Makanan. Di antara syarat-syarat yang dilonggarkan termasuklah penurunan kadar faedah daripada 7.752 setahun kepada 4% setahun dan tempoh bayaran balik dilanjutkan daripada 5 hingga 8 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, jumlah pinjaman yang telah diluluskan di bawah skim ini sehingga bulan November lalu ialah sebanyak RM60 juta. Pinjaman ini adalah untuk membiayai pelaburan untuk pengeluaran bahan-bahan makanan bagi sektor perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran, pemprosesan makanan, pemasaran serca pendedaran. Sementara itu jumlah pinjaman yang diluluskan kepada pengusaha bumiputera dalam tempoh yang sama ialah RM7.6 juta iaitu kira-kira 12% hingga 13% daripada jumlah pinjaman keseluruhannya. Dari segi bilangannya, di bawah tabung ini 106 orang pengusaha telah diluluskan pinjaman. Daripada bilangan tersebut 92 orang adalah bukan bumiputera dan 14 orang adalah terdiri daripada peminjam bumiputera.

RUMAH KOS RENDAH - KEGAGALAN SEKTOR AWAM MENCAPAI SASARAN

7. **Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sebab-sebab mengapa sektor awam gagal mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi pembinaan rumah-rumah berkos rendah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini? Mengapakah prestasi sektor awam dalam hal pembinaan rumah-rumah berkos rendah masih kurang memuaskan walaupun adanya langkah-langkah ini. Atau adakah tidak sebarang tindakan yang dilakukan bagi mengatasi masalah-raasalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Dewan ini, angka sasaran rumah rendah oleh sektor awam sebenarnya meliputi 3 program besar:

- (i) kerajaan-kerajaan negeri dengan bantuan kementerian ini;
~~kerajaan-kerajaan negeri dengan bantuan kementerian ini;~~
- (ii) rancangan pembukaan oleh agensi-agensi pembangunan wilayah;
dan
- (iii)** pembinaan kuarters untuk kakitangan awam.

Dari segi Program Perumahan Kos Rendah, kebanyakan Kerajaan Negeri menghadapi masalah peningkatan harga infrastruktur dan pemulihan tapak menjadi punca. Kos ini terpaksa ditanggung oleh kerajaan-kerajaan negeri sebagai subsidi dari peruntukan sendiri. Oleh kerana tingginya subsidi ini maka kerajaan negeri terpaksa mengurangkan projek ini.

Dari segi rancangan pembukaan tanah, terdapat perubahan dasar di mana kerajaan tidak lagi menggalakkan pembukaan tanah baru secara berleluasa. Ini adalah untuk membantu ke arah pemeliharaan alam semula jadi negara kita.

Dari segi pembinaan kuarters pula, ini bergantung kepada keupayaan masing-masing jabatan yang mengendalikan pembinaan kuarters untuk kakitangan masing-masing.

Bagi perumahan awam kos rendah, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah besar menubuhkan Tabung Perumahan Kos Rendah yang mengandungi sumbangan dari sektor swasta dan kerajaan sendiri. Ini

akan memberi bantuan besar dari segi masalah kewangan bagi menangani keperluan kediaman kos rendah di bandar-bandar yang tinggi keperluaanya.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa rancangan rumah awam kos rendah yang ditetapkan ialah sebanyak RM25,000 sebuah rumah. Walaupun kita dapati bahawa masih kekurangan dalam kita menyediakan rumah kos rendah terutama sekali dalam bandar-bandar besar. Apakah kerajaan negeri dan kerajaan tempatan boleh mengubah dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat ini iaitu mengadakan kos rendah dengan harga RM50,000 ke bawah dengan ruang lantai tidak kurang dari 495 kaki persegi. Jika ini berlaku, di peringkat negeri telah mengambil keputusan yang begitu, apakah tindakan kerajaan pusat dalam menentukan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan terutama sekali kepada kerajaan negeri dan majlis perbandaran yang telah meluluskan pelan-pelan ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taba: Tuan Yang di-Pertua, kalau harga rumah RM50,000 sebuah ia tidak lagi menjadi rumah kos rendah kerana dengan harga RM25,000 pun banyak rakyat termiskin tidak mampu membeli rumah kos rendah berharga RM25,000. Oleh sebab itu, kalau kita menaikkan harga rumah kos rendah menjadi RM50,000, maka semakin bertambah besarlah jumlah rakyat termiskin yang tidak akan mampu membeli rumah. Walaupun begitu kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang difikirkan boleh membantu mengurangkan masalah kekurangan rumah kos rendah ini termasuklah satu daripadanya dengan mewujudkan

tabung perumahan untuk rakyat termiskin iaitu membina rumah pangsa yang akan disewakan kepada mereka yang tidak mampu membeli rumah. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM600 juta dan peruntukan ini telah ditambah kepada RM1,000 juta dengan tujuan supaya dapat segera menyelesaikan masalah kekurangan rumah kos rendah ini iaitu membinanya di kawasan-kawasan di bandar-bandar di mana besar keperluan untuk setinggan dan mereka yang memerlukan rumah tetapi tidak mampu membelinya. Jadi, kerajaan bercadang untuk membinanya.

Setakat ini langkah ini mendapat sambutan yang baik daripada kerajaan-kerajaan negeri. Setakat ini 24,914 unit dari jumlah RM945 juta telah dipohon oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk membina rumah-rumah pangsa ini.

Kementerian telah meluluskan sebanyak RM380 juta dan berjumlah unit yang dicadangkan untuk dibina ialah 8,309 unit. Di samping itu, kerajaan juga telah pada peringkat awal menyediakan RM300 juta untuk membiayai rumah kos rendah bagi pemaju-pemaju untuk membina rumah kos rendah. Peruntukan ini juga telah ditambah, menjadi RM500 juta. Setakat ini sehingga bulan Ogos tahun ini, RM230 juta telah diluluskan yang melibatkan 12,993 unit. Ini bermakna dengan penambahan peruntukan ini, sejumlah 21,272 unit rumah kos rendah akan dapat dibina di seluruh negara, insya Allah, dua tahun yang akan datang.

Jadi, selain daripada itu, kerajaan juga mengambil langkah untuk menentukan supaya harga RM25,000 kekal iaitu dengan mencadangkan, menyarankan supaya pihak Kerajaan Tempatan meluluskan pelan setara iaitu kita menggunakan pelan-pelan yang telah disiapkan, diluluskan di peringkat awal, mana-mana pemaju yang berhajat untuk membina rumah kos rendah bolehlah menggunakannya dengan segera, tidak perlu menunggu berbulan-bulan mahu pun bertahun-tahun untuk mendapatkan kelulusan pelan-pelan berkenaan. Jadi, dengan itu kos pembinaan akan dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, insya Allah, kerajaan juga telah mengadakan satu pertandingan membina rumah kos rendah dengan harapan akan dapat menunjukkan rumah-rumah yang berciri lebih realistik, selesa, lebih murah dan mampu dibina dengan banyaknya oleh pemaju-pemaju.

Langkah awal ialah siapa yang berjaya akan diberi peluang untuk membina rumah kos rendah di tempat itu di samping juga berpeluang besar untuk membina rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri lain.

TENAGA NASIONAL BERHAD - PENSWASTAAN JANAKUASA

8. **Tuan V. Saravanan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan baru-baru ini Pengurus Besar Tenaga Nasional telah, mengumumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad tidak bersetuju menswastakan janakuasa-janakuasa di kawasan-kawasan tertentu, adakan ini benar. Jika ya, mengapa. Bukankah ini bertentangan dengan dasar kerajaan yang ingin menswastakan Tenaga Nasional Berhad.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, ingin dijelaskan bahawa kenyataan daripada Tenaga Nasional Berhad tidak bersetuju menswastakan janakuasa-janakuasa bagi maksud penswastaan stesen-stesen jana elektrik sedia ada yang dipunyai oleh TNB adalah benar. Kenyataan ini tidak bertentangan dengan dasar kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat TNB telah pun diswastakan mengikut dasar kerajaan. Oleh yang demikian, soal 'menswastakan' sekali lagi janakuasa-janakuasa TNB tidak timbul kerana perbuatan sebegini akan merupakan, dengan izinnya, "asset stripping" dan ini adalah tidak adil bagi TNB. Walau bagaimanapun,

kerajaan akan terus melibatkan pihak swasta dalam penjanaan elektrik dengan kadar INB 70% dan pengeluar tenaga bebas atau IPP 30% untuk mengimbangkan penjanaan elektrik supaya harga elektrik akan terus di tahap yang munasabah dan bersaing.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya menanyakan soalan tambahan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang sebegitu peka terhadap penyertaan bumiputera di dalam TNB dan juga dalam Telekom dan juga kenyataan beliau mengaku sendiri kelemahan yang terdapat di dalam Syarikat Telekom Malaysia. Soalan saya ialah apabila timbulnya soal hendak menswastakan janakuasa-janakuasa ini, ianya telah dimulakan oleh beberapa syarikat-syarikat awam dengan tujuan untuk meningkatkan harga saham syarikat-syarikat yang berkenaan. Adakah pihak kementerian telah pun melaporkan soal ini kepada Suruhanjaya Sekuriti supaya ianya tidak mengelirukan masyarakat pelabur-pelabur?

Yang keduanya, jika janakuasa-janakuasa ini hendak diswastakan pada suatu hari kelak, adakah ianya akan diberi keutamaan kepada pihak-pihak bumiputera?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak-pihak yang telah menghantar cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk mengambil alih beberapa stesen-stesen janakuasa. Selepas mereka menghantar permohonan itu dengan serta-merta, dengan rahsia mereka mengeluarkan, mereka telah menghantar surat dan juga cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk mengambil alih beberapa stesen secara penswastaaan. Dengan itu jugalah kita

menghadapi banyak masalah. Oleh kerana **itu**, saya telah melaporkan kepada Jabatan Perdana Menteri meminta jikalau ada juga permohonan-permohonan daripada mana-mana pihak berkenaan dengan stesen-stesen janakuasa yang sedia ada, perkara itu tidak boleh dilaporkan atau tidak boleh diumumkan kepada sesiapa pun. Jadi pihak-pihak yang tertentu telah menghantar permohonan atau cadangan itu tidak bersetuju iaitu mereka yang telah mengeluarkan berita-berita ini tetapi apa yang kita dapat tahu, walaupun tidak mempunyai maklumat berkenaan itu, saya percaya ada juga pihak-pihak yang telah menghantar cadangan itu ialah pihak yang bertanggungjawab untuk kegiatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No.9

[Menteri/Timbangan Menteri Luar Negeri tidak hadir]

GURU - BILANGAN YANG BERSARA WAJIB/PILIHAN SENDIRI

10. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan guru yang bersara dari tahun 1993 - 1994;
- (b) jumlah bilangan guru yang memohon bersara pilihan sendiri dari tahun 1993-1994; dan
- (c) jumlah bilangan guru yang diperlukan pada tahun 1993-1994.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,.

- (a) Bilangan guru yang bersara wajib dari tahun 1993 hingga 1994 ialah 6,287 orang.
- (b) Bilangan guru yang memohon bersara pilihan sendiri dari tahun tahun 1993 hingga Novemoer 1994 ialah 2,168.
- (c) Bilangan guru terlatih yang berkhidmat bagi sesi persekolahan 1993/94 sehingga Ogos 1994 ialah 217,817 orang. Jumlah guru yang diperlukan lagi ialah sebanyak 11,322 orang. Kekosongan ini diisi oleh guru-guru sandaran tanpa latihan.

PEKERJA ASING - PEMBEKUAN KEMASUKAN

11. **Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja asing yang ada sekarang. Apakah jumlah pekerja asing masih belum mencukupi dan bilakah kementerian akan menghadkan kemasukan mereka. Nyatakan kuota yang dikenakan ke atas buruh asing dan senarai syarikat yang didaftarkan untuk membawa masuk buruh asing ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1992 hingga Oktober 1994, seramai 567,929 pekerja asing telah dibenarkan bekerja di negara ini.

Pada masa ini kajian sedang dijalankan bagi menentukan keperluan sebenar pekerja asing di negara ini.

Mulai 7ho Januari, 1994, kerajaan telah pun membekukan kemasukan perkerja asing kecuali pembantu rumah. Pembekuan ini bertajuan untuk mengawal kemasukan mereka secara berleluasa ke negara ini yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Sungguhpun begitu, Kerajaan masih menimbang rayuan daripada majikan-majikan yang benar-benar menghadapi masalah kekurangan pekerja bagi memastikan pembekuan tersebut tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kebenaran untuk membawa masuk pekerja asing adalah diberi syarikat yang memohon berdasarkan keperluan sebenar, sesuatu kilang atau ladang yang berkenaan. Agensi pekerja asing tidak diberi sebarang kuota bagi maksud **ini**. Pada masa ini sebanyak 168 buah agensi telah didaftarkan untuk membawa pekerja asing ke negara **ini**. Oleh kerana senarainya adalah panjang, saya bercadang supaya senarai itu dikemukakan kepada Yaag Berhormat secara bertulis.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon maklumat mengenai peratusan buruh asing ini yang dibawa masuk di bawah penjenisan pembantu rumah dan berapa pula agaknya pembantu rumah yang sekarang ini belum didaftarkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang dapat saya, kemukakan pada masa ini, jumlah pembantu rumah tidak termasuk yang didaftarkan di Kuala Lumpur adalah seramai 63,002 orang. Maksud pembantu rumah tidak berdaftar ialah mereka itu tanpa izin.. Kalau tanpa izin, sememangnya kerajaan tidak mempunyai angka dan semua mereka itu tidak dibenarkan bekerja tanpa permit kerja.

Oleh sebab soalan ini ada kaitan dengan angka-angka maka saya akan jawab lebih lanjut lagi kemudian.

PEKERJA ASING - JUMLAH MENGIKUT SEKTOR

12. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Bilangan pekerja asing mengikut negara asal mereka yang bekerja di negara ini;
- (b) Bilangan pekerja asing mengikut sektor ekonomi seperti sektor pembinaan, perkilangan dan perladangan; dan;
- (c) Adakah pembekuan pengambilan pekerja asing masih dikuatkuasakan. Sekiranya ya, adakah kerajaan bercadaag untuk, membukanya kembali memandangkan negara masih menghadapi kekurangan pekerja-pekerja mahir Jan separuh mahir yang agak **serius**.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tahun 1992 hingga Oktober, 1994, bilangan terkumpul (accumulative figures) pekerja yang dibenarkan bekerja di negara ini adalah 567,929 orang. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada warganegara Indonesia, Bangladesh, Thailand dan Filipina.
- (b) Pecahan pekerja asing di negara ini mengikut warganegara dan sektor secara ringkasnya adalah seperti berikut:

Warganegara	Jumlah
Indonesia	227,109 orang
Thailand	18,454 orang
Filipina	21,579 orang
Bangladesh	70,110 orang
Pakistan	1,529 orang
Lain-lain	4,483 orang

Mengikut sektor:

Sektor	Jumlah
Pembantu Rumah	63,002 orang
Ladang	118,040 orang
Pembinaan	113,483 orang
Perkhidmatan	7,447 orang
Perkilangan	38,507 orang
Lain-lain	2,785 orang

Jumlah yang saya sebutkan tadi adalah 343,264 orang kesemuanya.

Tuan Yang di-pertua, angka-angka ini tidak termasuk bilangan pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, Pahang, Sabah dan Sarawak kerana sedang dikemaskinikan.

- (c) Pembekuan pengambilan pekerja asing masih lagi berkuatkuasa. Sungguhpun begitu kerajaan masih menimbang rayuan daripada majikan-rmajikan yang benar-benar menghadapi masalah kekurangan pekerja supaya tindakan pembekuan tersebut tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi di negara kita.

PERUNTUKAN MEMBAIK-PULIH SEKOLAH/ASRAMA/RUMAH GURU

13. Tuan Janggu, Anak Banyang minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah peruntukan baru diberi untuk membaik pulih sekolah-sekolah dan asrama-asrama dan juga rumah-rumah guru akan dikeluarkan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1994 sehingga 1995 sejumlah RM165 juta telah diperuntukkan untuk maksud pembangunan dan ini merangkumi tujuan membaik-pulih sekolah-sekolah, asrama dan rumah guru. Kerja-kerja membaik-pulih sedang dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun, 1995.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang betul sekolah-sekolah baik sekolah bantuan penuh atau bantuan modal dapat peruntukan yang begitu menarik dan membanggakan. Di sini saya ada soalan hendak bertanya kepada Kementerian Pendidikan bahawa kerja kontrak yang telah dibuat di sekolah-sekolah berkenaan adakah seimbang dengan peruntukan yang diberi kepada sekolah tersebut?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, semua kontrak untuk membaik-pulih sekolah-sekolah adalah dilaksanakan oleh JKR dan pihak JKR memang ada garis panduan dari segi tawaran dan juga dari segi penyediaan kontrak-kontrak tersebut. Di sini juga kita minta sekolah-sekolah bekerjasama dengan JKR supaya menentukan segala kontrak yang ditawarkan akan dilaksanakan sepenuhnya dan JKR tidak akan membayar sehingga pihak itu berpuas hati bahawa kontrak itu dilaksanakan sepenuhnya mengikut janji.

PEMAIN BADMINTON - KEMEROSOTAH PRESTASI

14. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Sebab-sebab berlakunya kemerosotan prestasi ahli-ahli badminton negara di Kejohanan Badminton Antarabangsa; dan
- (b) Bilakah B.A.M. akan dirombak untuk meningkatkan mutu badminton di negara ini.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebab utama prestasi pemain-pemain badminton negara merosot di kejohanan-kejohanan antarabangsa adalah kerana kita tidak mempunyai pemain-pemain baru yang setaraf dengan pemain-pemain dari negara-negara lain. Keadaan ini berlaku kerana tumpuan yang telah diberikan sejak tahun 1988 kepada sekumpulan pemain-pemain tertentu sahaja dengan tujuan untuk merampas kembali piala Thomas. Selepas tahun 1992 dan setelah kita berjaya merampas kembali piala Thomas setelah menunggu selama 25 tahun, beberapa pemain negara telah pun mengundurkan diri daripada pasukan kebangsaan.

Oleh yang demikian, kita tidak mempunyai pemain-pemain yang setaraf yang mampu memberikan saingan kepada pemain-pemain negara luar di peringkat antarabangsa. Bagi mengatasi masalah ini Persatuan Badminton Malaysia telah mengambil beberapa tindakan untuk mengenal pasti bakat-bakat baru yang dapat menggantikan pemain-pemain yang telah bersara. Persatuan berkenaan telah mewujudkan Akademi Badminton untuk mengasuh dan memberi bimbingan kepada bakat-bakat baru dalam sukan badminton dan telah menyediakan pasukan "back-up" dalam usaha mengambil alih pemain-pemain kebangsaan.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara telah mengadakan beberapa telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemain-pemain badminton negara dan Persatuan Badminton Malaysia. Ekoran daripada perbincangan tersebut pada 15hb Disember, 1994 yang lalu, satu majlis telah diadakan bagi menandakan bahawa isu-isu yang penting seperti status pemain-pemain profesional serta peluang mereka untuk mewakili negara, peranan mereka selepas tempoh mereka bermain berakhir dan pengagihan tugas pentadbiran B.A.M. telah pun diselesaikan.

Persatuan Bandminton juga telah melantik seorang peguam untuk menjaga kepentingan pemain-pemain dan seorang wakil pemain akan dilantik dalam majlis kesatuan berkenaan demi menjaga kepentingan pemain-pemain dalam pengurusan persatuan, Langkah-langkah pembaharuan ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan saluran komunikasi di antara kedua-dua pihak serta mempertingkatkan mutu badminton negara.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - PENYUSUNAN SEMULA ORGANISASI

15. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pertahanan menyatakan kedudukan kerajaan khususnya Kementerian beliau:

- (a) di dalam perkara meagurangkan bilangan tentera keselamatan, kesannya terhadap keselamatan negara dari segi belanjawan berbanding dengan kos penggunaan alat-alat peralatan pertahanan yang lebih moden;
- (b) keadaan keselamatan. dalam negeri yang stabil mengakibatkan penggunaan tenaga ahli pertahanan yang kurang aktif. Adakah cadangan untuk menggunakan tenaga ahli keselamatan. bagi kerja-kerja kemasyarakatan/sosial; dan

- (c) apakah keadaan tentera kita yang dihantar berkhidmat di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu di mana telah berlaku beberapa kematian. Apakah langkah-langkah positif pihak kementerian demi membantu ahli keluarga mereka.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pengurangan bilangan anggota tentera bukan bermaksud pemberhentian terus anggota yang sedang berkhidmat. Apa yang dilakukan ialah kementerian sedang menyusun semula keseluruhan organisasi Angkatan Tentera Malaysia kepada satu pasukan yang berkeupayaan tinggi bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan. Dalam hal ini Kementerian akan menentukan supaya ATM mempunyai kekuatan yang seimbang di ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bagi menangani pertahanan negara dalam senario peperangan conventional.

Secara keseluruhan terdapat sedikit penjimatan dari segi Belanja Mengurus. Namun begitu, penjimatan ini dijangka akan menampung kos-kos perolehan, latihan dan senggaraan peralatan moden yang telah dan akan diperolehi, Proses ini tidak akan menjejaskan kekuatan dan keupayaan ATM keseluruhannya.

- (b) Kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa penggunaan anggota keselamatan dalam masa negara dalam keadaan stabil, kurang aktif adalah tidak begitu tepat. Dalam keadaan keselamatan negara yang aman dan stabil, anggota tentera adalah bertanggungjawab untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara dari sebarang ancaman. Peranan utama anggota tentera pada masa aman adalah mengadakan latihan untuk menghadapi sesuatu kemungkinan yang akan berlaku; mengawasi wilayah-wilayah dan bertanggungjawab mempertahankan ruang angkasa negara secara berterusan. Angkatan tentera perlu sentiasa berada di dalam tahap kesiap-sediaan yang tinggi untuk memastikan sistem pertahanan negara dapat digerakkan dengan berkesan apabila diperlukan.

Pihak tentera sentiasa terlibat di dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan sosial seperti Projek Tentera Masuk Desa bantuan bencana alam, bantuan tenaga kepakaran, Bina Semangat dan Kesedaran Maritim pada golongan belia serta memberikan perkhidmatan pesawat udara kepada pesakit-pesakit apabila diperlukan.

- (c) Sepanjang perkhidmatan ATM di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, seramai 14 orang anggota tentera telah terkorban ataupun meninggal dunia, Pihak kerajaan sentiasa mengambil berat di atas nasib anggota keluarga perajurit yang telah terkorban. Keluarga mereka telah diberikan bantuan-bantuan dalam bentuk pencen bulanan; ganjaran sekali gus, sagu hati dari Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara, bantuan pelajaran kepada anak-anak dan juga wang pertaruhan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 16.

BELANJAWAN 1994/1995 - KESAN TUKARAN MATA WANG KEPADA IMT-GT

16. **Tuan Ibrahim bin Daud [Di bawah 8.0.23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah berikutan pengurangan duti impot dan keseimbangan peraturan tukaran mata wang dalam belanjawan 1994/1995 mempengaruhi perdagangan di rantau segitiga pertubuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IKT-GT).

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia, Thailand, (Indonesia, Malaysia, Thailand-Growth Triangle) merupakan konsep pembangunan bersepadu yang melintasi sempadan negara di antara Malaysia,

Indonesia dan Thailand yang mencerminkan kerjasama rapat di antara ketiga-tiga buah negara tersebut. Konsep segitiga ini dilaksanakan untuk mengemblengkan kekayaan punca-punca pengeluaran dengan modal dan teknologi yang ada di negara-negara tersebut yang mengambil bahagian bagi memesatkan lagi pembangunan ekonomi bersara.

Walaupun masih baru diperkenalkan, I.M.T-GT telah terbukti berjaya, terutama dalam meningkatkan aliran modal di antara negara-negara terlibat apabila pelabur-pelabur Malaysia sahaja, sehingga kini, telah menandatangani sebanyak 30 Memorandum Persefahaman yang melibatkan pelaburan berjumlah kira-kira RM2 ribu juta dengan ahli-ahli perniagaan dari Indonesia dan Thailand. Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani ini meliputi pelaburan dalam sektor infrastruktur, perniagaan dan perindustrian, sumber tenaga manusia, pelancongan, pertanian dan juga perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan dan penghapusan duti import bagi kira-kira 2,600 jenis barangan seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan baru-baru ini adalah bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi di samping menyokong dasar liberalisasi percukaian negara. Pengurangan dan penghapusan tarif ini boleh membantu sedikit-sebanyak mempergiatkan aktiviti perdagangan di rantau I.M.T-GT. Ada kemungkinan import beberapa jenis barangan daripada Indonesia dan Thailand meningkat sedikit kerana barang-barang tersebut menjadi murah sedikit.

Langkah Belanjawan untuk melonggarkan peraturan pertukaran mata wang asing juga mungkin mempunyai kesan positif bukan sahaja ke atas perdagangan di rantau I.M.T-GT, tetapi juga meliputi kawasan

perdagangan yang lain. Dengan kelonggaran tersebut, ia akan mengurangkan kos pengendalian perniagaan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting untuk menjayakan konsep I.M.T-GT ini ialah komitmen pihak-pihak terlibat termasuklah ketiga-tiga buah kerajaan serta kegigihan pihak swasta untuk mengejar peluang-peluang yang timbul berikutan daripada kerjasama yang lebih erat, yang dijangka wujud di masa akan datang. Langkah-langkah yang diambil dalam Belanjawan tidak akan mempunyai kesan yang begitu besar berbanding dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak swasta. Namun begitu, ia sedikit-sebanyak boleh membantu untuk meningkatkan perdagangan di rantau ini, khususnya di kawasan ASEAN.

PELANCONGAN - JUMLAH KEMASUKAN PELANCONG ASFAN

17. **Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberi butiran pelawat-pelawat dari negara ASEAN mengikut pintu masuk — Tambak Johor, Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam dan peratusannya daripada jumlah besar bagi seluruh negara, Memandangkan bilangan mereka itu sangat besar, adakah mereka ini betul-betul datang bertujuan untuk melancong ataupun kerana terpaksa datang untuk memenuhi keperluan harian mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Oktober 1994, seramai 3,453,393 orang pelancong ASEAN telah tiba melalui pintu masuk Tambak Johor, Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam.

Bagi pecahan-pecahan tersebut adalah seperti berikut:

Pintu Masuk	Jumlah Pelancong
Tambak Johor	3,298,148 orang
Padang Besar	54,515 orang
Bukit Kayu Hitam	100,730 orang

Ini merupakan 81% dari jumlah besar kedatangan pelancong ASEAN ke Semenanjung Malaysia melalui semua pintu masuk sehingga Oktober 1994, iaitu seramai 4,279,730 orang pelancong.

Statistik yang diberi adalah merujuk kepada pelancong dan ia mengikut definisi antarabangsa. Oleh yang demikian, unsur melawat Malaysia kerana terpaksa memenuhi keperluan harian tidaklah timbul.

R.T.M. - PENAPISAN KETAT FILEM-FILEM YANG DITAYANG

18. **Puan Kian Sit Bar** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kesan di kalangan penonton TV mengenai penapisan filem-filem yang mempunyai unsur keganasan, budaya kuning dan bertentangan dengan tatasusila, norma hidup di Malaysia dan apakah rancangan-rancangan RTM di masa akan datang bagi melahirkan generasi muda yang sihat, cerdas, rajin bekerja dan bersifat penyayang.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya menjawab bagi pihak Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, semua filem yang disiarkan oleh RTM di Televisyen Malaysia adalah melalui proses tapisan yang ketat oleh Lembaga Penapis Filem dan Jabatan Penyiaran RTM sendiri dengan berasaskan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan, Tujuannya ialah untuk memastikan ianya bersesuaian dengan ekspektasi dan selera semua lapisan penonton di negara **ini**.

Adalah menjadi hasrat RTM untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang berbentuk informasi dan pendidikan. Hasrat ini sedikit-sebanyak adalah menyumbang ke arah melahirkan generasi muda yang sihat, cerdas, rajin bekerja dan penyayang. Bagi mencapai hasrat **ini**, RTM telah dan akan terus akan berusaha untuk memenuhi kehendak-kehendak berbagai lapisan penonton yang terdiri daripada peringkat kanak-kanak, pelajar, remaja dan dewasa.

Antara rancangan-rancangan yang menyumbang ke arah ini ialah Berita, forum, perbincangan, drama, sukan dan hiburan. Tanggungjawab ke arah melahirkan generasi muda yang sihat, cerdas, rajin bekerja dan penyayang adalah merupakan tanggungjawab bersama yang harus didukung bersama-sama oleh pihak kerajaan mahu pun masyarakat umum. Sehingga kini usaha ke arah ini telah mendapat sokongan daripada semua pihak khususnya individu-individu yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu umpamanya melalui rancangan Selamat Pagi Malaysia.

Kerajaan percaya jika usaha-usaha ini diteruskan oleh semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, matlamat untuk melahirkan generasi muda yang sihat, cerdas, rajin bekerja dan penyayang akan mencapai kejayaan.

GRATUITI KAKITANGAN KERAJAAN - KAJIAN SEMULA

19. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pembayaran **gratuiti**; dan
- (b) adakah pihak menteri meneliti semula bayaran **gratuiti** kepada kakitangan kerajaan yang akan bersara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan berpendapat bahawa sistem bayaran gaji atau **gratuiti** kepada kakitangan kerajaan yang bersara yang berkuatkuasa sekarang adalah memadai.
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk meneliti semua bayaran **gratuiti** kepada kakitangan yang akan bersara.

WANITA HAMBAN SEKS SEMASA PERANG DUNIA KEDUA - PAMPASAN

20. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan telah mengenal pasti wanita-wanita negara ini yang telah dijadikan hamba seks untuk askar-askar semasa Perang Dunia Kedua dan bagaimanakah kepastian yang boleh dibuat daripada mereka yang tidak mahu membuat perakuan dan di atas sabit dengan perkara itu berapa banyak pampasan yang akan dibayar oleh Kerajaan Jepun.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua dengan izin, ingin dimaklumkan bahawa soalan ini telah pun dijawab pada 15 Disember yang lalu ketika menjawab soalan Tuan Isli bin Haji Siput. Jadi, saya tidak ada apa-apa hendak menambah lagi.

EKSPLOITASI SYARIKAT INSURANS - KAWALAN BANK NEGARA

21. **Tuan Hg See Tiong** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara untuk mengawal operasi syarikat insurans;
- (b) adakah kawalan Bank Negara terhadap syarikat iasurans ini berkesan positif.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua:-

- (a) Semenjak mengambil alih pengawalan industri insurans daripada Perbendaharaan Malaysia pada bulan Mei 1988, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengukuhkan industri tersebut. Langkah-langkah yang diambil termasuklah:-

- (i) Mengadakan piawaian perakuan-perakaunan yang seragam.
- (ii) Memperkenalkan - beberapa garis panduan mengenai pengawalan kos, tugas, tanggungjawab pengarah dan pegawai utama.
- (iii) Kawalan keselamatan dalam pemerosesan data elektronik;
- (iv) Kawalan penipuan.insurans motor.

Langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara adalah bertujuan memupuk sifat bertanggungjawab, meningkatkan tahap profesionalisme dalam perkhidmatan kepada orang ramai, meningkatkan tahap kejujuran di kalangan Pengarah dan kakitangan menguatkuasakan disiplin kewangan dalam mengurus syarikat-syarikat insurans, mengembangkan keupayaan untuk menanggung dan membendung risiko dalam negeri dan menyediakan wawasan kepada syarikat-syarikat insurans bertujuan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam pada itu Bank Negara kini sedang mengkaji semula Akta Insurans 1963 dan peraturan-peraturan insurans secara menyeluruh untuk menyediakan rangka pengawalan yang kemas kini bagi memudahkan bank melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan lagi.

Bank Negara akan juga memperkenalkan beberapa garis panduan bagi memastikan syarikat insurans memproses dan membayar tuntutan secara adil dan membuat peruntukan secukupnya untuk tujuan itu.

Garis panduan pengawalan kos bagi syarikat insurans nyawa akan turut diperkenalkan untuk memastikan operasi syarikat insurans nyawa yang sihat dan kukuh dari segi kedudukan kewangan.

Usaha juga sedang dibuat untuk meningkatkan tahap kepakaran teknikal dan profesionalisme dalam industri insurans. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan industri itu adalah memuaskan bagi memenuhi permintaan perkhidmatan insurans yang semakin meningkat.

- (b) Pada keseluruhannya Bank Negara telah mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam melaksanakan dasar-dasar untuk meningkatkan disiplin kewangan dan kecekapan operasi syarikat-syarikat insurans.

Antara perkembangan-perkembangan positif yang telah dapat diwujudkan setelah Bank Negara mengambil alih kawalan ke atas syarikat insurans termasuklah:-

- (i) Mengukuhkan kedudukan syarikat-syarikat insurans.
- (ii) Mengurangkan bilangan aduan daripada pelanggan khususnya daripada mereka yang mengambil insurans.

- (iii) Meningkatkan tahap savings ataupun, simpanan tabungan daripada rakyat dan dengan itu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang bersetuju dengan keterangan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi. Memang betul kawalan Bank Negara terhadap insurans memang sihat dan berkesan positif. Tetapi kalau kita kaji lebih dalam insurans motor terutama sekali, pada masa dahulu orang hendak beli insurans itu tak payah jumpa sesiapa, ejen insurans jumpa **dia**. Sekarang terbalik pula! Ejen insurans duduk dalam pejabat dan orang yang hendak membeli insurans kena pujuk sama dia, kena memohon jasa baik ejen insurans supaya dapat cover note insurance untuk membaharui road **tax**, **egan izin**.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya Yang Berhormat?

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua inilah kesan yang negatif dalam pasaran. Oleh sebab **itu**, saya harap pihak Bank Negara atau Kementerian Kewangan kena siasat lebih dalam berkenaan dengan perkara ini dan ejen insurans dengan secara langsung atau secara tidak langsung memaksa orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh memberi hujah! Boleh minta soalan., tidak boleh berhujah. Tidak boleh memberi pandangan.

Tuan Ng See Tiong: Okay, soalan saya iaitu saya harap kementerian membuat kajian lebih mendalam berkenaan dengan kesan yang negatif yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab atau untuk menyoal?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak! Soalan tambahan. [Ketawa]

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berhujah tetapi saya ingin membuat soalan khasnya mengenai insurans motor. Saya percaya apa yang cuba ditanya oleh sahabat saya Tuan Ng See Tiong tadi biarlah saya menyoalnya.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan boleh dikatakan semua syarikat-syarikat insurans mengenakan 'loading' 50% kepada kereta-kereta motor yang telah pun berusia lebih daripada 5 tahun dan di samping itu pula mengenakan berbagai-bagai lagi insurans sampingan, urapamanya insurans nyawa dan juga sebagainya. Kononnya kerana kereta yang melebihi lima tahun ini selalunya berlaku accident, berlaku kemalangan.

Jadi, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang akan (diambil oleh pihak Kementerian Kewangan untuk memastikan syarikat-syarikat insurans ini tidak mengenakan 'loading' kepada kereta-kereta yang lebih daripada lima tahun kerana kereta-kereta ini biasanya dimiliki oleh mereka yang berpendapatan rendah khasnya mereka yang duduk di kawasan-kawasan FELDA termasuk di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa bidang industri insurans motor ini merupakan salah satu bidang yang mengalami beberapa masalah bermula sejak daripada Bank

Negara mengambil alih pada tahun 1988 sehingga sekarang Bank Negara sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor insurans motor ini.

Berkaitan dengan syarikat insurans memaksa mereka yang ingin mengambil polisi untuk mengambil insurans sampingan, practice ataupun amalan ini telah ditegah oleh pihak Bank Negara, satu circular telah pun dikeluarkan yang mana menasihati pelanggan-pelanggan agar tidak melayani tuntutan daripada syarikat insurans yang memaksa mereka mengambil insurans sampingan. Dan jika kes ini masih berlarutan, pihak kita sedia menyasat kes-kes yang spesifik untuk membolehkan kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berkaitan dengan 'loading' pula, 'loading' ini bermaksud tambahan kepada kadar premium yang ditetapkan, ini memang dibolehkan; memang Bank Negara mengeluarkan garis panduan untuk menetapkan kadar 'loading' yang maksimum yang boleh ditetapkan terhadap mereka yang mengambil insurans motor dan 'loading' ini ada kaitan dengan risiko yang dialami oleh syarikat-syarikat insurans.

Apa yang berlaku di negara kita ialah, dari tahun ke tahun tahap kemalangan ini bertambah dan boleh dikatakan negara Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling banyak sekali berlaku kemalangan. Kita difahamkan bahawa umpamanya kadar kematian atas jalan raya kita ialah kira-kira 14 orang sehari, Ini merupakan salah satu angka yang paling tinggi di dunia. Oleh hal yang demikian, maka syarikat-syarikat insurans juga terdedah kepada

risiko-risiko yang timbul akibat daripada kemalangan yang kerap berlaku.

Inilah antara lainnya oleh kerana risiko yang tinggilah, iaitu antara sebabnya kenapa 'loading' dibenarkan dikenakan oleh pihak Bank Negara.

RASUAH SUKAN BOLA SEPAK - LANGKAH MEMBANTERAS

22. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang mula diambil ke arah membanteras gejala rasuah dalam sukan negara. Pada pengamatan kerajaan mengapakah amalan rasuah amat ketara di akhir-akhir ini; dan
- (b) prestasi Sukan Negara semakin merosot pencapaiannya, apakah sebabnya dan seiringan dengan ini apakah langkah-langkah positif diambil menjelang Sukan Komanwel.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat kementerian hanya dapat mengesan gejala rasuah yang melibatkan wang dalam sukan bola sepak sahaja. Tidak ada laporan yang mengatakan gejala rasuah berlaku dalam jenis-jenis sukan yang lain. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan ke arah membanteras gejala rasuah adalah seperti berikut:-

- (i) mengarahkan pihak Polis Di-Raja Malaysia dengan bantuan semua pihak menyiasat hingga ke akar umbi amalan rasuah dalam sukan bola sepak kerana orang ramai percaya hanya kerajaan sahaja yang boleh mengambil tindakan yang serius mengenainya;
- (ii) mengenakan hukuman yang berat terhadap pemain yang disabitkan kesalahan rasuah seperti digantung seumur hidup daripada bermain permainan ini;
- (iii) pihak Polis Di-Raja Malaysia menggunakan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Kediaman sebagai tindakan menyekat pemain-pemain yang terlibat dengan rasuah dari bermain dalam sukan bola sepak.

Amalan rasuah amat ketara akhir-akhir ini kerana populariti sukan ini menyediakan tapak untuk mereka yang cenderung berjudi dalam jumlah wang pertaruhan yang lebih besar.

Sukan bola sepak merupakan sukan berpasukan yang mudah mempengaruhi sebilangan kecil pemain-pemain dibandingkan dengan sukan individu. Berlakunya gejala rasuah adalah kerana sikap tamak di kalangan pemain untuk wang ringgit, tidak jujur dan bersubahat dengan tujuan yang tidak baik yang berlawanan dengan nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh sukan seperti taat setia, keluhuran, disiplin, amanah dan sebagainya.

(b) Sebenarnya prestasi sukan negara meningkat berbanding dengan pencapaian pada tahun-tahun lalu. Dua kejohanan utama iaitu Sukan Komanwel ke-15 di Victoria, Kanada dan Sukan Asia ke-12 di Hiroshima, Jepun menjadi landasan terbaik mengukur kejayaan Malaysia pada keseluruhannya. Kejayaan Malaysia memenangi 2 pingat emas, 3 perak dan 2 gangsa di Sukan Komanwel adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian negara di Sukan Komanwel di Auckland, New Zealand pada tahun 1990 iaitu sebanyak 2 pingat emas dan 2 perak sahaja. Pencapaian tahun 1994 merupakan pencapaian terbaik negara sejak menyertai Sukan Komanwel.

Di Sukan Asia ke-12 di Hiroshima, Jepun kontingen negara meraih 4 pingat emas, 2 perak dan 13 gangsa. Pencapaian tahun 1994 adalah lebih baik daripada pencapaian negara di Sukan Asia ke-11 di Fiji pada tahun 1990 di mana kita hanya memperolehi dua emas, dua perak dan empat gangsa. Pencapaian negara di Sukan Asia, di Hiroshima merupakan pencapaian yang terbaik negara sejak 1970. Pencapaian terbaik negara sejak menyertai Sukan Asia ialah pada tahun 1966 di mana kontinjen negara telah memperolehi 7 pingat emas, 5 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kira mengucap syabas kepada kerajaan yang telah mula mengambil tindakan terhadap rasuah bola sepak. Kita difahamkan banyak lagi sukan-sukan yang wujud di tanah air kita. Apakah langkah-langkah awal yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membolehkan gejala

rasuah ini tidak menyerap masuk atau menyerang kepada pasukan-pasukan lain yang ada ditanahair kita?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, menghiadar kegiatan rasuah di dalam sukan, termasuk sukan-sukan lain sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebenar tadi bukannya merupakan tugas dan tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi ianya juga merupakan tugas semua pihak - persatuan-persatuan sukan, peminat sukan, pemain sukan dan juga masyarakat umum.

Menyedari hakikat inilah, maka baru-baru ini Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan satu seminar yang dipanggil Seminar Rakan Sukan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak kita cuba membanteras rasuah di bidang sukan bola sepak, khususnya, lebih daripada 80 orang pemain-pemain bola sepak telah pun ditahan ataupun disyaki, tetapi saya dapati belum ada seorang pun 'bookies' ataupun seorang pun mereka yang terlibat di dalam pertaruhan ini yang ditahan oleh pihak polis. Adakah pihak 'bookies' ataupun mereka yang terlibat di dalam pertaruhan ini tidak dianggap bersalah di dalam hal ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita menahan pemain-pemain yang kita syaki terlibat dalam perjudian dalam bola sepak ini adalah untuk mencari maklumat-maklumat, terutama sekali mereka yang bertanggungjawab termasuklah 'bookies'¹ dan juga runners yang mengendalikan kegiatan rasuah **ini**. Jadi, mungkin melalui pemain-pemain ini kita akan mendapat maklumat-maklumat mengenai orang yang bertanggungjawab, dan saya percaya polis pun telah menyimpan maklumat ini untuk kita ambil tindakan selanjutnya.

KOMPLEKS KERAJAAN DI PERANG BESAR - KONSEP, PELAN DAN MATLAMAT

23. **Dato' Sooog Siew Hoong** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah konsep, pelan dan matlamat kompleks kerajaan di Perang Besar. Sila berikan butir-butir mengenai lokasi, luas, prasarana, susun atur, jadual kerja, masa ianya jangka disiapkan, kos anggaran dan lain-lain; dan
- (b) yang manakah di antara kementerian-kementerian dan/atau agensi-agensi kerajaan akan ditempatkan semula di sana, berapa lama penempatan semula ini serta kementerian-kementerian yang diutamakan dalam pemindahan ini.

Dato' Drs. Suleinan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Perang Besar masih lagi di peringkat awal, iaitu di peringkat penyediaan pelan induk. Oleh yang demikian, maklumat secara terperinci masih lagi belum dimuktamadkan. Namun begitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Pentadbiran Putra Jaya meliputi kawasan 'core' seluas 4.000 hektar, manakala kawasan perancangan meliputi 14,000 hektar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir kesemua kementerian dan agensi kerajaan akan ditempatkan di pusat tersebut. Tempoh penempatan ini dijangka mengambil masa selama 5 hingga 10 tahun. Kementerian dan agensi yang menyewa atau yang mengalami kesesakan ruang pejabat akan diberi keutamaan untuk berpindah terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 24 hingga 50 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **22 Disember, 1994**

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Puan Kelsom sambung perbahasan.
3.35 ptg.

Puan Kelsom binti Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menyambung,

Tuan Yang di Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Memandangkan ramai ibu bapa yang telah menyedari bahawa pendidikan agama Islam adalah penting dan pelajar-pelajar juga sudah berminat dengan sekolah-sekolah menengah agama, maka perlulah kementerian memberikan perhatian. Boleh kita lihat, pada awal persekolah dibuka, pada tiap-tiap tahun ramai pelajar yang ingin belajar di sekolah menengah agama tidak mendapat tempat kerana sekolah yang ada sekarang, terutamanya yang disediakan oleh kerajaan negeri tidak mencukupi dan juga dengan keadaan yang tidak begitu selesa disebabkan bilik darjah yang tidak begitu cukup dan begitu juga dengan asramanya.

Ada di antaranya yang sanggup memasuki sekolah-sekolah pondok kerana tidak mendapat peluang untuk memasuki sekolah kerajaan sedangkan di sekolah pondok tidak mempunyai sukatan pelajaran yang selaras dengan sukatan pelajaran yang disediakan oleh kementerian dan terdapat juga guru-guru yang tidak terlatih dan berkelayakan.

Tuan Yang di- Pertua, selain daripada itu, keselamatan di sekolah ini juga tidak terjamin. Baru-baru ini berlaku lagi kejadian yang menyedihkan iaitu kebakaran di asrama di salah sebuah sekolah agama pondok. Ini bukan sahaja membahayakan keselamatan pelajar-pelajar tetapi sedikit sebanyak telah mengganggu pelajaran mereka. Selain dari itu juga, secara tidak langsung pelajar-pelajar ini mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang anti kerajaan. dan dari situlah mulanya pelajar-pelajar telah membenci kerajaan kerana mereka merasakan tidak mendapat perhatian dari kerajaan

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan supaya sekolah menengah kebangsaan agama ditambah di semua negeri-negeri terutama di kawasan luar bandar, tidaklah hanya terdapat sekolah-sekolah menengah agama ini hanya sebuah ataupun dua buah sahaja bagi tiap-tiap negeri. Mengenai dengan pencapaian dan keputusan peperiksaan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. agama ini, mampu melahirkan pelajar-pelajar cemerlang setanding dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang ada di negara ini.

TuanYangdi-Pertua,di sini juga saya ingin menyentuh tentang peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Bahagian Kemajuan Masyarakat. Berhubung dengan bangunan kelas-kelas tabika dan juga bengkel-bengkel latihan kemahiran yang dijalankan di kawasan luar bandar dengan hanya menumpang di bangunan-bangunan balairaya, Dewan masyarakat dan di rumah-rumah kediaman yang mana keadaan sebegitu tidak dapat memberikan keselesaan kepada pelajar-pelajar dan peserta-peserta yang mengikuti kelas-kelas tersebut.

Selain daripada itu juga, suasana ini tidak dapat menarik minat peserta-peserta, terutamanya kepada belia dan beliawanis.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya mencadangkan supaya kementerian ini dapat membuat bangunan-bangunan yang lengkap dengan peralatan-peralatan untuk meyakinkan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang menyertai program yang disediakan oleh kerajaan melalui kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyokong Belanjawan 1995 yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Mohd. Radzi.

3.40 ptg.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berdiri di sini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1995. Oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak akan menyentuh banyak kementerian, hanya satu, dua sahaja.

Bab pertamanya ialah mengenai Jabatan Imigresen. Di sini, saya tertarik hati oleh sebab kita selalu melaung-laungkan yang kita ini mempertahankan Islam di Bosnia dan merata-rata tempat tetapi di tempat kita sendiri, kita tidak berapa nampak apa yang telah berlaku.

Di sini, suka saya hendak mengatakan mengenai satu golongan yang telah teraniaya dan saya harap perkara ini akan disiasat oleh Kementerian Dalam Negeri. Baru-baru ini saya terjumpa dokumen-dokumen mengenai mereka yang datang dari Indonesia. Mereka ini telah datang ke Malaysia untuk mencari kerja yang halal tetapi telah tertipu hinggakan mereka terpaksa menjalankan kerja-kerja dan mengamalkan cara hidup yang bertentangan dengan agama Islam. Perkara **ini**, saya rasa telah pun disentuh oleh Majlis Agama Islam Kedah dan juga beberapa badan dan di sini, saya hendak menarik perhatian oleh sebab saya berjumpa dengan dokumen-dokumen yang menunjukkan mereka ini benar-benar teraniaya. Selalunya pembantu-

pembantu rumah ini datang dengan dua cara. Satu, secara yang sah dengan menggunakan passport. Satu lagi dengan cara yang haram.

Jadi, dalam dua-dua cara ini **pun**, saya nampak ada perkara-perkara yang patut kita siasat semula untuk menentukan mereka ini dapat dipertahankan sekurang-kurangnya cara-cara mereka hidup dengan tuan-tuan rumah yang menggajikan mereka itu.

Dalam borang yang saya dapat di **sini**, selalunya mereka ini akan ditemui oleh ejen-ejen di Indonesia, sama ada Medan, Jakarta dan sebagainya dan ejen di sana akan mengedarkan suatu borang. Dalam borang ini pelbagai persoalan dimasukkan dar, di antaranya, di **sini** saya bacakan, "Adakah anda bisa memegang dan memotong daging babi?" Lepas itu pula ada lagi, "Bolehkah anda makan daging babi?" Dan lain-lain pula bermacam soalan hendak menentukan mereka ini datang boleh buat apa sahaja. Sampai ada juga yang ditanyakan, bolehkah tidak mengambil anak dari rumah ke sekolah? Apakah anda bakut dengan anjing?" Saya tidak tahu apa erti 'bakut' di **sini** atau binatang peliharaan lain dan sebagainya. Jadi, dalam perkara ini mereka ini selalunya....

Timbalan Yang di-Pertua: 'Bakut' itu maksudnya 'takut'lah.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: 'Bakut'. B-a-k-u-t.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat itu spelling error.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Oh ya, haruslah sekali. "Takut dengan anjing atau binatang peliharaan". Jadi, dalam borang ini semuanya akan **diisi** oleh majikan, bukannya mereka. Kalau saya ambil

borang ini sebagai contoh. Kalau lihat tandatangan perempuan yang memohon **ini**, saya rasa dia membaca pun tidak tahu. Kita tahu tandatangan orang yang pandai membaca atau tidak pandai membaca. Jadi, semuanya ini **diisi** oleh majikan dan setelah **diisi** oleh majikan, mereka ini datang, dikeluarkan pasport, dibawa masuk secara sah dan **diberi** kepada ejen di sini pula. Selalunya bayarannya lebih kurang RM2,800. Lepas itu pula, **tiap-tiap** bulan mereka terpaksa bayar **balik** RM100 sebulan selama 10 bulan. Ini bermakna seorang-seorang satu kepala ini dicaj sebanyak RM3,800.

Jadi, itu pun tidak mengapa, tetapi yang masalahnya ialah mereka ini akan disuruh membuat apa sahaja kerja. Kalau di rumah orang Islam tidak **apa**, tetapi di rumah yang bukan Islam? Saya menyatakan begini oleh sebab saya mendapat bukti mereka ini dipaksa memasak babi, memotong babi. Sampaikan bila ditanya, "Macam mana makan?" "Makan sayur sahajalah". Begitulah cara depa dan begitu juga kalau mereka hendak **lari**, mereka tidak boleh **lari** sebab pasportnya disimpan oleh majikan mereka. Kalau mereka **lari**, kadangkala mereka ditangkap oleh pihak polis dan sebagainya, mereka takut oleh sebab majikannya kaca mereka ini memang datang dengan cara haram. Dengan cara itu mereka terikat bertahun-tahun bekerja dengan majikan-majikan yang kadangkala tidak memberi penghormatan kepada kepercayaan mereka dan juga budaya hidup mereka.

Jadi, saya harap perkara ini dapatlah disiasat oleh kementerian, oleh sebab saya percaya bilangan yang teraniaya ini

cukup banyak. Petang tadi, Setiausaha Parlimen Kementerian telah mengatakan bilangan pembantu rumah sahaja yang berdaftar ialah 63,000. Yang tak daftar kita tidak tahu. Jadi, ini bermakna harus ada ratusan ribu dan dalam kajian saya, lebih daripada setengah pembantu rumah ini duduknya atau tinggalnya di dalam rumah bukan Islam. Banyak orang Melayu kita tidak ada ambil orang gaji. Ini bermakna 50,000 adalah lebih kurang anggaran mereka ini yang sekarang didedahkan kepada perkara yang tidak sihat.

Dalam perkara inilah apabila disoal-siasat lagi, kita dapati tidak ada langsung perlindungan yang diberi kepada pembantu-pembantu rumah ini. Satunya, pembantu rumah ini terpaksa membuat kontrak pekerjaan. Itu pun ianya mengatakan ia akan taat dan mematuhi apa syarat dan kalau melanggar syarat, akan dihantar pulang tetapi tidak pula ada satu kontrak oleh majikan mengatakan kalau mereka melanggar syarat, mereka pula boleh diambil tindakan terhadap mereka.

Jadi, cara mana sekalipun kumpulan ini sudah tentu kalah ataupun they are losers either way, dengan izin.

Jadi, dalam perkara **ini**, saya hendak mengesyorkan supaya cara-cara kemasukan mereka ini diawasi dengan lebih rapi dan juga cara-cara untuk menentukan mereka ini dipelihara dengan baik juga hendaklah diwujudkan. Saya mengesyorkan di **sini**, supaya mana-mana majikan juga hendaklah membuat kontrak dengan kerajaan yang mereka ini akan menjaga pembantu-petnbantu rumah ini mengikut tertib yang kita patut tentukan. Kalau mereka tidak berbuat begitu, mereka juga boleh didakwa. Dengan cara **ini**, kita boleh menentukan mereka ini tidak langsung dieksploitasi oleh majikan-majikan.

Selain daripada itu juga, saya mencadangkan kalau boleh, Jabatan Imigresen menyimpan pasport-pasport mereka ini. Jabatan Imigresen memang ada kuasa menyimpan pasport siapa sahaja - simpanlah pasport mereka ini, keluarkanlah special pass ataupun pas khas untuk mereka, cukup masanya mereka boleh dataag ke Pejabat Imigresen untuk melaporkan diri dan dengan cara itu kita boleh perkemaskan lagi tracking ke atas mereka ini bagi menentukan keadaan mereka ini tidak seperti sekarang ini.

Selain daripada itu juga, saya rasa deposit untuk mengambil orang gaji ini juga hendaklah ditinggikan lagi. Sekarang ini RM500 sahaja. Jadi kalau RM500, cukup murah. Itulah sebabnya bilangan pembantu rumah yang diambil dari Filipina sekarang ini berkurangan. Sebabnya, pihak Embassy mereka telahpun menetapkan wang pertaruhan yang begitu tinggi. Jadi, mengapa tidak kalau kita tinggikan sedikit wang pertaruhan kepada pembantu rumah dari Indonesia untuk mengurangkan kezaliman ke atas mereka ini?

Selain daripada itu juga, saya rasa elok juga Jabatan Imigresen diperlihatkan bagaimana hendak mengawal mereka ini supaya jangan datang berduyun-duyun tanpa apa kawalan hinggakan kalau kita lihat satu tempat yang dekat dengan tempat saya di sana - di Lumut, tiap-tiap kali bot datang dari Medan ke Lumut, penuh dengan pembantu-pembantu rumah ataupun dikatakan pelawat-pelawat dari Medan, siap dengan pasport baru, siap dengan wang RM400 sebagai bukti yang mereka ini adalah pelancong dan kemudian semuanya terus naik satu bas. Dia ambil balik duit RM400 ini tadi dan mereka

pun teruslah diagihkan kepada majikan-majikan mereka. Jadi, kalau tak percaya pula, pergi tengok - bila balik pula bot itu, penuh atau tidak? Sebabnya mereka ini selalu datang dengan bot yang sama, tunjukkan pula return ticket melalui bot yang sama. Tetapi mengapa pula bila balik, kosong? Selalunya mereka ini hanya diberi 2 minggu.

Ini saya minta kementerian siasat macam mana boleh datang penuh, balik kosong? Ke mana perginya mereka ini? Dengan cara kawalan yang sedemikian, saya rasa bilangan yang saya rasa dizalimi ini dapat kita kurangkan lagi. Itu mengenai satu perkara di Jabatan Imigresen.

Satu lagi perkara am. yang saya dapati pelik sedikit ialah mengenai konsep Jabatan Imigresen sekarang ini yang saya rasa cukup ketinggalan zaman. Mengikut Jabatan Imigresen sekarang ini, pelawat-pelawat asing dibahagikan kepada dua. Satu, yang dipanggil rakyat Komanwel dan yang keduanya, yang bukan Komanwel dipanggil dalam bahasa Inggeris, 'alien'. Dalam Bahasa Malaysianya saya tidak tahu adakah atau tidak.

Jadi, yang saya hairan itu, rakyat Komanwel ini diberi cukup banyak kemudahan - boleh datang tanpa visa, boleh datang ke sini selama 3 bulan, beri sahaja visit pass, boleh lepas sampai enam bulan atau setahun. Tetapi, apabila 'alien' ini pula, mesti ada hanya 2 minggu, selepas lagi hendak lagi pergi ke Jabatan Imigresen, sambung lagi. Kalau ASEAN, harus dapat 3 bulan dan sebagainya. Jadi saya tidak nampak mengapa perkara ini patut berlaku sekarang di dalam zaman moden ini? Kita tidak lagi terikat dengan Komanwel.

Saya tak nampak mengapa negara seperti satu negara Komanwel di Afrika ini kurang allienya daripada satu negara yang dekat dengan kita - seperti Burma, seperti Indonesia di mana pas lawatan mereka ini disekat? Kalau hendak duduk lama, kena ambil visa dan sebagainya.

Sepatutnya perkara ini elok dikaji semula oleh sebab kita ini sekarang bukan sahaja mengingatkan diri kita dalam Komanwel, tetapi diri kita dari cara in reality ialah dalam ASEAN. Mengapa tidak kerajaan sekarang ini berunding dengan semua kerajaan dalam ASEAN, fikirkan bersama dan adakan status negara-negara ASEAN ini seperti yang kita beri kepada negara-negara Komanwel yang kadangkala tidak ada kena-mengena dengan kita seperti di Jamaica. orang Jamaica. Komanwel boleh datang bila-bila masa tanpa visa. Boleh duduk setahun., setahun setengah atau dua tahun. Itu kuasa Ketua Pengarah Imigresen, sahaja.

Tetapi kalau orang yang dekat dengan kita seperti Phillipines, Burma dan Vietnam semua, hendak kena visa. Walhal yang kita lihatkan sekarang, dan yang kita perjuangkan sekarang ialah regrouping, dengan izin, dengan negara-negara yang berdekatan Jangan kita melalui ASEAN. Oleh sebab itu, rundingan mengenai2perkara ini ialah on a bilateral basis, eloklah dirundingkan dengan tiap-tiap kerajaan agar boleh kita satukan cara menganggap ASEAN ini juga seperti kita anggap orang-orang yang datang dari negara Komanwel. Saya rasa perkara ini tidak susah - Singapura sudah tentu faham dengan konsep itu dan begitu juga Brunei. Tinggal lagi Indonesia, Filipina dan juga Thailand sahaja.

Kalau setakat hendak beri visa free 30 days semua ini, saya rasa tak cukup oleh sebab kita semakin lama, semakin bergerak rapat di antara satu dengan lain. Sekarang ini sudah ada beberapa growth triangle dengan cara membasmikan. - katalah requirement visa **ini**, semacam yang kita buat untuk Komanwel, adalah satu perkara yang saya rasa cukup baik.

Selain daripada itu, saya rasa, kita juga berharap supaya Jabatan Imigresen akan terus menjalankan kawalan mereka dalam perkara ini sungguhpun kita tidak ada lagi masalah keselamatan, tetapi saya rasa satu daripada kawalan yang cukup mustahak ialah Imigresen, Sampai ada seorang penulis mengatakan. kalaulah Red Indian masa dahulu ada Immigration policy, haruslah mereka ini tidak pupus macam sekarang **ini**.

Jadi begitu juga, kita hendaklah mengetatkan lagi kawalan imigresen kita oleh sebab banyak juga perkara-perkara yang telah berlaku sekarang ini di mana kita dapati warga-warga negara lain cukup sukakan. pasport kita **ini**. Mereka rela membayar puluhan ribu ringgit untuk mendapatkan pasport kita oleh sebab pasport kita ini laku ke mana-mana. Saya pun hairan bagaimana pasport-pasport ini boleh juga sampai sekarang dikeluarkan secara pemalsuan. Bukannya pemalsuan pasport, tetapi pemalsuan dokumen "untuk mendapatkan passport. Ini bermakna memalsukan kad pengenalan dan juga birth certificate atau sijil kelahiran.

Dalam perkara **ini**, saya hendak sentuh sedikit mengenai Jabatan Pendaftaran Negara - di Jalan laporan buku biru **ini**, saya tidak nampak penekanan mengenai cara-cara sama ada melalui alat-alat

canggih sekarang atau tidak, bagaimana Jabatan hendak menentukan supaya kes-kes seperti pemalsuan dokumen-dokumen boleh dapat kita elakkan sebanyak-banyak yang boleh.

Ini kita mesti ingat oleh sebab sekarang **ini**, untuk menjadi warganegara, sesiapa sahaja yang lahir selepas tahun 1957, mereka ini akan menjadi warganegara by operation of law. Tidak lagi dengan melalui certificate atau melalui undang-undang tahun 1948 State Enactment dan juga lain-lain undang-undang. Hanya satu sahaja melalui Constitution kita, iaitu sesiapa sahaja yang dilahirkan di sini dianggap menjadi citizen by operation of law, ini bermakna tidak ada certificate hendak menunjukkan kita ini citizen atau tidak.

Yang menunjukkan kita ini citizen atau tidak ialah kad pengenalan kita dan juga sijil kelahiran dan kalau ini boleh dicari dan dipalsukan, ini bermakna, banyakkah bilangan orang yang boleh menjadi warganegara melalui pemalsuan **ini**. Kita sudah dengar macam mana mengenai beberapa orang yang sekarang ini ada dua kerakyatan iaitu Singapura dan Malaysia. Ini juga harus melalui cara ini. Kita juga ada dengar mengenai pendatang haram sekarang ini sudah ada anak - ayahnya belum tahu lagi, dari Indonesiakah ataupun orang tempatan, tetapi kalau dapat dengan kad pengenalan tempatan, automatik anak itu sudah jadi citizen by operation of law.

Jadi pada saya, citizeaship untuk mereka ini patut kita kawal dengan sebaik-baiknya. Sebab **apa**, tidak ada lain dokumen melainkan dua ini sahaja - sijil kelahiran dan juga I.C. Di sini kita minta kementerian mencari jalan supaya pendaftaran anak-anak hendaklah

diperketatkan lagi. Tak boleh dia pergi ke police station, mengatakan, sudah lahir anak seorang, tak ada periksa apa lagi dah, dapat dikeluarkan pula sijil kelahiran, Itulah prima facie evidencenya nanti mengatakan dia ini adalah seorang warganegara melalui kuatkuasa undang-undang ataupun by operacion of law. Dalam perkara ini saya rasa, dalam pengalaman. saya dahulu pun saya dengar kadangkala kalau seorang anak itu lahir - ini cerita 20 tahun dahulu - di India, dia sudah telefon memberinya di sini, namakanlah seorang, kata dia, begini-begini sudah lahir, ini masanya.

Jadi, kawan yang ada di sini pergilah daftarkan, katakan anak ini sudah lahir. Jadi, bila ibunya sudah lepas pantang lima enam bulan, ambil pasport India bawa masuk Malaysia. Bawa masuk Malaysia dengan pasport India, ini bukanlah saya kata India sahaja, lain-lain negara saya tidak tahu. Sudah dibawa masuk ke Malaysia, dia pergi ke Jabatan Imigresen pakai surat beranak yang sudah ditelefonkannya tadi, ambil pula pasport Malaysia dan pada masa itu anak itu sudah ada dua sijil kerakyatan, satu pasport India dan satu pasport Malaysia.

Jadi, apa yang mereka buat sudah dapat dua pasport itu, keluar ke Singapura. Bila keluar ke Singapura, ini dibuktikan dalam rekod Imigresen mengatakan kanak-kanak ini sudah keluar. Tetapi bila dia masuk, dia pakai pasport Malaysia pula lagi. Sekarang dia sudah jadi anak Malaysia. Cara-cara ini saya rasa untuk mendapatkan citizenship memang ada berlaku dan patut kita fikirkan bersama cara mana hendak memperketatkan lagi sistem, full proof kalau boleh supaya tidak kita dapati perkara-perkara seperti yang kita dengar anak Indonesia dilahirkan dan didaftarkan sebagai rakyat Malaysia dan sebagainya.

Timbalan Tang di-Pertua: Pengalaman dua puluh tahun dulu macam mana? Masa itu bertugas sebagai apa?

Dato' Mohd. Radri bin Manan: Jabatan Imigresen.

Timbalan Yang di-Pertua: Lebih dia punya kredibilitilah itu.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Itu melalui pengalaman saya. Saya rasa itu sahaja mengenai Jabatan Imigresen. Sekarang saya pergi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Saya suka" menyentuh. mengenai sasaran supaya mencapai 8.5 juta pelancong hendak melawat; Malaysia: mengikut, buku biru dan sehingga bulan Oktober mengikut Setiausaha Parlimen tadi, 4.2 juta pelancong "sudah sampai ke Malaysia dan daripada 4.2 juta pelancong ini 3.2 juta pelancong datangnya melalui Tambak Johor merupakan 75'' daripada nationah total..

Timbalan Tang di-Pertua: 72%.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Lebih- kurang. Saya tidak ada calculator. Tetapi yang saya maksudkan di sini ialah kurang daripada 20% pelancong-pelancong datangnya daripada negara-negara maju. Daripada Eropah, Amerika Syarikat Jepun, Korea Hong Kong, Australia - the big spenders. Kurang! Kalau mengikut jawapan Setiausaha Parlimen kementerian minggu lepas, empat tahun yang lalu cukup banyak yang datang tetapi hanya 4.5 juta dalam tahun yang lalu . Ini bermakna -sejuta - lebih sahaja yang datang daripada negara-negara maju. Yang lain datangnya daripada negara ASEAN.

Persoalannya adakah mereka ini datang sebagai -pelancong? Yang ramai ini tadi yang saya soal lagi sekali,- Adakah mereka ini datang berulang-alik dua kali ganda, dua kali bilang? Adakah mereka ini banyak datang dari Singapura? -Daripada 752 ini. Saya minta kementerian kaji. Oleh sebab, kalau kita lihat tiap-tiap hari bampir 90,000 orang datang melalui Tambak Johor. Ke mana mereka ini? Kalau 90,000 orang pelancong, setengahnya naik bas, kita hendak" 1,000 bas datang ke Kuala Lumpur. Tidak ada. Kalau naik teksi, mana dia? Seorang satu teksi empat orang. Berapa ribu teksi?

Jadi, saya membawa perkara ini oleh sebab saya fikirkan kita tidak mahu kementerian memikirkan semuanya ini pelancong dan apabila sampai ke angka 8.5 juta pelancong, kita kata kita sudah mencapai sasaran. Harus dari segi bilangan, tetapi dari segi target group, sama ada mereka ini pelancong atau tidak, saya rasa belum tahu. Jadi, saya minta kementerian kaji perkara ini supaya sasaran sebenarnya dapat kita perbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini daripada segi kaedah pengutipan data ya?

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Oleh sebab banyak juga mereka yang datang ini, mereka ini datang dikatakan sosial - senang. Kalau kata social visit ini, dia lepas. Kalau kata business nanti banyak tanya. Business apa? Jadi, lebih baik buat sosial sahaja, tidak payah buat business. Jadi, perkara ini juga hendak diperbetulkan. Di sinilah saya terbaca dalam paper ada kemungkinan hendak gunakan smart card. Jadi, saya rasa ada baiknya kerajaan memikirkan supaya mereka ini yang selalu ulang-alik di Tambak Johor, di Changlung, di Bukit Kayu Hitam ataupun di Padang Besar dan juga di Kota Bharu, kita adakan smart card.

Jadi, kita tahu kalau mereka ini pakai smart card, they are not tourist. Sebab apa? Kalau tidak kita tidak dapat sasaran kita. Setengah negara dia membawa empat orang pelancong kepada tiap-tiap seorang penduduknya. Kita baru hendak bawa setengah orang pelancong bagi tiap-tiap seorang penduduk. Jadi, kalau sasarannya pun tidak betul, saya rasa lambatlah lagi baru kita capai pencapaian sebenar.

Selain daripada ,itu juga, -saya hendak, menyentuh sedikit mengenai. promosi Malaysia kita. Bagaimana hendak memberi 'Malaysia kita ini terkenal? Satu daripada yang saya nampak, kementerian akan mengadakan 27 promosi luar pada tahun depan kalau mengikut buku laporan ini. Jadi, di sini saya suka memberi pendapat saya, promosi luar negara memang baik. Tetapi adakah kesan kita bawa orang kita pergi menari dan sebagainya dedahkan 'budaya kita dan lain-lain. Tetapi kadang kala saya fikir ia ini macam sarkas'. Bila sarkas datang ke pekan, kita pergi tengok. Bila sarkas balik kita tidak ikut sarkas itu. Jadi, harus kita bawa show kita ke sesuatu tempat tetapi orang ikut kitakah tidak? Jadi, dari segi ini kita mesti cari jalan lain dan satunya saya rasa elok bawa wakil-wakil mereka ini ke dalam supaya mereka balik cerita pasal Malaysia. Cara itulah yang saya rasa cukup-cukup efektif.

Saya lihat "baru-baru ini beberapa bulan lepas kita ada pesta bunga (Flora Fest) "atau apakah dia?

Timbalan Yang di-Pertua: Betul. Di Pasadena,

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tidak. Yang di Kuala, Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, di Kuala Lumpur.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Jadi, yang di Kuala Lumpur itu cuma ada 1A sahaja yang mengambil bahagian. Daripada 14 peserta ini berapa agaknya yang dari luar negeri? Takkanlah kita hendak panggil TNB juga, Majlis Bandaraya yang semuanya sama tiap-tiap tahun. Kita mesti bawa mereka ini datang, -belanja sedikit, beri mereka tiket free, beri mereka hotel free. Dengan ,cara itu, bila mereka hantar wakil mereka ke-sini, televisyen mereka pun ikut dan apa yang kita lakukan. di sini akan disiarkan di negara mereka . dan mereka balik bercerita. Cara itu, saya rasa lebih berkesan daripada kita pergi 27 kali. Kalau boleh reversekan sedikit. Setengah belanja itu kita buat cara itu pula.

Mengapa kita kenal Pasadena? Sebab MAS ataupun wakil kita ada di sana bertanding. Sampai kita berjegil mata malam-malam hendak tunggu mana kereta berhias MAS - kita hendak tengok. Kalau tidak ada MAS ataupun Kerajaan Melaka mengambil bahagian, saya rasa kita tidak ingat pun Pasadena sangat. Apa guna kita ambil live celecast dari Pasadena kalau tidak ada kita di sana? Jadi, begitu juga kalau mereka ini datang ke mari, Boleh agaknya acara kita ini di"live telecast"kan oleh CNN dan sebagainya? Dengan cara itu, liputan Malaysia akan lebih berkesan.

Di sini iugalah, saya hendak menyentuh sedikit. ada juga banyak negeri buat Minggu Pelancong dan sebagainya tetapi saya tengok banyak mereka seronok sendiri. Buat minggu Pelancong, buatlah apa float dan sebagainya, datanglah dari semua, dari atas sampai ke bawah tetapi mereka sahaja. Kalau ada pelancong pun betul-betul pelancong yang lalu itu menengok sekejap. Yang kita hendak pelancong dari luar betul-betul, supaya mereka ini dapat datang bercerita dan sebagainya.

Jadi di sinilah saya rasa elok juga difikirkan cara kita hendak memberi publisiti kepada negara kita supaya kita boleh menjalankan satu-satu acara ini dengan cara yang cukup-cukup, berkesan. Macam di Eropah sana setengah bandar-bandar ini, mereka memberi tawaran kepada banyak acara antarabangsa. Kalau difikirkan, satu-satu acara antarabangsa itu mendapat publisiti yang global, mereka akan membayar cukup-cukup banyak wang hingga memberi hadiah dan sebagainya, ini bandar-bandar sendiri. Katalah kita ambil off-shore race, yang ini satu dunia tak tahu apakah dia off-shore race-itu. Jadi, sebab itu banyak negara kata, katalah dari Eropah, dia kata buat di negara saya, buat di pekan saya, ini free, itu free, hadiah lumayan, mereka datang, sampaikan organisation yang besar-besar di peringkat antarabangsa ini pun tidak susah. menjalankan apa-apa sahaja acara kita sebab ada galakan daripada pihak tempatan.

Jadi, begitulah saya harap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hendaklah mengadakan juga peruntukan untuk galakan seperti ini. Bukan galakan katalah kita adakan untuk biasa tetapi galakan kepada acara-acara antarabangsa. Yang kita tahu ada di Malaysia, publisiti akan sampai diikuti oleh semua mass media. Jadi, dengan cara itu publisiti Malaysia akan lebih menjadi efektif daripada yang kita ada sekarang ini.

Selain, daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu lagi cukuplah - Kementerian Perusahaan Awam. Minggu lepas saya

sangat tertarik hati dengan Jawab Mulut Yang Perhormat Timbalan Menteri berkenaan yang menyatakan pihak MARA tidak bercadang menjual syarikat yang untung kepada bumiputera. Yang hendak jual pun, yang rugi sudah jual dua, itu sahaja yang rugi. Jadi, yang saya seronok itu bukan sahaja setakat Mara, ini membayangkan juga daya pemikiran badan-badan yang lain di peringkat negeri dan lain-lain. Jadi, yang hendak dijual rugi sahaja.

Jadi, dalam perkara ini saya rasa elok kementerian semak balik usul asal mengapa MARA ini ditubuhkan. Semak balik mengapa SEDC-SEDC ditubuhkan selepas Mei 1969. Semak, balik mengapa PERNAS ditubuhkan. Semata-mata oleh sebab pada masa itu orang Melayu tak ada yang berniaga, jadi diperniagakan mereka ini, dibuatkan akta membolehkan kerajaan berniaga, hendak menolong orang Melayu sementara mereka ini hendak belajar. Tetapi sekarang apa sudah jadi? MARA berniaga, SEDC berniaga, PERNAS berniaga. . MARA berpuluh subsidi. SEDC pun begitu. Ada setengah SEDC itu lagi kuat sampai kerajaan negeri pun mereka tak peduli. Memang ada pernah berlaku, Begitu juga PERNAS, sampai sekarang menjadi gergasi, hendak beri dekat siapa pun mereka tak berani. Ada orang yang minta untuk seorang sahaja ataupun mereka kata, oh sekarang ini perniagaan sudah baik sangat, Melayu berniaga tidak boleh buat, saya pun tidak tahu ya.

Jadi, dalam perkara ini saya rasa, eloklah badan-badan ini tengok balik. Apa asal usul, mengapa mereka terpaksa berniaga pada masa dulu. Dasar ini saya rasa tahun 1970, ini sudah 1994, dekat satu generasi. Tak boleh lagi fikirkan Melayu ini boleh berniaga. Saya

rasa itu sangat keterlaluan. Sebab apa, saya ambil MARA sahaja, Cukup banyak anak syarikat, syarikat bas cukup banyak. Tetapi saya tahu setengah syarikat itu untungnya RM10,000 arau RM20,000 setahun. Bila ditanya mengapa tidak diberi, oh ini susah sebab union dar sebagainya. Jadi, bila kita kata mengapa tak beri kepada bumiputera, bukan butniputera ini hendakkan free. Dia bayar. Bila hendak beli itu dia bayar. Dan bila dapat duit melalui pembelian/penjualan ini, kementerian boleh pula gunakan wang tersebut sebagai modal, create more, adakan lagi. Jadi, dengan cara itu barulah ada nampak Kementerian ini menjalankan tugas mereka.

Sepatutnya di sini saya mengesyorkan supaya prestasi MARA, badan-badan SEDC dan juga kementerian hendaklah ditukarkan yardstick atau kayu pengukuranya. Sebaik-baiknya kayu pengukur bagi kementerian yang saya katakan ini ialah kalau banyak syarikat yang diserahkan kepada bumiputera dan banyak pula yang diserahkan itu kepada bumiputera dan berjaya, ini bermakna kementerian itu adalah kementerian yang cukup-cukup baik prestasinya. Bukan berapa milion yang dipegang mereka yang mereka ini efisien. Saya rasa konsep itu salah. Banyak juga setengah itu kata, oh kami sekarang ini menjalankan perniagaan begitu banyak pusingan, begitu banyak modal. Tetapi modal ini untuk siapa. Untuk diberi kepada bumiputera.

Jadi, ada baiknya, performance itu, prestasi itu, hendaklah berlandaskan kepada berapa yang boleh diberi balik ataupun di jual kepada bumiputera-bumiputera yang difikirkan boleh menjalankan perniagaan. Dalam perkara ini banyak juga kementerian kena

menjawab, oh nanti bumiputera jual. Kalau sudah tahu begitu janganlah beri semua. Kalau kata bumiputera A hendak minta satu syarikat, jangan terus beri 51% ekuiti. Buat agreement, okay sekarang saya beri awak tahun ini saya beri 10% ekuiti. Tetapi management buat terus seolah-olah dia roempunyai 51% ekuiti. Kalau selepas tahun itu, kompeni itu menjadi lebih baik, . untungnya lebih besar, beri lagi 10%. Baik lagi, beri lagi 10%. Sudah tentu selepas 5 tahun, dia ini boleh jalan sendiri baru lepaskan ekuiti yang majoriti kepada yang berkenaan. Dengan cara ini kita juga tidak ada tohmah mengatakan ada yang diberi , jual terus ataupun ada yang diberi, dia tak jual dia punya holding company, dia buat asset stripping. Dia jual pula subsidiary ini hendak bayar balik hutang dia. Tetapi holding company dia tak jual. In the end, serupa juga. Kalau holding company sudah tidak ada subsidiary, apa nama kompeninya - kosonglah.

Jadi, dengan cara itu kita boleh saya rasa serahkan kepada bumiputera-bumiputera dengan cara yang saya syorkan tadi, sedikit-sedik Tunjuk bagus mangement, lagi. tunjuk bagus management, lagi. Itulah yang patut kita buat untuk menentukan tidak ada syarikat yang difikirkan boleh hilang begitu sahaja.

Selain daripada itu Kementerian Perusahaan Awam, saya hendak sentuh mengenai teksi. Kalau kita tunggu di pekan ini dia kira nasib. Kadang-kadang dapat teksi cantik, tetapi selalunya dapat teksi buruk. Saya bukanlah hendak mengada-adakan atau merekakan keadaan, saya memang ada masuk satu teksi hinggan saya boleh nampak jalan di bawahnya, ada berlubang dalamnya, asap pun masuk. Jadi, bila saya tanya, teksi ini adalah teksi perseorangan. Jadi, maasalah saya

di sini ialah Kementerian jangan sahaja fikir berapa teksi diperlukan, berapa permit hendak keluar, awasi jugalah teksi-teksi yang sudah ada ini oleh sebab teksi-teksi ini boleh dianggapkan sebagai ambassador kepada negara kita. Apabila seorang itu naik teksi, apa rasa kita terhadap negara. Jadi, kita tahu, kita pergi tak usah jauh, Singapore. Kita tengok teksi itu semuanya serupa, semuanya cantik, semua 'parade'. Pemandu teksi cukup tertib. Kalau ada teksi yang hendak potong dia, dia pula kata jangan. Cukup disiplin. Tetapi di sini apa jadi. Habis banyak kadang-kadang, dia cerita, dia hentam kerajaan. Itu banyak.

Jadi, di sini saya rasa eloklah kita fikirkan cara mana hendak membaiki taraf perkhidmatan teksi kita. Saya rasa cara-cara itu banyak. Satunya saya rasa elok kita adakan kawalan yang baik dan juga pemeriksaan yang lebih rapi ke atas teksi-teksi. Kalau boleh di pekan besar, biarlah syarikat-syarikat besar modalnya dan ada kemampuan pengurusan untuk mengendalikan teksi-teksi. Tak usah kita buat macam sekarang, pcrsendirian jalankan teksi, ikut sendiri sahaja. Jadi, dengan cara itu imej teksi kita tidak ada langsung. Kalau boleh juga, di mana yang ada persendirian sekarang ini, diserapkan kepada satu konsortium supaya dapatlah semua teksi di dalam bandar ini dan juga bandar-bandar lain menjalankan tugas mereka dengan baik. Masa pukul 2.00 dia tanya pula "Hendak pergi mana?" "Oh, saya tidak pergi", dia pun tutup balik. Dia boleh buat macam itu. Sepatutnya teksi ini mesti ambil kita ke mana kita hendak pergi, dia mesti bawa.

Jadi, saya harap teksi-teksi ini juga dapat kita memperbetulkan supaya mereka lebih besar, lebih bersih, selesa dan baik pengurusannya. Itu kita minta.

Timbalan Yang di-pertua: Boleh ringkaskan sedikit, Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi?

Dato' Mohd. Radri bin Manan: Boleh, saya ringkaskan lagi. Kalau boleh, saya minta kerajaan berilah subsidi kepada teksi-teksi. Kompelin fasal depa pun tidak cukup. Oleh sebab kadangkala kita tanu mereka pun ada masalah - masalah modal hendak cari teksi yang baik. Kalau boleh, biarlah Proton buat satu reka bentuk teksi ala Malaysia. Macam di London, ada "London Taxi". Harus juga kita ada Proton Teksi dengan cara kita pula, lebih murah dan sebagainya. Kalau terpaksa, ada baiknya kerajaan memberi subsidi ataupun pelepasan cukai-cukai teksi. Saya rasa tidak apalah kita kurang dapat cukai daripada mereka asalkan imej kita melalui teksi-teksi ini dapat terjamin. Selain daripada itu, teksi pun tidak cukup, drebar pun kita hendak memperbetulkan. Sebaik-baiknya mereka ini pergi kursus; dah lulus kursus barulah diberi kebenaran membawa teksi di mana-mana sahaja.

Jadi, saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya masa yang begitu panjang dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1995. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang;

4.22 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, -Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun, untuk mengambil bahagian dalam membahis Belanjawan 1995 dan menyokong penuh Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu dalam bidang pertanian, oleh kerana sebanyak -RM1.232 -bilion telah diperuntukan untuk pertanian kita, Ini adalah berpatutan oleh kerana kebanyakan masyarakat kita di Malaysia ini ialah - dari golongan para petani. Oleh itu, saya minta peruntukan ini lebih banyak disalurkan kepada negeri masing-masing, lebih-lebih lagi kepada negeri Sarawak dan Sabah oleh kerana di sana terdapat tanah yang terbiar. lebih luas. Oleh itu, kita perlu mencadangkan kepada kerajaan untuk membuka satu rancangan tanah yang sesuai untuk kita bercucuk tanam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu juga, saya merayu kepada kerajaan oleh kerana kebanyakan petani-petani kita iaitu di pedalaman, oleh kerana kebanyakannya menghadapi masalah baja padi bukit yang tidak mencukupi diedarkan kepada petani-petani, lebih-lebih lagi kepada petani pedalaman. Maka tahun ini, baja ini tidak sampai kepada mereka oleh kerana harga baja telah naik di negeri Sarawak. Semasa dahulu, baja ini telah diberi subsidi oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian, maka di sini saya minta pihak berkenaan

memberi subsidi juga kepada baja padi bukit ini.

Begitu juga kita lebih maklum, Sarawak juga pengeluar lada yang lebih besar tetapi malangnya sekarang harga lada " jatuh oleh sebab-sebab 'world market' dengan izin. Itu juga membebankan para petani-petani yang menanam lada dari Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua: Lada itu cili ataupun...

Tuan Janggu Anak Banyang: Lada hitam.

Timbalan Yang di-Pertua: Lada hitam.

Tuan Janggu Anak Banyang: Oleh itu, kos pengeluaran lada-lada itu tadi yang melampau tinggi juga iaitu membebankan para petani. Saya berharap juga kerajaan akan mempertimbangkan memberi subsidi kepada petani-petani yang menanam lada itu. Olen kerana harga kos itu tinggi, itulah menjadi masalah untuk mencabar kepada penanam-penanam lada hitam.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta perhatian, kalau dapat, oleh kerana di pedalaman, lebih-lebih kita tahu di Sarawak itu kekurangan jalan raya - jalan-jalan kecil atau jalan-jalan kampung. Maka itu petani-petani kita susah hendak pergi ke kebun-kebun mereka melalui jalan-jalan tetapi malangnya mereka terpaksa pergi ke kebun menggunakan enjin sangkut, seperti saya akan beri contoh nanti.

Kebanyakan di kalangan petani di ulu-ulu sungai seperti pedalaman di Sarawak dan Sabah juga menggunakan enjin sangkut. Oleh yang demikian, enjin sangkut ini sekarang telah naik harga juga oleh kerana enjin ini, datang dari negeri Jepun. Oleh kerana wang Jepun sudah naik, yen sudah naik, maka harga enjin sangkut pun naik.

Saya akan bandingkan masa 3 tahun dahulu, enjin sangkut yang mempunyai tiga kuasa kuda (3 horse-power), dengan izin. Dahulu hanya RM280.00 tetapi sekarang menjangkau RM780.00 dan juga lagi satu contoh - enjin 15 kuasa kuda "berharga RM980 dahulu, harga sekarang RM2,980. Inilah sebab-sebab kenaikan harga enjin sangkut ini membebankan para petani kita, lebih-lebih lagi orang pedalaman, knususnya mereka yang pergi ke kebun dan mencari hasil pendapatan menggunakan enjin sangkut. Dan juga enjin ini digunakan oleh para nelayan kita seperti di Sarawak. Enjin sangkut ini adalah penting sekali untuk mata pencarian dan menambah hasil pendapatan harian mereka.

Dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kementerian berkenaan akan mengambil kira untuk memberi subsidi kepada petani-petani yang ingin merabeli enjin sangkut ini untuk kegunaan seharian untuk mencari hasil pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh masalah kesihatan. Oleh itu, kebanyakan peruntukan itu perlu menumpukan perkhidmatan kesihatan, lebih-lebih lagi kepada luar bandar. Maka peruntukan ini menggunakan lebih kurang RM300 juta. Saya juga mencadangkan peruntukan ini disalurkan kepada negeri Sarawak dan Sabah juga oleh kerana di Sarawak kita susah hendak menghantar pesakit-pesakit ke hospital-hospital oleh kerana jauh. Oleh itu, saya minta pihak berkenaan membina hospital, dengan izin, district hospital, di daerah-daerah seperti di negeri-negeri Sarawak dan Sabah juga. Oleh itu, kepentingan perkhidmatan - kesihatan penduduk-penduduk di situ, saya harap akan dapat dipertimbangkan dengan secepat mungkin.

DN.27.12.94

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan peruntukan. sebanyak- RM119 juta, kita sedia maklum bahawa sungai-sungai di Sarawak telah banyak dicemarkan. oleh pembalakan dan air sungai tidak dapat diminum oleh kerana kotor, saya berharap supaya water supply, dengan. izin, akan dapat diberi keutamaan terutamanya di Sarawak dan juga Sabah.

Tuan. Yang di-Pertua, menyentuh mengenai elektrik, sekarang kerajaan. telah memperuntukkan RM179.6 juta untuk membaikpulih dan mengadakan electricity kepada negara kita, ingin saya mencadangkan. supaya peruntukan ini akan diberi lebih banyak lagi kepada negeri Sarawak oleh kerana pedalaman negeri Sarawak telah tidak dapat menikmati elektrik seperti di bandar-bandar negara kita ini.

Juga saya menyentuh mengenai pembangunan tanah. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, Sarawak mempunyai kawasan tanah yang lebih luas tetapi belum dibangunkan. Oleh itu, saya harap pihak swasta akan pergi ke Sarawak dan Sabah untuk membangunkan tanah-tanah yang belum dibangunkan seperti di pedalaman yang mana sekarang ini lebih sesuai untuk ditanam dengan kelapa sawit, getah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam program PPRT. Oleh kerana tahun ini kita telah diperuntukkan sebanyak RM176 juta untuk memberikan kemudahan dan pertolongan kepada rakyat yang

termiskin saya harap kita tidak akan lupa kepada negeri Sarawak dan Sabah oleh kerana kebanyakan orang-orang di pedalaman adalah mereka yang miskin Oleh kerana kemiskinan itu saya harap peruntukan ini akan diberi" lebih-lebih lagi dalam, pembinaan-sekolah-sekolah kepada mereka dan kemudahan-kemudahan, kesihatan dan kemudahan sekolah-sekolah bimbingan kepada anak-anak mereka di bahagian pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh sedikit dalam pendidikan. Dalam, pendidikan ini kita telah diberi peruntukan dalam Belanjawan. ini sebanyak' RM10.31 bilion. Saya, harap, ini akan diberikan perhatian "yang serius oleh- kerana kebanyakan .anak-anak kita lebih-lebih lagi yang gagal dalam UPSR, SPM dan STPM. Kita tidak ada tempat 'training bagi mereka untuk mencari kerja kemahiran di kilang-kilang dan sebagainya. Untuk peringkat bahagian atau daerah, saya merayu kepada kementerian berkenaan supaya membina tempat-tempat latihan. ini seperti sekolah vokasional dan teknikal untuk-mereka yang gagal dalam peperiksaan UPSR, SPM dan STPM. Oleh kerana kebanyakan remaja kita sekarang ini, terlibat apa yang kita katakan melepak - bagi remaja-remaja di ulu-ulu sungai mereka tidak ada tempat, untuk melepak tetapi mereka melepak di sungai-sungai untuk memancing dan memburu. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan memberi -juga perhatian-kepada mereka yang gagal ini untuk diberikan latihan kepada mereka yang telah gagal dalam peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Janggu Anak Bauyan: Ya. Akhirnya, saya sekali lagi mencadangkan supaya kita akan memberi pertimbangan bagi menarik

perhatian pelancong yang datang ke negara kita ini. Maka saya harap peruntukan ini juga diberi kepada negeri masing-masing untuk mempercepatkan membina tempat-tempat yang kita tahu boleh menarik pelancong untuk melancong ke negeri kita. Dengan ini, sekianlah perbincangan saya dalam Belanjawan 1993. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali saya jemput Tuan Fu Ah Kiow. Saya beri lima minit sahaja kalau boleh,

4.36 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan. Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk membahas - Raag - Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan 1995.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita yang telah membentangkan satu Belanjawan yang amat berstrategi dan begitu berfokus kepada empat-empat objektif utama seperti mana yang telah diuraikan dalam Belanjawan ini.

Saya yakin dengan sikap positif semua rakyat dengan pihak swasta yang dinamik dan penuh dengan semangat keusahawanan, dengan pegawai kerajaan yang berdedikasi dan pimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang begitu cekap, kita pasti akan dapat mencapai matlamat Belanjawan ini. Namun demikian, izinkan saya memberikan sedikit pandangan terhadap beberapa perkara yang harus diberi perhatian oleh kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Yang pertama, mengenai dengan daya-saing barangan eksport kita di pasaran antarabangsa. Seperti mana kita tahu selepas Perjanjian

Pusingan Uruguay dan penubuhan World Trade Organisation (WTO), persaingan perdagangan antarabangsa kian menjadi hebat sama ada di Asia-Pasifik atau di kawasan ASEAN. Negara-negara ASEAN berpegang teguh kepada konsep perdagangan bebas di kawasan ini dan mereka telah menunjukkan komitmen mereka dengan menubuhkan AFTA.

Baru-baru ini negara-negara ASEAN telah bersetuju memendekkan tempoh masa menjadikan kawasan ini sebagai satu kawasan bebas daripada 15 tahun kepada 10 tahun di mana duti import maksimum boleh dikenakan ialah tidak melebihi 50%. Walaupun penubuhan AFTA telah membuka peluang pasaran yang besar kepada pekilang kita tetapi ini juga bermakna bahawa pasaran tempatan kita juga terdedah kepada saingan dari barangan import yang diperbuat di negara-negara ASEAN di mana kos mereka adalah lebih rendah terutamanya kos buruh. Persoalannya sekarang ini ialah sama ada pekilang kita sudah bersedia untuk menghadapi cabaran era AFTA? Sama ada mereka-faham dengan implikasi, peluang dan cabaran AFTA?

Pada hemat saya, saya rasa bahawa ramai daripada "pekilang kita belum menyediakan diri mereka untuk menghadapi cabaran era AFTA terutamanya pekilang IKS (industri Kecil dan Sederhana). Ramai yang tidak pernah mendengarpun, mengenai konsep AFTA.

Jadi, di sini saya ingin mencadangkan bahawa MTTI memper-tingkatkan publisiti mengenai dengan AFTA dengan mengadakan lebih banyak lagi seminar-seminar berkenaan dengan jentera-jentera AFTA. Untuk menyediakan mereka menghadapi cabaran yang akan datang, saya ingin menekankan bahawa kepentingan pasaran antarabangsa kepada kita 70% dari juralah nilai eksport adalah terdiri dari barangan industri perkilangan. Industri perkilangan menyumbang sebanyak 31.5% kepada KDNK negara, maka jika kita hendak memastikan kita mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi yang 70% setahun menjelang tahun 2020 kita mesti memastikan daya saing kita adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubung dengan usaha kerajaan membantu IKS saya sarabut baik langkah yang telah dicadangkan dalam Belanjawan ini untuk menubuhkan satu Tabung Pelaburan Domestik berjumlah RML bilion bertujuan untuk membantu merangsangkan pelaburan tempatan, terutamanya IKS, menggalakkan modenisasi teknologi proses pengeluaran dan juga penyelidikan dan perabangunan barangan jenama Malaysia. -Ini memang merupakan satu langkah yang konkrit yang telah ditunggu-tunggukan olen pihak IKS. Di sini ingin saya minta sedikit penjelasan mengenai tabung ini, iaitu siapakah yang layak, apa syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk dinikmati maanfaat dari tabung ini.

Beralih kepada peruntukan untuk Maksud B.14 iaitu sebanyak RM73 untuk perbelanjaan Mengurus untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini kita terlihat Menteri berkenaan,

Dato' Dr. Ting Chew Pen sering menjalankan lawatan mengejut untuk memastikan longkang-longkang adalah bersin dan pihak berkuasa tempatan menjalankan kerja mereka. Saya rasa tindakan ini amat berkesan dan kita telah pun nampak keadaan telah bertambah baik. Pada hemat saya ada dua sebab yang menyebabkan longkang tersumbat. Yang pertama ialah tanah lumpur dari tapak pembinaan, yang kedua ialah biasa orang ramai membuang sampah.

Mengenai tanah lumpur dari tapak pembinaan. Buat masa sekarang seperti mana kita tahu biasanya kerja infrastruktur termasuk kerja jalan dan longkang biasanya dibina pada peringkat yang akhir. Maka semasa hujan tapak pembinaan menjadi lecah dan tanah menjadi lumpur. Air tidak ada saluran untuk menyalur ke longkang-longkang yang tertentu. Maka di sini saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian mengkaji kemungkinan mensyaratkan pihak-pihak pemaju perumahan atau kontraktor-kontraktor menjadualkan kerja mereka supaya infrastruktur dijalankan sebelum pembinaan kerja Lain, iaitu longkang dan jalan patut dibina sebelum kerja lain dimulakan.

Mengenai tabiat orang ramai yang sering buang sampah di merata **tempat**, saya rasa ini adalah satu masalah lama" dan tabiat orang awam susah diubah. Walau pun kita dapati buat masa sekarang banyak pihak berkuasa tempatan biasanya mengenakan hukuman bayaran wang, tetapi nampaknya ia tidak berkesan. Di sini saya ingin mencadangkan pihak berkuasa tempatan dan Kementerian memperkenalkan satu cara hukuman iaitu menjalankan kerja buruh seperti sapu jalan dan membersihkan longkang. Untuk mereka yang sering mengulangi kesalahan **ini**, atau dengan izin, consistent offenders, saya cadangkan kita memperkenalkan satu hukuman, di mana mereka dikehendaki membersihkan jalan

atau membersinkan longkang, dan semasa mereka menjalankan hukuman **i t u**, mereka membawa satu tanda mengatakan mereka adalah 'kutu sampah', dengan izin, 'little bug'. Saya percaya ini adalah satu, deterring sentence, dengan izin, yang paling berkesan.

Dengan pandangan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan saya terhadap rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1995 ini untuk beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin dalam ucapan-nya telah menyarankan supaya pegawai-pegawai khas dilantik untuk menjayakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di luar bandar. Sukalan dijelaskan bahawa semasa PPRT digubal, persetujuan telah dicapai supaya pelaksanaan menggunakan jentera kerajaan yang sedia ada. Dengan itu, jabatan dan agensi kerajaan di peringkat daerah telah diberikan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu untuk mengenal pasti pegawai-pegawainya akan menyelia dan mengawasi pelaksanaan PPRT.

Agensi-agensi pelaksanaan yang lain pula di peringkat daerah akan menguruskan program ini melalui pegawai-pegawai yang ditetapkan oleh mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebuah Jawatan-kuasa PPRT daerah telah diwujudkan untuk mengkaji pencapaian

dan keberkesenan pelaksanaan di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah juga telah menyarankan supaya program PPRT ini dikaji semula agar ianya benar-benar sampai ke golongan sasaran bagi mengatasi belenggu kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab mengenai perkara ini sukalah saya jelaskan bahawa kajian semula PPRT adalah dibuat secara berterusan bagi menentukan keperluan serta keberkesanannya, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan Laporan kajian Semula PPRT kepada ,Majlis Pembangunan Negara pada 2hb Ogos 1994. Majlis tersebut telah bersetuju terhadap pembaharuan yang dicadangkan. Di dalam pembaharuan tersebut PPRT menumpukan kepada empat bidang seperti berikut:

- (i) pembangunan projek-projek ekonomi yang dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan;
- (ii) pembangunan insan untuk, melahirkan golongan insan yang berkeyakinan diri dan berilmu;
- (iii) latihan kemahiran dalam bidang-bidang yang sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa golongan sasar; dan
- (iv) pakej pendidikan kepada ahli isi rumah yang masih menuntut bagi mendorong perkembangan minda yang sihat.

Selain daripada itu, UPP Jabatan Perdana Menteri akan mewujudkan sistem maklumat pengesanan PPRT berkomputer.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai PPRT juga, Yang Berhormat V. Saravanan, dalam pembahasan beliau meminta supaya pembahagian di bawah PPRT dibuat secara lebih liberal., Sukalah dijelaskan bahawa pengenalpastian rakyat termiskin di sesebuah daerah dibuat oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) serta Penghulu berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria tersebut ialah pendapatan bulanan, keadaan rumah, keadaan keluarga dan sebagainya. Rakyat termiskin ini kemudiannya akan didaftarkan apabila diperaku oleh Jawatankuasa Penyelaras PPRT Daerah.

Oleh sebab kerajaan akan hanya memberi manfaat PPRT kepada mereka yang benar-benar layak sahaja, maka kesahihan maklumat dalam daftar dan profile keluarga termiskin adalah perlu diutamakan. Kejujuran pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mendapat dan mengesahkan maklumat mengenai golongan sasar amat penting.

Seharusnya tiada timbul pilih kasih mahupun prejudis dalam menentukan siapa yang termiskin. Dengan berpandukan kepada daftar yang disimpan di pejabat daerah, Jawatankuasa Penyelaras PPRT daerah akan menentukan jenis dan kesesuaian pakej bantuan. PPRT untuk golongan sasaran yang terdapat dalam daftar berkemaaan.

Tuan Yang di-Partua, kerajaan menyambut baik pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin supaya mengambil langkah-langkah yang lebih produktif untuk membasmi ajaran sesat dan penyelewengan. aqidah Islam dilaksanakan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa membuat penyelidikan terhadap sebarang ajaran sesat yang terdapat di seluruh negara. Di Pusat Islam terdapat sebuah jawatankuasa khusus iaitu Jawatankuasa Panel Kajian Aqidah yang bertanggungjawab meneliti aspek-aspek percanggahan sesuatu ajaran dengan ajaran ahli Sunnah wal Jamaah dengan aspek-aspek penyelewengan terhadap aqidah. Tindakan pembanterasan yang diambil oleh Pusat Islam diselaraskan dengan Kementerian. Dalam Negeri dan juga Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, kebanyakan Jabatan Agama Islam Negeri tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi bagi melancarkan gerakan yang berkesan.

Bagi mengatasi masalah ini, pusat Islam akan mengambil langkah sewajarnya bagi merundingkan dengan. agensi Pusat agar bilangan pegawai dan kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Negeri ditambah mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melaksanakan pembanterasan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada, kerajaan juga memperhebatkan usaha-usaha dakwah. Penyibaran maklumat dan peningkatan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam melalui program-program dakwah di media massa, kursus-kursus serta kelas-kelas pengajian di bawah program takmir masjid yang diadakan di seluruh negara sebagai langkah pencegahan. Kerajaan juga telah mengadakan program Fardu Ain dan Al-Quran melalui kelas-kelas KAFA di seluruh negara bagi menerapkan pendidikan Islam kepada kanak-kanak di peringkat awal lagi.

Usaha ini adalah selaras dengan saranan Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin yang mahukan kerajaan memperbanyakkan pendakwah-pendakwah di kampung bagi menerapkan Islam sebagai 'way of life'.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan pula semasa membahaskan mengenai Belanjawan tempoh hari telah menyarankan supaya diselaraskan Undang-undang Sivil dan Syariah bagi mengatasi masalah-masalah seperti kelewatan, pelaksanaan melaksanakan tuntutan nafkah oleh mereka yang berkeadaan selepas bercerai. Sukalah dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa buat masa **ini**, kerajaan telah menubuhkan dua buah Jawatankuasa Induk Penyelarasan Syarak

Sivil dan Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Syarak/Sivil bagi menyemak mana-mana rang undang-undang yang hendak digubal untuk memastika? supaya tidak berlaku sebarang percanggahan dengan prinsip-prinsip Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkataan 'Islam' di dalam nama sesebuah parti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, kita sedia maklum, bahawa pendaftaran Parti Islam SeMalaya (PAS) telah diluluskan. oleh pihak kolonial Inggeris dalam. Kita percaya bahawa kolonial Inggeris. sengaja meluluskan nama parti Islam itu untuk kepentingan politik penjajah.

Oleh yang demikian, kerajaan akan mengkaji semula penggunaan nama Islam pada parti-parti politik supaya ianya tidak diputar belitkan bagi kepentingan politik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang dibangkitkan. oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin dan Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin sukalah dimaklumkan bahawa KAFA telah diwujudkan dengan tujuan supaya kanak-kanak Muslim dapat membaca Al-Quran dengan baik dan memperoleh pengetahuan agama asas yang mencukupi apabila mereka tamat persekolahan di peringkat rendah.

Setakat ini terdapat 25,358 kelas dengan bilangan pelajar sebanyak 767,778 orang. Bilangan guru pula yang telah diambil setakat ini adalah 24,423 orang.

Untuk maklumat Dewan yang mulia **ini**, tenaga pengajar Kelas KAFA adalah diperolehi daripada sumber-sumber berikut:-

- (i) guru-guru Al-Quran memberi asuhan membaca Al-Quran secara tidak formal;
- (ii) Imam-imam dan Bilal-bilal yang berkebolehan mengajar Al-Quran di kawasan berkenaan;
- (iii) mereka yang layak dan berkebolehan di kalangan masyarakat setempat;
- (iv) guru-guru agama sekolah agama tempatan; dan
- (v) guru-guru agama di bawah Kementerian Pendidikan.

Elaun guru-guru kelas KAFA dibayar dengan kadar RM12 sejam bagi Semenanjung tertakluk kepada syarat had maksimum tuntutan bulanan sebanyak RM288 sebulan seorang dan RM14 sejam bagi Sabah dan Sarawak tertakluk syarat had maksimum tuntutan bulanan sebanyak RM336 sebulan seorang. Kadar elaun Penyelia KAFA dibayar dengan kadar RM750 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin yang telah membangkitkan mengenai emolumen yang meningkat walaupun penswastan telah lama dilaksanakan, sukaiah dijelaskan bahawa semenjak program penswastan dilaksanakan pada tahun 1983 hingga sekarang sebanyak 120 projek telah diswastakan. Penswastan ini telah melibatkan pemindahan seramai 93,263 orang kakitangan awam kepada sektor swasta. Dengan penswastan

projek-projek tersebut, kerajaan telah berjaya meringankan beban kewangan terutamanya dari segi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Bagi perbelanjaan mengurus termasuk bayaran emolumen dan gaji kakitangan, kerajaan telah menjimatkan sebanyak RM5.05 bilion. Namun begitu, kerajaan terpaksa meningkatkan lagi penyediaan perkhidmatan keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi yang mana melibatkan kos emolumen dan gaji kakitangan berada di paras yang agak tinggi.

Tuan Yang di.Tuan DiPertua, Yaag Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin semasa menyatakan bahawa ada golongan yang tidak berterima kasih dengan pembangunan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, telah meminta supaya diisytiharkan peruntukan. yang telah diberi untuk pembangunan negeri Kelantan. Sukalah dijelaskan di sini bahawa melalui projek kacil sahaja kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM9,246,226 dalam tempoh 1994 di negeri Kelantan. Projek-projek tersebut meliputi pembinaan jalan-jalan kecil, balai raya, jambatan, gelanggaag sukan dan peralatan sekolah. Peruntukan ini adalah tambahan kepada grant tahunan yang telah dikeluarkan oleh Kemeaterian Kewangan..

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membangkitkan mengenai isu-isu terhadap golongan wanita, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah telah meminta supaya diperbanyakkan peluang-peluang kepada golongan wanita untuk menjadi Ahli Dewan Negara dan Setiausaha Parlimen di kementerian-kementerian. Sukalah dijelaskan bahawa bilangan kaum

wanita yang menanggotai Dewan Negara dan yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen semakin bertambah. Walau bagaimanapun., cadangan. Yang Berhormat Puan Hajah Habshah itu akan dipertimbangkan..

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee telah membangkitkan beberapa masalah berhubung dengan pandangan luar negeri (PLN) di Sabah. Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan sedar kebanjiran PLN di negeri Sabah ialah kerana terdapatnya peluang pekerjaan yang begitu banyak hasil dari pembangunan ekonomi yang pesat. Menyedari hakikat **itu**, di antara langkah-langkah jangka panjang yang telah diambil ke arah penyelesaian masalah kemasukan mereka di negara ini ialah melalui usaha-usaha meningkatkan kerjasama dua hala dengan negara-negara jiran yang dapat menjurus kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara berkenaan.

Ini akan dapat meningkatkan pertyelarasan aliran dan penggunaan tenaga kerja di negara-negara jiran itu sekali gus menyelesaikan masalah kemasukan PLN. Sementara itu untuk langkah jangka pendek, usaha-usaha penguatkuasaan dari segi menahan dan menangkap serta mengusir mereka yang disyaki benar-benar melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan negara terus dipertingkatkan oleh sumber agensi terbabit dari masa ke semasa. Sehingga bulan November 1994 seramai 57,299 orang PLN telah dihantar balik ke negara masing-masing.

Berhubung dengan Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah, kerajaan bercadang untuk mendirikan tiga buah PTS iaitu di Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu. Tiap-tiap satunya akan dapat menampung seramai 500 orang tahanan bagi sesuatu waktu.

Setakat ini PTS di Tawau dan Sandakan telah pun siap dibina manakala bagi PTS di Kota Kinabalu tapak seluas 11 ekar telah pun disediakan oleh Kerajaan Negeri dan kerja-kerja meratakan tanah telah pun dimulakan pada bulan Julai 1994. Jika semua perancangan berjalan lancar, ianya akan boleh digunakan pada pertengahan tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1995 ini yang telah menyentuh beberapa perkara yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya ke atas saranan-saranan dan teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

5.01ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting] Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mastika Junainah Husin dan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut yang telah menyentuh perkara-perkara mengenai kehadiran pekerja-pekerja asing di negara ini dan masalah-masalah sosial yang berbangkit akibat daripada kehadiran mereka.

Untuk maklumat Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada Januari, 1994 kerajaan telah membekukan kemasukan pekerja asing ke Malaysia. Walau bagaimanapun, kelonggaran adalah diberi kepada sektor perladangan dan syarikat-syarikat swasta yang sudah

mempunyai komitmen tulin dan mempunyai kelulusan daripada pihak yang berkuasa sebelum tarikh pembekuan tersebut untuk meneruskan pengambilan pekerja-pekerja asing. Kelonggaran, ini diberi untuk memastikan kegiatan ekonomi pihak-pihak yang berkenaan tidak terjejas yang mana sekiranya terjejas akhirnya akan merugikan negara kita.

Sehubungan dengan perkara ini saya menjelaskan di sini, iaitu walaupun kerajaan mengecualikan pembekuan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing, syarat-syarat kemasukan yang dikenakan telah diperketatkan. Seterusnya dalam bulan September, 1994 yang lalu, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa pertimbangan hanya diberi kepada majikan-majikan yang membawa masuk pekerja asing bagi projek-projek pembesaran ataupun expansion dengan izin, sahaja dan tidak lagi untuk projek-projek pelaburan baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan daripada Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, mengenai kemasukan tenaga pengajar dari luar negara, kerajaan sememangnya membenarkan kolej-kolej swasta mendapatkan tenaga pengajar dari luar negeri, kecuali dari negara-negara terlarang sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Tuan V. Saravanan menyatakan kebimbangannya terhadap peningkatan bilangan penagih-penagih dadah seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar tempatan dan menggesa kerajaan menambahkan pusat-pusat pemulihan dadah dan memperbanyakkan Kegiatan-kegiatan di pusat-pusat tersebut.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pihak kerajaan telah melaksanakan dua strategi utama untuk menangani masalah dadah di negara **ini**, iaitu melalui pengurangan permintaan dadah (demand reduction), dan pengurangan penawaran (supply reduction). Salah satu daripada langkah penting untuk mengurangkan permintaan terhadap dadah ialah dengan memberikan rawatan dan pemulihan. Untuk memberi peluang kepada lebih ramai penagih-penagih mendapat rawatan dan pemulihan, kerajaan akan membina 5 buah Pusat Serenti dan membesarkan 2 buah pusat yang telah beroperasi dan menjadikan jumlahnya sebanyak 29 buah.

Dengan siapnya pembinaan dan pembesaran pusat tersebut dalam tahun 1995, seramai 20,000 orang penagih dapat diberi rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti pada satu-satu masa. Pada masa ini program pemulihan yang dijalankan di Pusat Serenti meliputi aspek-aspek fizikal, moral, spiritual, psikologikal, vokasional, latihan kemahiran dan recreational. Untuk memantapkan lagi program rawatan dan pemulihan, kegiatan-kegiatan khas sememangnya diadakan dengan tujuan untuk mempertingkatkan kesedaran dan keyakinan, memperkembangkan bakat dan kreativiti serta daya pemikiran. Antara aktiviti yang dijalankan ialah program pembimbing rakan sebaya, kursus khas persediaan pra-bebas, penubuhan pasukan sukarelawan bomba, penubuhan pasukan sukarelawan pertolongan cemas, latihan keusahawanan melalui projek catering dan gerai, latihan angkat berat dan bina-badan, muzik dan brass-band, seni dan kebudayaan.

Berkaitan dengan penagihan dadah ini juga Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim pula mencadangkan supaya penagih-penagih dadah yang tiada harapan dapat dipulihkan lagi, ditempatkan secara berasingan di sebuah pulau dan perbelanjaan yang begitu banyak untuk program-program pemulihan mereka boleh dikurangkan dan diguna untuk keperluan yang lain. Mengenai perkara **ini**, sukalah dimaklumkan iaitu kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan mereka yang masuk itu dtempat-tempat terasing. Langkah ini adalah selaras dengan konsep dan falsafah pemulihan supaya tidak mengasingkan penagih-penagih dari masyarakat. Ini akan memudahkan proses untuk mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat dan dalam masa yang sama memudahkan usaha-usaha untuk melibatkan pelbagai pihak dalam masyarakat, sama ada agensi-agensi kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam pemulihan.

Walau bagaimanapun, kerajaan bercadang untuk mewujudkan pusat khas bagi penagih-penagih yang tegar ataupun hard core, dengan izin, dengan mengklasifikasikan pusat-pusat yang sedia ada mengikut taraf keparahan penagihan. Dengan cara ini sistem dan kaedah pemulihan tertentu akan dapat disediakan bersesuaian dengan keperluan penagih-penagih. Berkenaan dengan gesaan dan peringatan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Hussin dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz mengenai penggunaan perkataan "Islam" sebagai simbol dan nama kepada pertubuhan politik, kementerian telah mengambil maklum di atas perkara tersebut. Sebarang tindakan lanjut yang akan diambil, akan ditentukan selepas mengkaji isu-isu dan implikasinya secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee telah membangkitkan beberapa perkara mengenai kad pengenalan dan pendatang asing di Sabah. Kelonggaran kepada pemohon-pemohon menukar kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi dengan mengemukakan kad pengenalan plastik semasa memohon KPT adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai. Ini tidak bermakna bahawa setiap permohonan KPT yang dapat mengemukakan kad pengenalan plastik akan dikeluarkan KPT tanpa semakan.

Pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan menyemak pendua kad pengenalan asal di rekod Ibu Pejabat di mana gambar dan cop jari akan dijadikan asas bagi mengesahkan sesuatu kad pengenalan itu, dimiliki oleh pemilik yang sah. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara tujuan projek kad pengenalan baru dikenakan ialah untuk membanteras pemalsuan kad pengenalan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kementerian juga percaya bahawa mereka yang memiliki kad pengenalan palsu tidak akan dapat terlepas daripada kesalahan yang dilakukannya.

Di sini juga saya ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi sebentar tadi iaitu beliau telah begitu kluatir tentang ada pendatang dari luar sudah menggunakan sijil kelahiran ataupun kad pengenalan palsu, kemudian menjadi warganegara kita, Begitu senang. Seperti mana saya sebutkan tadi, apa-apa kad pengenalan sebelum ditukar baru, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara ada satu master rekod (pendua yang asal), kalau

sesuatu kad yang palsu **itu**, bila disemak dengan pendua, dia punya maklumat gambar, maklumat finger printnya berlainan, maka kad yang palsu itu tidak boleh terlepas. Begitu juga mengikut Perlembagaan dan undang-undang negara kita, seseorang yang dilahirkan di negara ini walaupun kanak-kanak yang dilahirkan itu mungkin mendapat **sijil** kelahiran, tetapi **sijil** kelahiran itu tidak semestinya akan menjadi secara automatik membolehkan seseorang kanak-kanak yang dilahirkan itu menjadi waranegara kerana apabila sampai kepada umur 12 tahun seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di negara itu mesti dibawa oleh salah seorang ibu bapa yang sah menunjukkan kad pengenalan ibu bapa yang sah untuk membantu anak-anak itu memohon kad pengenalan.

Sekiranya pengesahan terhadap ibu bapanya telah menunjukkan kelahiran itu adalah tidak sah ataupun tidak sah, maka kanak-kanak itu tetap tidak akan dapat apa-apa taraf kewarganegaraan. Sistem perundangan sekarang dan sistem cara kita buat daftar lahir dan buat kad pengenalan memang sudah ada sistem-sistem ataupun langkah-langkah yang mencegah pemalsuan ini.

Mengenai sindiket-sindiket yang telah memalsukan pelbagai dokumen-dokumen yang penting, ini adalah satu perkara yang berlaku di mana-mana negara di mana sindiket yang haram ini sentiasa cuba cari peluang untuk mendapatkan keuntungan secara tidak bertanggungjawab sehingga cuba menjejaskan keselamatan negara. Dalam pada itu, kerajaan kita sentiasa menggunakan undang-undang bertindak dengan tegas, sehingga kini sudah ada beberapa kumpulan sindiket ditumpaskan di mana pemimpin-pemimpinnya yang terlibat termasuk apa-apa, kalau sekiranya melibatkan mana-mana seorang pegawai kerajaan, mereka itu tetap kena tangkap dan kita gunakan pelbagai undang-undang sama ada untuk menyekat mereka atau menahan mereka agar ditahan di bawah ISA. Di dalam Kamunting pada masa ini pun ada kira-kira dalam 20 orang kerana telah terlibat dalam pemalsuan dokumen sama ada kad pengenalan, sijil kelahiran ataupun passport.

Itu adalah satu penjelasan yang saya ingin tegaskan di sini. Dari segi penguatkuasaan undang-undang, kita tidak akan memberi sesiapa pun peluang untuk mencari jalan mudah demi menjejaskan ketenteraman negara.

Berhubung dengan dakwaan bahawa terdapat pihak-pihak tertentu termasuk Jaksa Pendamai dan ketua masyarakat yang kononnya membuat surat-surat: akuan yang bermaklumat palsu untuk membantu pihak pendatang tanpa ,izin untuk melaksanakan satu urusan, sukalah sekali lagi saya tegaskan di sini, kerajaan akan menyiasat dakwaan itu dan kita akan ambil tindakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

TuanYang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Senator Mond. Radzi juga membangkitkan satu perkara yang sangat tepat pada masa dan menunjukkan bahawa beliau ada pengetahuan yang baik dari segi pengetahuan Akta Pasport atau migresen. Memang adalah benar pada masa ini Akta Pasport yang masih digunakan oleh Jabatan Imigresen negara kita, adalah satu Akta yang telah digubal, diadakan sejak masa British. Oleh sebab itulah ada sesuatu keistimewaan yang diberi kepada negara-negara Komanwel dan oleh sebab Akta Pasport ini mewajibkan syarat visanya itu di mana negara-negara Komanwel pemegang pasportnya boleh datang ke negara ini tanpa visa. Tetapi adalah tidak benar bahawa mereka boleh berada di negara kita tanpa had masa Pada masa memasuki pintu masuk, Jabatan Imigresen selalunya membenarkan mereka tinggal untuk tiga bulan tanpa visa. Sekiranya ada alasan-alasan yang sangat penting untuk mereka lanjutkan, maka mereka hanya boleh lanjut sehingga maksimum 6 bulan sahaja. Lebih daripada itu, selalunya kerajaan tidak galakkan.

Begitu juga bagi ASEAN. Walau bagaimanapun, negara ASEAN sebenarnya kerajaan telah mengadakan satu persetujuan, perbincangan dan persetujuan antara semua negara ASEAN ialah supaya mengadakan visa free ataupun mana-mana satu rakyat negara ASEAN boleh masuk tanpa visa untuk satu bulan dan kesemua kerajaan- kerajaan negara ASEAN memikirkan satu bulan ini adalah memadai. Kalau terlalu lama sangat nanti rakyat ASEAN antara satu sama lain sudan kunjung mengunjungi tidak mahu balik. Sekarang kita pun sudah pening kepala tentang pendatang tanpa izin dari Filipina, dari Indonesia, dari Thailand. Kalau sekiranya kita longgarkan sangat syarat-syarat visa **ini**, kita akan tambah lagi masalah ini dan kerajaan memikirkan masuk tanpa visa satu bulan sudah cukup untuk tujuan pelancongan, untuk tujuan sosial visit.

Jadi, nampaknya sistem ini masih boleh kita guna kecuali yang Komanwel secara sesuatu keistimewaan **itu**, memang kebetulan Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji untuk pinda Akta Pasport ini. Akta Pasport ini sebenarnya kerajaan sudah fikirkan, sampailah masa negara kita adakan satu Akta Pasport yang up-to-date, boleh menyesuaikan diri dengan keperluan semasa di mana kita mempunyai begitu banyak negara-negara yang mempunyai perhubungan yang begitu baik dengan kita dan kita ingat satu Akta perlu diubahsuai sehingga semua negara asing diberi layanan yang setimpal di mana kita tidak akan panggil lagi orang yang bukan Komanwel itu "alien" dan kalau boleh kita akan panggil "foreign citizen" untuk semua negara.

Semua negara "foreign citizen", secara sama rata. Jadi tidak ada diskriminasi sangat dan apabila kajian ini sudah selesai, cadangan pindaan itu akan dikemukakan untuk pertimbangan pihak-pihak berkuasa yang selanjutnya dan itulan satu perkara dapat saya sampaikan kepada Dewan ini yang dikemukakan oleh Senator dan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai pembantu rumah, sebenarnya kerajaan dan terutamanya Jabatan Imigresen selama ini sudah berulang kali mengingatkan semua majikan, jangan ambil pekerja tanpa izin. Dan jika majikan mengambil pekerja tanpa izin bekerja dengan mereka, maka berlakulah macam-macam masalah. Sekiranya ikut prosedur yang betul, seseorang pembantu rumah ikut prosedur betul; mereka mesti adakan satu perjanjian antara pembantu rumah dengan majikan dan satu salinan perjanjian itu mesti diserahkan kepada Imigresen. Begitu juga pembantu rumah itu mesti ada satu lagi perjanjian antara mereka dengan agensi pekerjaan dan satu salinan itu juga akan disimpan oleh Imigresen. Apabila timbul apa-apa penyelewengan kedua-dua, pihak, kalau terdapat apa-apa masalah, boleh mengadu, melapor kepada Imigresen dan Imigresen akan bertindak sekiranya mana-mana pihak sudan langgar syarat-syarat, kita boleh batalkan kelayakan mereka sama ada sebagai majikan ataupun sebagai pekerja.

Jadi itulah yang dapat saya sampaikan dan sekiranya mereka masuk secara sah maka kita boleh kawal banyak masalah supaya ianya tidak akan timbul.

Memang benar, ada banyak warganegara-warganegara yang lain sukakan pasport Malaysia kerana selain daripada negara kita ini merupakan satu negara yang menarik di mana ramai pelancong dan ramai pelabur datang - sistem pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional sudah berjalan dengan begitu cemerlang, dan itu merupakan satu faktor. Faktor yang lain ialah negara ini merupakan negara yang rakyatnya berbilang bangsa di mana banyak negara, kalau dia menggunakan pasport kita, dia boleh pergi ke banyak negara dengan secara lebih mudah dan banyak negara juga mengalu-alukan pelawat daripada Malaysia. Walau bagaimanapun, seperti saya terangkan tadi, kegiatan memalsukan pasport ini telahpun berada di dalam kawalan pihak berkuasa dan kita akan terus bertindak.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Radzi bin Manan telahpun menyentuh tentang pendatang tanpa izin yang begitu berleluasa - masuk dengan bot penuh dan keluar kosong. Kalau mereka masuk dari pintu yang sah....

Dato Mohd. Radzi bin Manan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada penjelasan yang hendak diminta?

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya bukannya pendatang haram yang saya maksudkan. Yang saya maksudkan, mereka yang datang dengan feri dari Medan ke Lumut, penuh. Jadi, selepas **itu**, bot itu balik kosong. Jadi, ke mana mereka ini, tak balik-balik? Sungguhpun sepatutnya 2 minggu sahaja depa ada di Lumut atau di Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka datang mengikut pintu masuk yang sah, maknanya mereka datang sebagai pelancong. Itulah alasannya. Cop pasport: - social visic selama 2 minggu, betul, tetapi mereka tidak pulang selepas 2 minggu. Apa sebenarnya yang berlaku? Kalau di dalam negara kita tidak ada sesiapa pun yang hendak memberi pekerjaan atau hendak memberi perlindungan atau hendak memberi segala kemudahan, mereka ini tentu akan balik sebab mereka tidak boleh mencari kerja dan tempat perlindungan dan tidak dapat mencari apa-apa yang mereka harap-harapkah - mereka terpaksa balik.

Tetapi masalah sekarang ialah, oleh kerana kita - masih ramai rakyat yang tidak menghiraukan undang-undang dan mereka mengambil pekerja secara murah dan mereka melindungi mereka ini. Ada juga sindiket yang mengambil kesempatan sehingga macam-macam kegiatan terjadi. Ini saya rasa, sebahagian daripada tanggungjawab adalah rakyat kita sendiri selain daripada penguatkuasaan.

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat, ini adalah satu perkara yang kita sama-sama bimbangkan, kerajaan bimbangkan dan rakyat pun bimbangkan. Jadi, marilah kita sama-sama bertindak supaya kerajaan dan masyarakat umum dapat mengurangkan dan mencegah kegiatan ini.

Saya rasa itulah yang dapat saya jelaskan hari ini dan saya telahpun memberi penjelasan dan pandangan. Saya juga ingin memberi jaminan bahawa sekiranya ada teguran dan pandangan Yang Berhormat atau mana-mana soalan Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab, saya jamin Kementerian Dalam Negeri akan memberi perhatian dan kita

akan bertindak sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

5.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba berharap, jumlah bilik hotel negara kita mencukupi bagi menghadapi pelancong pada tahun 1995 seiring dengan kenaikan peratus aliran kemasukan pelancong asing ke negara ini .

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan mempunyai strategi dan program jangka pendek, pertengahan dan panjang dalam membangunkan produk-produk pelancongan, termasuklah pembangunan penginapan yang memerlukan sejumlah 77,104 bilik hotel sehingga tahun 2000 untuk memenuhi keperluan sasaran ketibaan pelancong seramai 12.5 juta orang pada tahun tersebut.

Pada tahun 1974 ini, negara mempunyai sebanyak 1,129 buah hotel yang mengandungi 68,322 buah bilik, iaitu lebih daripada jumlah yang dijangkakan sebanyak 54,794 buah bilik untuk menampung jangkaan ketibaan pelancong seramai 7 juta orang sempena dengan Tahun Melawat

Malaysia 1994. Kesan daripada peningkatan, keperluan pelancongan ini, maka adalah dijangkakan bilangan hotel, akan bertambah menjadi 1.151 buah dengan jumlah bilik sebanyak 75,399 buah pada tahun 1995 untuk menampung sasaran ketibaan pelancong seramai 8 juta orang pada tahun tersebut.

Di dapati jumlah bilik hotel yang ditawarkan pada tahun 1995 itu adalah melebihi daripada jumlah yang dijangkakan sebanyak 55,577 buah bilik. Ini bermakna, jumlah bilik hotel di negara kita adalah mencukupi bagi memenuhi, keperluan pelancong menjelang tahun 1995. Walaupun demikian, negara masih akan memerlukan sekurang-kurangnya sejumlah 77,104 bilik hotel pada tahun 2000 untuk menampung sejumlah 12.5 juta pelancong yang kita unjurkan bagi tahun tersebut.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba Juga telah mencadangkan supaya pusat penerangan pelancongan dibina di tempat-tempat, yang lebih strategik seperti di kompleks membeli-belah dan terminal bas. Kementerian ini, melalui agensi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia buat masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan, pusat penerangan pelancongan di kompleks membeli belah dan terminal bas. Ini adalah kerana, telah terdapat 21 buah pusat penerangan pelancongan di seluruh negara yang dibangunkan oleh kementerian dan dikendalikan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Ini termasuklah di Langkawi, Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Kota Kinabalu, Labuan, Kuala Lumpur dan Kuching. Pusat-pusat penerangan pelancongan ini bertindak sebagai penyebar maklumat kepada pelancong-pelancong.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba juga mencadangkan supaya Shopping Carnival yang telah dianjurkan oleh kementerian ini di

Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru tidak diadakan serentak dan diadakan pada tarikh yang berbeza. Kementerian mengambil maklum akan cadangan agar Shopping Carnival yang telah diatur oleh kementerian melalui agensinya, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia tidak diadakan serentak dan kalau boleh, diadakan pada tarikh yang berbeza.

Cadangan ini pada amnya adalah baik, tetapi pihak pelancongan Malaysia perlu mengkaji dengan mendalam kerana ini melibatkan implikasi-implikasi seperti kewangan dan keberkesanan mengadakan Shopping Carnival secara tidak serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin mengatakan bahawa pemandu pelancong negara kita masih tidak setanding dengan pemandu pelancong luar negara. Keterangan, sejarah dan fakta yang diberikan oleh pemandu pelancong adalah tidak tepat. Beliau juga mencadangkan supaya kementerian melatih pemandu pelancong yang berkualiti dan pandai memikak para pelancong supaya dapat menarik lebih ramai pelancong ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar bahawa terdapat pemandu pelancong, khasnya mereka yang baru berkecimpung di dalam pekerjaan ini tidak begitu mantap dari segi memberi keterangan, sejarah dan fakta Malaysia kepada para pelancong. Mereka sentiasa diingatkan tentang peri pentingnya untuk meningkatkan serta mengemaskinikan tahap pengetahuan dan keupayaan menyampaikan maklumat kepada para pelancong.

Mulai tahun ini, pihak kementerian menguatkuasakan peraturan pentadbiran yang diwajibkan kepada pemandu pelancong, sekurang-kurangnya berkelulusan SPM atau yang setaraf dengannya menjalani program bersangkutan selama 2 tahun dengan agensi-agensi

pelancongan untuk mereka menimba pengalaman dalam bidang pemandu pelancong

Aspek latihan juga amat dititikberatkan menerusi pendekatan yang mengutamakan kedua-dua unsur kemahiran amali serta pengetahuan, khusus mengenai sejarah kebudayaan tempat-tempat tarikan pelancong dan sebagainya. Kementerian juga menjalankan penilaian keberkesanan dari semasa ke semasa ke atas silibus latihan, isu-isu pelancongan terkini dan pemilihan pensyarah-pensyarah untuk mengeluarkan pemandu-pemandu pelancong yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan juga telah menimbulkan iaitu meminta supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membuat kajian terperinci mengenai tujuan kemasukan orang-orang luar ke negara ini. Di samping itu, beliau juga ingin mengetahui adakah pelancong-pelancong yang datang ke sini tujuannya di samping mencadangkan untuk mengadakan smart card.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang kita ketahui, adalah perkara biasa iaitu pelancong-pelancong sentiasa melawat ke negara jiran masing-masing. Umpamanya kita ambil contoh kalau negara Amerika Syarikat, pelancong yang ramai hadir ke negara Amerika Syarikat ialah daripada Mexico dari Kanada. Begitulah juga negara-negara lain. Kalau negara Thailand, umpamanya, daripada Malaysia Ke Singapore, daripada Malaysia.

Jadi, untuk makluman Dewan, walaupun ini dapat saya buktikan bila kita lihat dari segi kedatangan pelancong-pelancong, seperti yang saya jawab sebentar tadi, di negara ASEAN di mana negara yang pertama ramai sekali ialah Singapura iaitu kalau kita lihat dari segi peratus negara ASEAN, ia merupakan 84.6%. Yang keduanya, negara Thailand, 10.7%. Inilah faktor yang menyebabkan dari segi peratus kehadiran pelancong-pelancong ke negara Malaysia begitu ramai sekali.

Tetapi dari sudut tourism ataupun industri pelancongan, kita tidak kira dia datang dari Singapurakah, dari Thailandkah asalkan dia berbelanja di negara kita, ini yang mustahak. Kalau datang dari Australia pun, dia datang ke sini dia tidak belanja, dia duduk di bawah pokok pun tidak guna. Apa yang kita mahu mereka datang ke Malaysia berbelanja lebih sana ada dari Singapura ataupun dari Thailand dan akhir-akhir ini kita dapati bahawa yang penting sekarang tidak sahaja pelancong-pelancong dari luar, dari jauh tetapi kita juga memberi penekanan kepada domestic tourism iaitu pelancongan dari dalam negeri. Kerana ini dari segi jangka panjang ia amat penting supaya rakyat negara kita tidak berbelanja di luar tetapi mereka berbelanja di dalam negara dan apabila ada pembinaan Lebuh Raya Utara Selatan; kita juga akan menggunakan lebuh raya ini sebagai satu daya tarikan pelancong dari Singapura. Ini adalah menjadi sebagai satu matlamat kita hendak menarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita. Tidak kira dari Singapurakah atau mana, asalkan mereka tidur di hotel, mereka berbelanja di restoran dalam negara kita, ini amat penting.

Cuma saya hendak menegaskan kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu barangkali kita salah kira. Kita kata pelancong ramai sedangkan mereka bukan pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita hendak kira dari segi pelawat, ia ada beza pelawat dengan pelancong ini. Kalau pelawat sahaja daripada Singapura, kita dapat katakan anggarannya lebih daripada 16 juta orang pelawat sebenarnya pelawat datang ke Malaysia. Tetapi dari segi perkiraan, ini kita gunakan iaitu World Tourism Organisation, takrifnya ia hendaklah bermalam di negara kita. Jadi,

kalau ada umpamanya pelancong datang pukul 9.00 malam dia balik pukul 3.00 pagi, itu kita kira pelancong. Tetapi selalunya tidak adalah pelancong macam itu. Dia mesti datang bermalam di negara kita.

Jadi, dari perkiraan yang kita buat dan dari kajian yang telah dibuat beberapa tahun yang lepas, di mana kita ambil lebih kurang 36% sahaja daripada keseluruhan pelawat dari Singapura itu sebagai pelancong. Ini adalah kerana kita dapat maklumat daripada Jabatan Imigresen, sebab mereka masuk pada berapa haribulan, keluar pada berapa haribulan. Ini maklumat kita dapat daripada Jabatan Imigresen. Kajian telah pun dibuat. Tetapi sekali lagi saya hendak beritahu, soal sama ada day trippers ataupun pelancong dari segi perkiraan memang, kita perlu dapat statistik **ini**. Tetapi dari segi pendapatan tukaran wang asing, barangkali kadang-kadang day trippers pun belanja lebih banyak lagi daripada orang yang datang sebagai pelancong. Jadi, yang mustahak ialah foreign exchange yang kita terima. Ini yang penting dari sudut negara tetapi dari segi perkiraan statistiknya, maka ini memang kita ambil perhatian bahkan kita sekarang menuju ke arah untuk mendapat maklumat secara berkomputer yang sedang dirancang oleh pihak Jabatan Imigresen sendiri.

Di samping itu saya juga inginlah respon kepada Yang Berhormat Janggu Anak Banyang dari Sarawak yang telah menimbulkan supaya diberi peruntukan yang lebih kepada negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan pelancongan di negeri-negeri dibahagikan mengikut kepentingan dari segi jumlah bilik penginapan,

kemudahan pengangkutan, populariti serta potensi tarikan-carikan yang ditawarkan. Untuk makluman Yang Perhormat, ini ada satu berita yang baik di mana pada tahun 1995 kita akan memberi peruntukan yang lebih kepada negeri Sarawak memandangkan negeri Sarawak telah kita masukkan ke dalam program kita iaitu program lapan destinasi yang telah dikenalpasti bagi tujuan promosi secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab beberapa perkara dan sedikit lagi kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan tadi mengenai pesta flora. Memang hasrat kementerian begitulah. Kita juga telah menjemput negara-negara ASEAN untuk mengambil bahagian pada peringkat mulanya. Hanya negara Singapura dan Thailand yang telah mengambil bahagian dan ini adalah merupakan satu strategi baru di samping kita memperkenalkan produk pelancongan yang ada, yang tetap, kita juga ingin sebenarnya mengembangkan lagi industri pelancongan ini dengan memberi perhatian kepada mereka yang menanam bunga (flower growers). Jadi, sebab itu kita perlu melihat bahawa sekiranya negara-negara luar mengambil bahagian, adakah supply bunga cukup ataupun tidak. Semua ini adalah dalam perhatian kita.

Kita bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu memang kalau kita hendak beri daya tarikan, negara luar harus mengambil bahagian. Namun begitu di dalam aktiviti yang kita anjurkan seperti pada Pesta Bunga dan Pesta Malaysia, kita menang menjemput wartawan-wartawan asing untuk membuat liputan-liputan agar apabila mereka balik mereka dapat membuat liputan di dalam akhbar-akhbar mereka ataupun di dalam media mereka. Ini di peringkat awal dan jangka panjangnya seperti

yang disebut oleh Yang Berhormat, insya Allah jika pesta ini dapat terus kita adakan dengan berjaya, kita akan teruskan dan kerajaan memang serius untuk memberi peruntukan setiap tahun kepada pesta ini.

Jadi, itulah sahaja jawapan saya dan saya harap mana-mana yang saya tidak dapat menjawab secara terperinci telah pun diambil catatan oleh pihak pegawai-pegawai saya dan kita akan melaksanakan mana yang kita fikirkan sesuai.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, kepada kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan tidak ada ya? Jadi, dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.37 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah memberi pandangan yang bernas dan membina terhadap kementerian saya semasa membahas Belanjawan 1995.

Yang Berhormat Senator Frankie Chong Yu Chee telah membangkitkan beberapa isu mengenai projek hidro elektrik Liwagu, projek hidro Tenom-Pangi dan pelaksanaan bekalan elektrik ke seluruhnya di Sabah.

Bagi projek hidro elektrik Liwagu, Yang Perhormat Senator Frankie Chong Yu Chee telah menyentuh tentang perlindungan keselamatan orang-orang kampung di sekitar projek, bayaran pampasan tanah kepada mereka yang dipindahkan dan penyaluran bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di sekitar projek.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dari segi keselamatan penduduk kampung, pencemaran dan kemasukan buruh asing dan jentera berat telah pun dikenal pasti dalam kajian kesan alam sekitar. Langkah-langkah bagi mengatasi masalah telah dikenal pasti dan tindakan sewajarnya akan diambil bagi memberi perlindungan keselamatan kepada penduduk-penduduk kampung semasa pembinaan.

Berdasarkan kepada kajian sosio-ekonomi dan kajian kemungkinan projek ini adalah disarankan penduduk yang terlibat dengan projek tersebut akan dipindahkan ke sebuah penempatan semula di kawasan yang berhampiran yang mempunyai persekitaran yang serupa.

Penduduk-penduduk yang dipindahkan akan diberikan pampasan yang sewajarnya sebaik sahaja maklumat terperinci dikenal pasti kelak. Infrastruktur bagi perkampungan baru juga akan disediakan termasuklah sekolah, padang permainan, bekalan air, bekalan elektrik, kedai, klinik, surau dan gereja. Keluasan penempatan semula ialah 1,000 hektar. Sebuah jawatankuasa akan dibentuk yang merangkumi jabatan-jabatan kerajaan berkaitan untuk menentukan penyelarasan penempatan semula.

Adalah menjadi dasar dan matlamat kerajaan untuk memberi bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan Liwagu dengan pembinaan projek Liwagu berkenaan.

Bagi projek hidro Tenom Pangi, Yang Berhormat Senator Frankie Chong Yu Chee telah menggesa supaya bekalan elektrik dibekalkan kepada penduduk-penduduk di sekitar projek **itu**. Untuk makluman Dewan yang mulia, penduduk-penduduk di sekitar kawasan Tenom dan Kemabong telah dapat menikmati kemudahan bekalan tenaga elektrik melalui projek hidro Tenom Pangi. Tenaga elektrik yang dijana disalurkan melalui rangkaian talian 132 KV ke grid pantai barat dan memberi bekalan kepada penduduk-penduduk di kawasan Tenom. Manakala bagi penduduk-penduduk di Kemabong, tenaga dibekal melalui "step-down" ke talian 11 KV terus ke Kemabong.

Di samping itu bagi penduduk-penduduk di luar bandar beberapa projek telah dan akan dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan bekalan elektrik keseluruhan negeri Sabah, adalah menjadi hasrat kerajaan setelah projek hidro yang dirancang iaitu projek Liwagu yang berkeupayaan lebih kurang 165 megawatt dimula tugas pada tahun 2001. Kampung-kampung di sekitar projek ini akan mendapat kemudahan elektrik secara keutamaan mengikut dasar yang sedia ada. Kampung-kampung di sekitar 20 atau 25 km dari kawasan atau tapak projek Liwagu akan dikenal pasti di peringkat kajian kejuruteraan projek ini untuk dibekalkan dengan tenaga elektrik melalui projek ini yang mana akan diputuskan kemudian oleh jawatankuasa pemandu pengurusan projek.

Bagi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman dan pulau-pulau yang tidak mendapat bekalan elektrik, ramai daripada mereka telah menikmati bekalan elektrik melalui stesen tenaga suria (solar) dan stesen "hybrid diesel-battery". Stesen tenaga suria, Kampung Kuala Mandahan, Kimanis (10KV) hanya dapat membekal 5 buah rumah saja walaupun dijangka akan dapat membekal sebanyak 17 buah rumah, Stesen "hybrid diesel-battery" telah dilaksanakan di Kampung Sukau, Kinabatangan (97 buah rumah). Manakala akan dilaksanakan di kampung-kampung lain seperti berikut:-

- (1) Pulau Lihak-lihak, Semporna - 180 buah rumah.
- (2) Kampung Tetabuan, Sandakan 123 buah rumah.
- (3) Kampung Keniogan, Sandakan - 90 buah rumah.
- (4) Kampung Terusan, Sandakan - 106 buah rumah.
- (5) Kampung Mandulung, Sipitang - 124 buah rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ghazali bin Haji Embong telah membangkitkan isu ketidakcekapan Telekom Malaysia Berhad. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Telekom Malaysia Berhad sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini setanding dengan negara-negara maju. Di antara tindakan yang telah diambil oleh Telekom Malaysia Berhad bagi melaksanakan keperluan-keperluan pelanggan adalah seperti berikut:-

Penyediaan infrastruktur rangkaian yang muatan ibu sawat 4.5 juta;

Rangkaian tempatan 5.3 juta;

Rangkaian litar pencawang/sambung jauh 2.4 juta.

Setakat ini Telekom Malaysia telah memberi perkhidmatan kepada 2.8 juta pelanggan. Pihak Telekom Malaysia Berhad juga telah banyak memasang peralatan-peralatan baru dan canggih menggantikan alat-alat yang sedia ada sebelum penswastaan. Untuk maklumat, sebanyak 92% daripada peralatan ibu sawat yang digunakan sekarang adalah dari jenis digital dan peratus ini adalah satu angka yang tinggi berbanding dengan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa sebanyak 80% daripada rangkaian jauh iaitu rangkaian hubungan di antara satu bandar dengan satu bandar yang lain di negara ini adalah dalam bentuk 'digital line'. Perubahan dan pembaharuan peralatan ini adalah satu proses 'on-going', dengan izin, yang dilaksanakan oleh Telekom Malaysia dalam usaha memodenkan teknologi telekomunikasi di negara ini dan dijangka menjelang tahun 2000, keseluruhan rangkaian telekomunikasi di negara ini akan menggunakan teknologi digital.

Yang Berhormat Senator Ghazali bin Haji Embong telah memberi beberapa contoh ketidakcekapan Telekom Malaysia yang meliputi -

- (i) isi kandungan telegram yang dianggap sulit atau rahsia tetapi selalunya diketahui oleh orang lain;
- (ii) kerosakan telefon yang sering berlaku;
- (iii) telefonis Telekom Malaysia yang kurang cekap.

Menyentuh soalan pembocoran rahsia isi kandungan telegram, saya memaklumkan bahawa setiap anggota Telekom Malaysia Berhad dikehendaki mematuhi kod etika iaitu menyimpan maklumat dan rahsia pelanggan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya didapati anggota berkenaan melanggar etika tersebut. Setakat ini saya percaya jika ada pun berlaku pembocoran rahsia, bilangannya adalah terlalu kecil dan dapat diatasi.

Telekom Malaysia telah membuat pelaburan untuk menyambung perhubungan telekomunikasi ke negara luar melalui pelaburan dan kabel dasar laut satelit dan sebagainya. Keseluruhan sistem telekomunikasi

yang dikendalikan oleh TMB adalah setanding dengan negara maju. Dengan pembaharuan yang dibuat oleh Telekom Malaysia, saya yakin kadar kerosakan ini akan berkurangan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri melawat ke beberapa buah negara. Apabila saya melawat ke beberapa buah negara itu, saya sendiri cuba bandingkan taraf telekomunikasi di tanah air kita dengan telekomunikasi negara yang lain. Saya percaya dan boleh juga saya beri akuan bahawa kita boleh katakan kita lebih baik daripada separuh negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah aduan setiap 1,000 talian telefon: 1989 - 30.9%; 1990 - 19.92; 1991 - 14.7%; 1992 - 8.8%; 1993 - 7.2%.

Mengenai isu berkaitan dengan telefonis yang tidak cekap, saya kurang pasti maksud Yang Berhormat mengenainya. Tetapi berdasarkan perangkaan, mutu perkhidmatan telefonis telah banyak meningkat berbanding dengan masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh. Saya sebagai Menteri walaupun saya telefon kepada telefonis, telefonis ikut dengan undang-undang sahaja dia jawab. Jikalau kita minta apa-apa maklumat, kita mesti mendapat tahu manakah pihak yang bertanggungjawab untuk menjawabnya. Oleh kerana itu, saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada juga telefonis-telefonis yang tidak cekap, boleh juga Yang Berhormat minta nombor pekerja mereka. Selepas itu laporkan kepada Telekom Malaysia dan kita akan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan yang mulia **ini**, Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang saya tidak sempat jawab, saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya berjanji bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah yang berkaitan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

WAKTU MESYURAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak, Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed iaitu bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mencelah untuk memberi sedikit peringatan bahawa kita akan mengadakan satu majlis yang akan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb, pukul 8.00 malam di Hotel Dynasty. Jadi, saya harap kita mencarilah segala sebab untuk berada dalam majlis itu pada 29hb dan tidak mencari sebab kenapa kita tidak harus hadir. Jadi, itulah sahaja peringatan.

Sekarang saya dengan hormatnya, menjemput Menteri Kerja Raya untuk memberi jawapan. **Sila.**

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Belanjawan 1995 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Salam bin Awang telah meminta penjelasan mengenai fungsi-fungsi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Construction Industry Development Board, dengan izin, dan fungsi Pusat Khidmat Kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga, Sub-seksyen 4(1), fungsi-fungsi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia adalah seperti berikut:

- (1) Memajukan dan menggalakkan pembangunan, pembaikan dan perkembangan industri pembinaan;
- (2) Menasihati dan membuat syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;

- (3) Memajukan, menggalakkan dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan industri pembinaan;
- (4) Memajukan, menggalakkan dan membantu eksport perkhidmatan berhubung dengan industri pembinaan;
- (5) Mengadakan perkhidmatan perunding dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- (6) Memajukan jaminan, kualiti dalam industri pembinaan;
- (7) Menggiatkan penstandardan dan membaiki teknik pembinaan dan bahan binaan;
- (8) Mendayausahakan dan menyelenggarakan sistem maklumat industri pembinaan;
- (9) Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan program latihan yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Pembinaan Awam dan persendirian bagi pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan;
- (10) Mengakreditasikan dan mendaftar kontraktor-kontraktor dan untuk membatalkan, menggantung dan memasukkan semula pendaftaran mana-mana kontraktor berdaftar; dan
- (11) Mengakreditasikan dan memperakui pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran dengan Lembaga adalah dimestikan untuk semua kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja sektor awam dan swasta. Pusat Khidmat Kontraktor pula berfungsi

untuk mendaftarkan kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja kerajaan sahaja. Bagi maksud ini, kontraktor-kontraktor yang hendak bertanding untuk melaksanakan projek-projek kerajaan masih lagi perlu berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Di samping itu, Pusat Khidmat Kontraktor juga berfungsi memberi khidmat nasihat dan membangunkan kontraktor-kontraktor bumiputera selaras dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sila.

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan supaya diberi keutamaan yang lebih

kepada penyertaan wanita dalam IKS, khususnya di dalam Program Pembangunan Vendor, Konsep Payung dan juga Skim Incubator. Sukacita dimaklumkan bahawa pemilihan sesebuah syarikat untuk menyertai mana-mana program yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bergantung kepada prestasi dan keupayaan sesebuah syarikat tanpa mengambil kira jantina pemilik syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sememangnya menggalakkan penyertaan kaum wanita atau peniaga-wati di dalam sektor perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon supaya Industri Kecil dan Sederhana menggunakan bahan-bahan tempatan di dalam pembuatan barangan mereka. Perkara **ini**, sememangnya dari dahulu lagi telah diberikan penekanan oleh kerajaan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menetapkan penggunaan bahan-bahan tempatan sebagai salah satu kriteria untuk pemberian galakan taraf perintis secara automatik kepada syarikat-syarikat IKS yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perkilangan yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba mengenai pembahagian saham kepada bumiputera, seperti yang telah dijelaskan di dalam jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan di Dewan **ini**, adalah tidak benar bahawa pembahagian saham-saham bumiputera hanyalah ditumpukan kepada kategori bumiputera yang tertentu sahaja. Mengikut garis panduan yang diamalkan oleh kementerian ini, empat kategori pelabur adalah layak untuk mendapat peruntukan saham iaitu pelabur institusi, ahli

lembaga pengarah Bumiputera di dalam syarikat yang menawarkan saham dan syarikat-syarikat bumiputera atau koperasi yang berdaftar dengan kementerian ini.

Selain daripada kategori bumiputera ini, kementerian dari semasa ke semasa juga boleh menimbangkan pembahagian saham kepada individu dan syarikat-syarikat yang dicalonkan oleh syarikat yang menawarkan saham jika mereka didapati mempunyai pertalian perniagaan dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Puan Hajan Zalena Hussin supaya melengkapkan kemudahan-kemudahan dan prasarana di kawasan yang kurang maju bagi memajukan Industri Kecil dan Sederhana di negara ini. Pihak kementerian dengan kerjasama Malaysian Industrial Estates Sdn. Bhd. sedang melaksanakan Program Pembangunan Kawasan Perindustrian IKS. Program ini melibatkan pembinaan bangunan-bangunan kilang yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang akan dijual atau disewakan kepada pengusaha-pengusaha Industri Kecil dan Sederhana. Pembangunannya meliputi seluruh negara dan kawasan-kawasan yang telah dan sedang dimajukan termasuklah di daerah-daerah di luar bandar seperti Bentong, Pahang; Jaka di Terengganu; Bandar Baru Sri Alam di Johor; Telok Kalong di Terengganu; Pedas di Negeri Sembilan; Masjid Tanah di Melaka; dan Kuala Kangsar di Perak.

Sehingga kini, seluas 108 hektar telah dan sedang dimajukan yang meliputi pembinaan sebanyak 488 unit bangunan kilang. Manakala kawasan seluas 214.8 hektar lagi adalah dalam perancangan untuk dibangunkan yang dijangka akan meliputi pembinaan sebanyak 1,044

unit kilang untuk Industri' Kecil¹ dan- Sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan penubuhan industri-industri perkilangan di negeri-negeri kurang maju. Untuk itu, kerajaan telah mengumumkan satu pakej intensif bagi Koridor Pantai Timur, Sememanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang bertujuan menggalakkan industri perkilangan ditempatkan di kawasan-kawasan ini dalam Belanjawan 1994.

Syarikat-syarikat perkilangan yang ditempatkan di Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak layak mendapat insentif yang lebih baik dalam bentuk taraf perintis 85%, berbanding dengan 70% bagi kawasan lain atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 80% berbanding dengan 60% bagi kawasan lain.

Di samping itu projek perkilangan yang ditempatkan di koridor Pantai Timur juga layak mendapat elaun infrastruktur bagi kos pembinaan infrastruktur tambahan yang tidak disediakan oleh kerajaan. Insentif yang lebih ini bertujuan untuk mengimbangkan pembangunan perindustrian di sesebuah negara khususnya di kawasan-kawasan kurang maju. Usaha ini juga dijangka akan dapat mengurangkan masalah penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar utara.

Walaupun negeri Kedah dan Perlis tidak termasuk di dalam koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, ini tidak bermakna projek-projek perkilangan yang dicempat di sana tidak mendapat apa-apa insentif. Projek perkilangan di dalam aktiviti-aktiviti yang digalakkan adalah layak mendapat insentit seperti elaun, cukai pelaburan atau taraf printis di bawah PLA 1986.

Dengan pembangunan kawasan Segi Tiga Utara ataupun (I.M.T-GT), Kedah dan Perlis akan menjadi lebih menarik kepada para pelabur sebagai lokasi projek mereka, khususnya yang memerlukan input dan tenaga buruh dari negara jiran. Sebagai usana untuk menyokong pergerakan di sempadan utara **ini**, border opening hours, dengan izin, akan dilanjutkan sehingga 10.00 malam setiap hari mulai daripada 1hb Januari, 1995 berbanding dengan 7.00 malam buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **ini**, kita boleh lihat kepada bilangan projek-projek dan jumlah pelaburan yang telah

dilaburkan di kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu Perlis, Kedah, Pahang, Terengganu dan Sarawak dan butir-butir ini menunjukkan bahawa pada tahun 1994 antara bulan Januari sehingga Oktober tahun ini MITL sudah meluluskan pelaburan berjumlah sebanyak RM9.77 bilion iaitu hampir RM10 bilion untuk kelima-lima negeri yang saya sebutkan tadi berbanding dengan RM4.99 bilion yang diluluskan bagi tempoh yang sama pada tahun yang lalu. Dengan ini kita menampakan iaitu keadaan di Perlis, Kedah, Pahang, Terengganu dan Sarawak telah bertambah baik sebanyak 100% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun yang lalu. Ini amat menggalakkan dan ini menunjukkan usaha kerajaan untuk mengedarkan industri-industri kepada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan melaksanakan strategi-strategi bagi meningkatkan pelaburan domestik termasuklah:

- (a) mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan program-program IKS yang sedia ada dari segi skop dan sasaran;
- (b) menyediakan pengkalan data yang lengkap dan kemaskini;
- (c) Mekanisma pendaftaran firma IKS dan kawalan bagi kemasukan IKS asing;
- (d) mewujudkan agensi khusus bagi menyelaras pembangunan IKS;
- (e) mengkaji kemungkinan mengadakan peraturan atau perundangan mewajibkan menjadi ahli persatuan;
- (f) Kemungkinan kerajaan memberikan bantuan kewangan dan lain-lain kemudahan kepada persatuan dan pertubuhan industri Kebangsaan;

- (g) merabina lebih banyak kawasan perindustrian IKS yang disesuaikan dengan sumber setempat dan mempunyai perkhidmatan sokongan; dan
- (h) menyediakan kilang-kilang yang murah berbentuk modula dan praktik.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya membangunkan Pulau Langkawi sebagai perindustrian ringan, projek-projek, industri ringan seperti industri tekstil dan seramik sememangnya digalakkan supaya ditempatkan di Pulau Langkawi, khususnya dalam konteks mernpergiatkan sektor pelancongan di pulau tersebut. Lembaga Kemajuan Pembangunan Langkawi (LADA) telah merancang pembangunan industri-industri yang bersesuaian dan ada di antaranya dalam peringkat pelaksanaan. Projek-projek perkilangan yang ditempatkan di Pulau Langkawi yang mengeluarkan keluaran adalah layak mendapat insentif-insentif di bawah PIA 1986,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Pulau Langkawi lebih berpotensi sebagai destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini. Usaha kerajaan menjadikan Pulau Langkawi sebagai kawasan bebas cukai adalah strategi bersesuaian bagi meningkatkan imejnya sebagai pusat pelancongan. Sungguhpun demikian, Pulau Langkawi adalah merupakan kawasan bebas cukai yang bertujuan menggalakkan pembangunan sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Limun Laikim supaya kerajaan membantu lebih banyak industri dibangunkan di negeri Sabah supaya dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri tersebut, promosi pelaburan yang

dibuat di luar negeri. tidak mengkhususkan sesuatu negeri. Kerajaan Negeri dan sektor swasta daripada setiap negeri biasanya akan dijemput untuk menyertai mana-mana misi pelaburan ke luar negeri yang dianjurkan oleh MLTI dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-pertua, bagi tempoh 1993 sehingga 1994, MITI telah menganjurkan beberapa misi pelaburan keluar negeri. Mengikut rekod kementerian ini, cuma seorang wakil swasta dari negeri Sabah yang pernah mengikuti misi-misi ini berbanding penyertaan dari negeri-negeri lain. Kerajaan Persekutuan cuma dapat memastikan suasana pelaburan yang baik termasuk menyediakan insentif fiskal dari bukan fiskal bagi menggalakkan pelaburan. Kejayaan dalam menarik para pelabur ataupun meningkatkan pelaburan ini adalah juga bergantung kepada usaha gigih dan penyertaan yang berkesan dari Kerajaan Negeri sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI sedang berusaha untuk menganjurkan satu seminar pelaburan domestik di Kota Kinabalu yang dijangka diadakan pada bulan April tahun depan. Diharapkan dengan seminar ini, lebih banyak bakal pelabur sama ada asing atau tempatan akan dapat meninjau peluang pelaburan yang terdapat di negeri Sabah.

Akhirnya mengenai teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Fu An Kiow mengenai Tabung Pelaburan Domestik sebanyak RM1 bilion. Sukalah saya nyatakan di sini butir-butir yang lebih terperinci belum diberikan oleh Kementerian Kewangan dan masih ditunggu-tunggukan. Walau bagaimanapun, daripada maklum balas awal yang diterima oleh MITI, tabung ini besar - sebanyak RM1 bilion. Ia

adalah tabung-tabung yang sedia ada seperti Industrial Technical Adjustment Fund, Tabung Industrial Adjustment Fund dan Tabung Modenisasi dan Otomasi dan lain-lain lagi akan digemolengkan di dalam satu tabung dan bukannya berasing-asingan lagi. Dengan ini cara untuk melaksanakannya daripada fahaman kita akan lebih Elexible. Umpamanya, jika peruntukan di bawah tabung Industrial Adjustment Fund kurang digunakan maka tabung ini boleh dipindahkan kepada tabung yang lebih popular seperti Industrial Technical Adjustment Fund. Ini maklum balas yang awal tetapi masih ditunggu-tunggukan lagi dan pada masa yang akan lebih matang kita akan memberi tahu Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

Mengenai industri-industri IKS sama ada mereka siap sedia untuk menghadapi cabaran daripada persaingan yang akan lebih hangat selepas AFTA dilaksanakan sepenuhnya di negara kita dalam tempoh 10 tahun, sukalah saya menyatakan di sini, pada biasanya kebanyakan SMI/IKS telah melaksanakan program-program untuk memodenisasikan operasi mereka termasuk menggunakan tabung-tabung yang telah disediakan oleh kerajaan dan bantuan kewangan yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan. seperti bank-bank dan finance company untuk memperbaiki operasi mereka. Banyak daripada mereka telah menggunakan alat-alat serta mesin-mesin yang lebih canggih daripada dahulu tetapi proses ini berterusan. Kita mesti menggalakkan lebih lagi IKS, khasnya IKS dicirikan sebagai 'back-yard industry' untuk mara ke hadapan dengan menggunakan teknologi dan mesin-mesin dan peralatan yang lebih baik lagi, yang lebih moden lagi dan yang lebih canggih lagi untuk memperbaiki produktiviti mereka agar mereka dapat bersaing dengan industri-industri lain daripada rantau ini khasnya daripada negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan dari Kementerian MITI. Saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya. Sekian.

Timbalan Yang diPertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

5.21.ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 bagi Kementerian Pendidikan dan kemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen mengenai kegiatan kurikulum mula diajar di peringkat Tahun III sekolah rendah. Adalah dimaklumkan bahawa kegiatan kokurikulum sememangnya telah pun dijalankan bermula pada tahun tiga sebanyak 60 minit seminggu seperti diutarakan dalam Akta Pelajaran 1961.

Mengenai isu supaya mata pelajaran Kemahiran Hidup, Kemahiran Sosial dan Pendidikan Seks hendaklah diajar oleh guru-guru yang

benar-benar berpengalaman. Sebenarnya guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah adalah terdiri daripada guru-guru terlatih. Pendidikan seks adalah tidak diajar di sekolah. Apa yang diajar ialah unsur pendidikan kesihatan keluarga. Pendidikan kesihatan keluarga diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan juga dalam mata pelajaran Sains. Kedua-dua matapelajaran ini dikendalikan oleh guru yang terlatih.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, sehingga kini tiada kajian yang telah dibuat yang membuktikan bahawa jawatan sebagai guru adalah merupakan bidang kerja pilihan terakhir para pelajar. Adalah tidak benar pelajar-pelajar yang memilih jawatan ini merupakan murid lulusan terendah kerana calon yang memohon untuk memasuki maktab perguruan disyaratkan mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya lima kredit dalam peperiksaan SPM. Di samping itu, calon-calon ini juga diwajibkan lulus ujian kelayakan latihan perguruan serta temuduga sebelum dapat mengikut kursus perguruan.

Berhubung dengan isu tentang semakan untuk KBSR dibuat setiap lima tahun, sebenarnya penyemakan program KESR telah dilakukan dari semasa ke semasa. Mulai sesi persekolahan tahun 1994/1995 perlaksanaan penyemakan perubahan KBSR dijalankan secara berperingkat-peringkat di semua sekolah rendah mulai Tahun Satu. Malah nama Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah diubah kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah kerana penekanannya lebih ditumpukan kepada kesepaduan.

Berhubung dengan isu mengkaji semula kurikulum supaya tenaga sains dan teknologi dapat dipertingkatkan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut dari Kedah. Sebenarnya semasa mengubah kurikulum mata-mata pelajaran Sains, Kementerian Pendidikan peka dan mengambil kira keperluan untuk menambahkan tenaga mahir dalam sains dan teknologi demi menjanjikan negara kita negara maju menjelang tahun 2020. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah tajuk-tajuk yang berkenaan dengan kerjaya dan teknologi serta kaitan antara sains dengan masyarakat telah dimasukkan dalam kurikulum sains rendah dan menengah. Contohnya, dalam mata pelajaran Kimia, ada tajuk yang berkenaan kimia dengan industri, kimia dengan pengguna yang melengkapkan tentang bahan termaju seperti siramik, kaca dan lain-lain. Adalah diharapkan pelajar-pelajar di sekolah menengah dapat sedikit maklumat tentang kerjaya dalam sains dan teknologi dan akan terus berminat serta mencampuri bidang sains dan teknologi apabila mereka dewasa kelak. Ini secara langsung mempertingkatkan tenaga manusia dalam sains dan teknologi.

Berhubung dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, kerajaan sedang mengkaji untuk meminda akta tersebut bagi memantapkan pengurusan universiti dan menggubal satu akta baru untuk membolehkan penubuhan universiti swasta dan universiti-universiti luar negara membuka cawangan di negara ini sebagai usaha menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan-di rantau ini.

Mengenai kelulusan untuk penubuhan kolej swasta, Kementerian Pendidikan sehingga kini telah meluluskan 214 buah institusi pendidikan swasta yang mengendalikan kursus-kursus di peringkat post SPM. Bilangan institusi-institusi yang banyak ini telah membuka peluang yang luas kepada lepasan sekolah melanjutkan pelajaran. Permohonan untuk menubuhkan kolej-kolej swasta baru masih dalam pertimbangan.

Mengenai yuran kolej swasta yang amat tinggi, sebarang yuran yang dikenakan perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan. Yuran yang dikenakan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya munasabah.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee dari Sabah supaya sekolah baru dibina di tempat yang telah disediakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Tenom. Sebenarnya sebuah sekolah menengah telah pun dicadangkan untuk dibina di daerah Tenom dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Menyentuh saranan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Kementerian Pendidikan memang prihatin terhadap keperluan tenaga profesional termasuk tenaga kolar biru ke arah mewujudkan negara industri. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat sekolah rendah dan menengah. Begitu juga di sekolah menengah vokasional, beberapa mata pelajaran yang lebih khusus dalam bidang teknikal dan vokasional juga telah diperkenalkan. Bagi pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk mendalami bidang-bidang masing-masing, mereka boleh mengikuti kursus di universiti dan di institusi pendidikan tinggi.

Berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan "Balai Membaca" sebagai alternatif, bilik bacaan di kawasan rumah kos rendah, dimaklumkan bahawa adalah menjadi dasar kerajaan menyediakan perpustakaan di setiap kawasan perumahan, dewan orang ramai serta kompleks membeli-belah.

Yang Berhormat Senator V. Saravanan menyentuh tentang pemberian tender kepada kontraktor yang tidak berwibawa. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan amat teliti dalam proses melantik kontraktor untuk satu-satu projek pendidikan. Ingin ditegaskan bahawa kerajaan akan menamatkan pengambilan kerja sesuatu kontraktor yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah mengemukakan isu berkaitan penutupan SRJK(T). Tentang isu ini, Kementerian Pendidikan berjanji bahawa kita menghormati pilihan ibu bapa sama ada hendak hantar anak mereka ke sekolah SRJK(T) atau sekolah yang lain.

Dalam konteks **ini**, Kementerian Pendidikan tidak akan menutup mana-mana sekolah tanpa persetujuan Lembaga Pengurus PIBG dan masyarakat tempatan.

Dengan kata lain, Kementerian Pendidikan sedang menimbangkan kemungkinan di mana yang sesuai untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil menjadi sebuah sekolah yang lebih ekonomik dari segi penyediaan kelengkapan dan pengurusan. Tindakan ini akan melibatkan sekolah-sekolah/murid jika rancangan ini berjaya dilaksanakan dia bukanlah hanya melibatkan SRJK(T) sahaja malah mana-mana sekolah yang difikirkan sesuai.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan pengisian kekosongan jawatan Pengetua di sekolah dan proses pengisian jawatan Pengetua akan selesai dalam bulan Januari 1995. Perlantikan Pengetua perlu dilakukan dengan teliti supaya mereka yang dilantik benar-benar dapat melaksanakan tugas dengan berkesan untuk memberi pendidikan yang berkualiti kepada pelajar.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim supaya diselaraskan pertukaran guru sebelum cuti sekolah, Kementerian Pendidikan ingin memaklumkan bahawa amalan pertukaran guru sememangnya diselaraskan sebelum bermulanya sesi persekolahan setiap tahun dan bukannya dua kali setahun seperti yang ditimbulkan.

Mengenai cadangan supaya dinaikkan kadar peruntukan makanan bagi murid di bawah Rancangan Makanan Tambahan, adalah dimaklumkan bahawa kadar tersebut akan dinaikkan sehingga PM0.80 sen seorang bagi murid-murid di Semenanjung dan RM0.90 sen bagi mereka di Sabah dan Sarawak. Kenaikan kadar ini akan berkuatkuasa mulai tahun 1995.

Perkaitan cadangan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam untuk menambah bilangan Sekolah menengah Vokasional dan kursus-kursus vokasional, buat masa ini terdapat sebanyak 69 buah SMV di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 8 buah lagi sedang dalam pembinaan. Dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 4 buah lagi akan dibina. Pertambahan ini akan dapat menampung keperluan pendidikan vokasional bagi pelajar di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Hanipah bin Ahmad, projek pembinaan Maktab Perguruan Kangkar tidak ditangguhkan. Anggaran kos bagi pembinaan maktab ini telah meningkat daripada anggaran asalnya sebanyak RM43 juta. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian sedang menyediakan justifikasi kerana naiknya kos tersebut untuk dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan.

Beliau juga telah menyentuh mengenai status guru-guru pakar, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua guru pakar yang telah dikenal pasti telah menerima surat tawaran mereka. Mereka akan

diletakkan untuk memangku di bawah gred yang lebih tinggi dari yang dipegang sekarang dan dihantar ke sekolah-sekolah yang mengalami masalah pengajaran pembelajaran mata pelajaran yang mereka menjadi pakar.

Seterusnya mereka akan memegang jawatan memangku dan akan disahkan dalam jawatan tersebut setelah diperakukan oleh ketua jabatan.

Yang Berhormat Tuan Low Lai Meng mencadangkan supaya dibina lebih banyak sekolah di bandar. Kementerian Pendidikan sentiasa menambah bilangan sekolah baik di bandar mahu pun di luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan telah membina sebanyak 92 sekolah menengah dan 261 sekolah rendah.

Yang Berhormat Tuan Jangu Anak Banyang telah mencadangkan bahawa kita membina sekolah-sekolah vokasional untuk mereka yang gagal dalam peperiksaan PMR/SPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan PMR sekarang diberi peluang memasuki sekolah menengah vokasional untuk menjalani latihan kemahiran. Dan sekiranya lulus diberi sijil-sijil yang berkenaan yang membolehkan mereka mencari kerja.

Yang Berhormat Senator Puan KeIsom Yaacub telah memberi pandangan bahawa ramai murid masuk sekolah pondok kerana kekurangan tempat di sekolah-sekolah kerajaan khususnya sekolah menengah agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan

sentiasa menghormati permobonan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka kepada mana-mana sekolah. Dalam konteks **ini**, sekolah-sekolah pondok adalah di luar kawalan Kementerian **Pendidikan**. Namun demikian, Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk membina lebih banyak sekolah menengah agama supaya lebih ramai ibu bapa boleh menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kerajaan iaitu sekolah menengah agama.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang tidak dapat saya jawab di sini. Perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dr. T. Marimuthu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian ataupun di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Perlis telah mengesyorkan supaya subsidi padi perlu dinaikkan kerana petani-petani tidak mempunyai pendidikan untuk membantu mereka. Oleh itu, beliau menggesa supaya jabatan ataupun agensi memberi perhatian dalam perkara ini. Adalah benar, bahawa kebanyakan petani tidak mempunyai pendidikan untuk membantu mereka menceburi diri di dalam pekerjaan selain daripada menanam padi. Walau bagaimanapun, soal menaikkan subsidi padi harus dikaji dari segi berbagai aspek:-

- (i) Dari segi kemampuan kerajaan untuk menanggung perbelanjaan tambahan;
- (ii) Kenaikan subsidi lebih memanfaatkan petani-petani yang mempunyai ladang yang besar dibandingkan dengan golongan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, kementerian akan mengkaji cara-cara yang sesuai untuk membantu petani-petani tersebut. Pada masa ini, pemberian subsidi kepada petani-petani diberi dalam dua bentuk iaitu subsidi baja dan subsidi harga padi. Kadar subsidi baja ialah dua kampakit urea dan dua kampakit baja campuran bagi setiap hektar sehingga had maksimum enam hektar. Kerajaan membelanjakan RM400 juta bagi subsidi harga iaitu sebanyak 248 tan metrik padi yang dijual. Berikutnya Ahli Yang Berhormat juga telah mengesyorkan supaya NAFAS dilibatkan bersama dengan FAMA dan LPP dalam bidang pemasaran dan eksport.

Saya suka menjelaskan, bahawa NAPAS amat mengalu-alukan syor ini bahawa sememangnya NAFAS bersama dengan LPP bekerjasama dalam prosesan dan eksport khususnya pemasaran dan eksport bahan-bahan dan hasil petani. Begitu juga, NAFAS bekerjasama dengan FAMA untuk mencari peluang-peluang pemasaran hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin telah membangkitkan persoalan mengenai apakah langkah-langkah dan strategi kerajaan untuk meningkatkan sektor pertanian supaya menjadi lebih progresif. Menurut beliau, sektor ini perlu diberi galakan dan, inisiatif yang baru seimbang dengan sektor perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian akan terus berusaha memajukan sektor pertanian supaya setanding dengan sektor perindustrian. Di bawah Dasar Pertanian Negara, pembangunan sektor pertanian adalah berlandaskan wawasan bagi membentuk suatu sektor pertanian yang berpandukan pasaran, bersifat komersil, cekap, berdaya saing dan dinamik dalam konteks pembangunan berdaya tahan. konteks. pembangunan berdaya tahan. Program-program yang dijalankan termasuklah:-

- (i) penyediaan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saluran, pencegahan banjir dan jalan ladang;
- (ii) penyediaan kemudahan, perkhidmatan pengembangan, khidmat nasihat, kemudahan Kredit pertanian dan pasaran;
- (iii) menerokai dan promosi barangan hasil pertanian di dalam dan di luar negeri;
- (iv) pengeluaran komoditi terpilih buah-buahan tropika, bunga-bunga, hasil akuakultur dan laut dalam;
- (v) pembangunan sumber tenaga manusia;

- (vi) pembangunan dan penyelidikan;
- (vii) Program Pembangunan Rakyat Termiskin; dan
- (viii) melaksanakan Projek-projek Pertanian Bersepadu (IADP) di kawasan-kawasan mundur.

Yang Berhormat Janggu Anak Banyang telah membangkitkan beberapa isu mengenai sektor pertanian di Sarawak. Beliau telah mencadangkan supaya membuka tanah yang lebih luas untuk sektor pertanian di Sarawak. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini telah dan akan membuka tanah yang sesuai bagi tujuan membangunkan sektor pertanian secara komersil. Di Sarawak setakat **ini**, kementerian telah mewujudkan 2 projek IADP di Samarahan dan di Kalaka, Saribas. Projek ini ditumpukan di kawasan-kawasan mundur dengan pembangunan infrastruktur pertanian dan kemudahan asas yang lain.

Yang Berhormat yang sama telah mengesyorkan supaya subsidi harga lada hitam diberi kepada petani-petani di Sarawak. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian masih terus membantu penanaman lada hitam di Sarawak dengan memberi insentif yang dikenal sebagai skim bantuan lada hitam. Insentif ini telah dapat membantu mengurangkan kos pengeluaran penanaman lada hitam. Yang Berhormat Janggu juga meminta kementerian memberi penjelasan mengenai kenaikan harga baja di Sarawak. Untuk menjawab Yang Berhormat, peningkatan harga baja pada masa ini adalah disebabkan oleh kos input dan tenaga buruh yang meningkat. Kenaikan harga baja bukan sahaja meningkat di Sarawak tetapi di seluruh Negara.

Kementerian Pertanian tidak mempunyai kuasa untuk mengurangkan harga baja. Yang Berhormat yang sama juga telah mencadangkan pemberian subsidi enjin sangkut kepada nelayan untuk tujuan menangkap ikan dan petani di pedalaman bagi tujuan pengangkutan. Untuk menjawab Yang Berhormat, dasar kerajaan sekarang tidak menggalakan pemberian sebarang bentuk subsidi secara langsung kepada nelayan. Dengan itu rancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, kementerian akan memberi pertimbangan kepada cadangan ini.

Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1995 yang mana di antaranya telah menyentuh bidang kuasa tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah tertumpu kepada masalah inflasi dan langkah-langkah untuk mengawalinya. Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Tuan Chong Kah Kiat, Dr. Toh Kin Woon, Tuan Abdul Rashid bin Ismail, Puan Hajah Zaleha bin Hussin, Puan Kelsom binti Yaacub, Tuan Shuib bin Endut dan Tuan Hanipah bin Ahmad juga telah mengemukakan pandangan dan cadangan terhadap peranan kementerian dalam membanteras inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, suka saya memberikan sedikit sebanyak penjelasan mengenai inflasi. Secara umumnya inflasi akan memberi kesan negatif kepada taraf hidup rakyat dan jika tidak dikawal akan membantutkan matlamat pembangunan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kerajaan amnya, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya, amat mengambil berat dan akan terus mengambil tindakan-tindakan untuk mengawalinya. Sehubungan dengan ini kementerian juga telah merangka dasar-dasar dan strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang serta program-program tertentu bagi membendung inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, inflasi berpunca dari 4 faktor utama, iaitu inflasi tekanan kos (cost, push inflation) tekanan permintaan (demand pull inflation), kekurangan kapasiti pengeluaran negara (supply bottle-neck), dan faktor psikologi, yang mana semua percaya harga akan terus naik. Pengaruh dari faktor-faktor luar negara juga menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi. Dengan menyedari hakikat ini adalah menjadi strategi penting kerajaan untuk mengambil tindakan menstabilkan harga. Kesan penurunan ringgit, menyediakan kos input dan barangan yang diimport meningkat, Kerajaan telah menurunkan cukai terhadap pelabagi jenis barang semasa Belanjawan diumumkan di mana sebanyak lebih daripada 2,600 jenis barangan telah terlibat dengan penghapusan atau penurunan cukai.

Kementerian melalui Ops. Budget telah memeriksa premis untuk memastikan kesan penurunan cukai dinikmati sepenuhnya oleh pengguna. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad yang mencadangkan supaya kementerian ini menambah kakitangan untuk tujuan penguatkuasaan. Sukalah saya tegaskan bahawa sejajar dengan keputusan kerajaan untuk mengawal saiz perkhidmatan awam, kementerian akan menggunakan sumber kakitangan yang sedia ada secara optimumnya untuk tugas penguatkuasaan. Saya ingin juga memaklumkan bahawa kawasan-kawasan pekan kecil juga tidak diketepikan dari liputan penguatkuasaan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga memastikan bahawa harga barang-barang keperluan terus diawasi. Ini dilaksanakan melalui Pusat Makluman Harga yang menyebarkan maklumat harga di pasar-pasar besar di ibu negeri di seluruh negara. Pusat Pengawasan Harga juga diwujudkan di sekitar Kuala Lumpur dan Klang. Tindakan juga diambil untuk memastikan supply bottle-neck, dengan izin, akibat perbuatan menyorok tidak berlaku. Selanjutnya kementerian telah melancarkan kempen anti-inflasi secara besar-besaran di seluruh negara.

Melalui kempen ini kerajaan berusaha menyedarkan rakyat betapa bahayanya inflasi kepada individu dan negara. Rakyat mempunyai peranan penting dalam memerangi inflasi. Rakyat digalakan bijak berbelanja dengan membeli barang yang perlu sahaja dan meningkatkan tabungan. Melalui tindakan bersepadu oleh semua rakyat, kementerian khususnya, dan kerajaan pada amnya, kadar inflasi dapat diturunkan ke paras yang lebih rendah. Oleh yaag demikian, kadar inflasi sifar mungkin boleh dicapai. Pembelian yang perlu dan peningkatan tabungan akan mengurangkan kesan inflasi yang berpunca dari peningkatan permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian iai akan terus menyarankan bahawa peniaga dan pengusaha memainkan peranan penting dalam membanteras inflasi. Peniaga dan pengusaha diseru agar tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya untuk menambahkan keuntungan. Berhubung dengan harga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terus memberi galakan kepada peniaga untuk menjual barangan dengan harga yang berpatutan melalui pengiktirafan kedai harga patut atau fair price store di seluruh negara. Setakat hari ini, iaitu 27hb. Disember 1994, sejumlah 376 buah kedai harga patut telah dianugerahkan dengan pengiktirafan ini.

Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob ada mempersoalkan keberkesanan tindakan kementerian dalam mengawal inflasi. Sementara Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin membangkitkan keberkesanan kawalan harga kempen-kempen anti inflasi dan kewujudan kedai harga patut serta program pendidikan kepada pekedai-pekedai. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa tindakan yang dijalankan oleh kementerian ternyata berkesan berasaskan maklum balas yang diterima oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yakin bahawa pendidikan pengguna dan peningkatan kesedaran pengguna dapat memainkan peranan penting untuk menangani inflasi. Pengguna seharusnya tidak berebut-rebut membeli apabila melihat trend harga yang naik sedikit. Malah pengguna sewajarnya memulaukan pembelian barangan yang telah naik harga dengan membeli barang-barang ganti atau substitute.

Psikologi mempercayai bahawa harga akan naik jika tidak diperbetulkan akan memberi tekanan kepada permintaan dan mengakibatkan kenaikan harga. Sebaliknya jika semua rakyat percaya bahawa kadar inflasi boleh diturunkan kepada sifar dengan semangat kerjasama, padu dan kental maka harga barangan akan distabilkan. Harapan ini akan jadi realiti, kerana sikap dan minda masyarakat yang terus-berusaha dengan penuh kepercayaan berupaya menjadikan impian satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah jawapan saya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang membina dan Kementerian akan memberi jaminan bahawa segala yang membina akan diambil kira. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat dari Kementerian Pertahanan.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pertahanan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Salam bin Awang, Yang Berhormat Senator V. Saravanan dan Yang Berhormat Senator Hanipah bin Ahmad yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan di dalam perbahasan Belanjawan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Salam bin Awang berkaitan dengan penggantian peralatan Angkatan Tentera yang telah usang, saya

menjelaskan bahawa proses pemodenan Angkatan Tentera memang mendapat sokongan penuh kerajaan. Dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan ATM bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara. Ini boleh dilihat dari segi usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan ATM melalui perolehan peralatan dan persenjataan yang baru bagi menggantikan peralatan yang sudah usang. Program pemodenan ini juga adalah bertujuan untuk menjadikan ATM sebuah angkatan peperangan konvensional yang seimbang serta berkemampuan menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Berhubung dengan perkara di atas, kerajaan telah mendapatkan perolehan peralatan-peralatan tentera baru yang berteknologi tinggi. Di antaranya ialah 28 buah pesawat pejuang Hawk, 18 buah pesawat pejuang MiG-29, 8 buah pesawat pejuang FA180 Hornet, 2 buah kapal Frigate, 27 buah kapal peronda, 100 ferry scout car, Missile Starburst, sistem petnerintanan, kawalan, komunikasi dan perisikan bagi pemodenan sistem komunikasi AIM, mengujin semula kapal KD Hang Tuah dan sistem radar Martello.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai latihan untuk anggota tentera, adalah dinyatakan bahawa pihak ATM senantiasa mengadakan latihan-latihan yang berterusan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan keupayaan dan keterampilan anggota-anggotanya. Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan Exercise Halilintar yang mana melibatkan lebih 1,000 orang anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan di bawah Pasukan Atur Gerak Cepat atau PAC di Langkawi baru-baru ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu mengenai kesiapsediaan ATM di dalam menghadapi segala kemungkinan. Adalah ditegaskan bahawa ATM sentiasa bersiap sedia pada setiap masa untuk menghadapi

serta menangani segala kemungkinan ancaman keselamatan yang timbul. Pelan-pelan kontigensi di rancang ke tahap siapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi perkara-perkara yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Tuan V. Saravanan telah membangkitkan mengenai peruntukan sumbangan kepada persatuan bekas perajurit yang dikatakan tidak mencukupi untuk menampung aktiviti persatuan bekas perajurit dan Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad juga menimbulkan isu-isu mengenai bekas perajurit iaitu mengenai jasa-jasa bekas perajurit kita. Pihak kementerian mengucapkan terima Kasih di atas kepihatihan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bukan sahaja menerima bantuan dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tetapi juga dari lain-lain agensi kerajaan dan swasta serta dari masyarakat umum melalui kempen Raya Hari Pahlawan dan derma-derma secara langsung. Bantuan-bantuan ini disumbangkan dalam berbagai bentuk sama ada dalam bentuk wang ringgit, tanah, bangunan, berbagai jenis permit atau lesen, konsesi balak, peralatan dan sebagainya. Sumbangan-sumbangan tersebut telah banyak menolong mengurangkan kos perbelanjaan keseluruhan persatuan Bekas Perajurit Malaysia di samping boleh menghasilkan pendapatan jangka pendek dan jangka panjang persatuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil berat dan tidak pernah melupakan jasa-jasa bekas perajurit serta bersedia memberi bantuan agar mereka dapat menjalani penghidupan dengan sempurna. Usaha membantu mereka bermula 3 bulan sebelum mereka bersara iaitu dengan memberikan mereka kursus peralihan.

Kursus ini adalah bertujuan untuk menyesuaikan bakal-bakal pesara tentera dengan kehidupan awam sebagai orang awam dengan menjuruskan kepada kemahiran-kemahiran yang diminati oleh bakal-bakal pesara tentera berkenaan seperti latihan vokasional dan teknikal, latihan usahawan, latihan penyesuaiaa sambil kerja dan latihan pertanian dan ternakan.

Di atas kesedaran bahawa bekas perajurit serta keluarga mereka memerlukan lebih banyak bentuk bantuan yang meluas, maka kerajaan telah meluluskan pendahuluan secara geran pelancaran kepada Perhebat sebanyak RM30 juta pada tahun **1994** dan geran tahunan sebanyak RM26 juta bagi membolehkan PERHEBAT menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Bagi menambahkan lagi sumber kewangan PERHEBAT, kementerian sedang mengkaji dan meneliti Akta Tabung Angkatan Tentera bagi membolehkan tabung tersebut memberikan sumbangan tetap kepada PERHSBAT untuk dimanfaatkan oleh bekss tentera melalui program-program yang telah dirancangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, aspek-aspek kebajikan tidak pernah diabaikan. Beberapa bentuk program bantuan kebajikan akan dilaksanakan khusus untuk membantu bekas-bekas perajurit dan keluarga yang kurang berupaya di dalam bentuk bantuan kewangan dan barangan. Peruntukan yang besar telah pun disediakan untuk pelaksanaan program ini. Adalah diharapkan, dengan pelaksanaan program ini kelak, ianya akan dapat membantu lebih ramai lagi bekas-bekas perajurit dan keluarga mereka yang memerlukan.

Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah secara langsung menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak pernah melupakan jasa-jasa bekas perajurit yang telah berkhidmat di bawah naungan panji-panji PBB. Dengan penganugerahan pingat ini, ianya bukan sahaja diharapkan akan memberi pengertian kepada bekas-bekas perajurit, malah dapat memberi satu kesedaran kepada masyarakat akan jasa dan pengorbanan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep bantuan kepada Persatuan Bekas Perajurit adalah merupakan bantuan untuk menampung aktiviti-aktiviti persatuan dan bukannya menanggung keseluruhan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hanipah Ahmad yang meminta supaya kerajaan mengkaji balik kontrak pembelian pesawat MiG-29 dengan pihak Russia, adalah dijelaskan bahawa sehingga pada hari ini, kerajaan masih mempunyai pendirian yang sama, iaitu meneruskan pembelian pesawat MiG-29. Perkara ini juga adalah terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan dari masa ke semasa berdasarkan kepada perkembangan keadaan.

Tuah Yang di-Pertua, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menjawab.

6.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah menyokong dan mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan bagi

tahun 1995. Kementerian saya sedia mengkaji cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan melaksanakan di mana yang difikirkan sesuai dan munasabah.

Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim telah menyebut tentang hospital-hospital daerah berada terlalu jauh dari kampung-kampung di pedalaman dan seterusnya mencadangkan supaya dinaik taraf pusat kesihatan kepada hospital daerah di samping meminta mengatasi kekurangan kakitangan hospital-hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sesebuah hospital melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi dan untuk berfungsi dengan licin, ianya perlu dilengkapi dengan peralatan dan kakitangan yang mencukupi. Oleh yang demikian, pembinaan sesebuah hospital perlu dirancang dengan teliti bagi mengambilkira beberapa faktor seperti keperluan orang ramai dan keberkesanan dari segi kos. Di kawasan kampung dan pedalaman, terdapat pusat-pusat kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan asas bagi menangani sebahagian besar dari masalah kesihatan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Mereka yang memerlukan kemasukan ke wad atau rawatan pakar boleh dirujuk ke hospital yang berdekatan.

Perkhidmatan di pusat-pusat kesihatan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan orang ramai. Beberapa buah pusat kesihatan sedang dinaik taraf dan akan dilengkapi dengan peralatan seperti X-Ray, ECG dan kemudahan bagi menjalankan berbagai ujian makmal. Aktiviti ini sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar tentang masalah kekurangan kakitangan di hospital-hospital dan sedang

mengambil tindakan-tindakan perlu untuk mengatasinya. Di antara tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil termasuk menambah bilangan kakitangan, melalui penambahan bilangan pelatih untuk mengikuti kursus di sekolah-sekolah latihan di bawah Kementerian Kesihatan, mengambil berkhidmat pekerja dari dalam dan luar negeri secara kontrak dan seterusnya mengambil semula kakitangan yang telah bersara untuk berkhidmat secara kontrak.

Pihak kementerian ini juga akan terus berusaha bagi mengurangkan perletakan jawatan anggota-anggota yang sedang berkhidmat dengan memperbaiki peluang kenaikan pangkat kakitangan di samping memberi insentif berbentuk elaun dan sebagainya. Mereka juga telah diberi peluang seluas-luasnya bagi mengikuti berbagai kursus serta aktiviti-aktiviti yang berbentuk perkembangan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan hospital-hospital di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee pula, sukacita dinyatakan pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

- (i) Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu: Kementerian Kesihatan telah mewujudkan pelan pembangunan untuk menambah wad-wad dan lain-lain kemudahan seperti Jabatan Kecemasan. Sementara itu, lain-lain alat perubatan lama akan digantikan dengan yang baru yang mana keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM57.9 juta telah diperuntukkan.
- (ii) Hospital Tawau: Satu poliklinik pakar yang baru dengan kemudahan Jabatan Kecemasan, klinik-klinik pakar, surgery, pergigian, makmal farmasi, Jabatan X-Ray, dewan pembedahan, pejabat dan bilik mesyuarat sedang dalam pembinaan yang menelan belanja sejumlah RM20 juta. Kemudahan-kemudahan ini akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 1995.

(iii) Hospital Sandakan: Untuk mempertingkatkan hospital ini, satu poliklinik pakar dengan berbagai kemudahan akan dibina dengan perbelanjaan berjumlah RM30 juta. Projek pembesaran ini adalah dalam peringkat advance stage of planning dan dijangka akan bermula pembinaannya pada awal tahun 1995.

(iv) Hospital Keningau: Pembinaan sebuah hospital baru dengan kos perbelanjaan sejumlah RM60 juta telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli, Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini., maka Kementerian saya akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

6.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbincangan dasar-dasar am Belanjawan 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 27 Oktober 1994 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan infrastruktur dan kemudahan di luar bandar seperti bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan projek jalan-jalan kampung luar bandar. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat berkenaan dengan mutu prasarana luar bandar negara kita.

Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee dan Yang Berhormat Tuan Limun Laikim dari Sabah membangkitkan tentang perlunya pengagihan yang sama rata bagi kawasan-kawasan yang terpencil di Sabah terhadap kemudahan seperti bekalan elektrik dan air luar bandar. Sementara Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim dan Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong yang membangkitkan supaya program PPRT diperluaskan meliputi semua penduduk yang memerlukannya di samping mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi taraf hidup masyarakat luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam Rancangan Malaysia Keenam kerajaan telah menyediakan, peruntukan berjumlah RM480.259 juta bagi bekalan air luar bandar di suluhan negara. Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memastikan supaya pengagihan akan dibuat mengikut keutamaan dan mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Bagi makluman kedua-dua Yang Berhormat dari Sabah bagi tahun 1994 peruntukan bagi negeri Sabah ialah RM17 juta dan disambung ke tahun hadapan dengan perbelanjaan kira-kira RM7.9 juta lagi. Ini tidak termasuk program-program khas yang dijalankan khususnya bagi negeri Sabah untuk mempertingkatkan kemudahan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberi perhatian ke atas liputan program dan projek bekalan elektrik luar bandar khususnya di negeri-negeri yang maju seperti Sabah, Sarawak, Kelantan dan perkampungan-perkampungan Orang Asli dalam negara ini. Beberapa sistem baru seperti menggunakan

kuasa solar, generator, hybrid system, mikro dan mini hidro serta sistem-sistem lain yang sesuai telah diperkenalkan. Kita berharap sistem-sistem baru ini akan mempercepat lagi usaha menyediakan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, program PPRT telah dilaksanakan melalui KEMAS dan telah berjaya menyumbang ke arah mempertingkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar. Kementerian akan terus melaksanakan program PPRT yang diperuntukkan dan akan memastikan ia meliputi semua golongan masyarakat luar bandar yang layak menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur di luar bandar memerlukan jumlah peruntukan yang besar. Sebagai contoh, pembinaan jalan-jalan di luar bandar. Ini kerana pembinaan atau penyediaannya bukan merupakan suatu perkara yang statik malah ia turut berkembang dan bertambah apabila adanya kawasan-kawasan baru yang dibuka dan memerlukan rangkaian kemudahan jalan-jalan yang baru sedangkan jalan-jalan yang sedia ada memerlukan jumlah peruntukan yang cukup besar. Walau bagaimanapun, kementerian saya akan terus berusaha bagi memastikan penyediaan kemudahan infrastruktur yang sesuai bagi kemudahan penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya telah cuba menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Bagaimanapun, sekiranya ada perkara-perkara yang tidak saya jawab, sukacita saya tegaskan bahawa segala pandangan-pandangan Yang Berhormat akan diberi perhatian oleh kementerian saya dan akan diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

7.04 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berbangkit dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman supaya kerajaan membina rumah kos sederhana yang mempunyai tiga bilik dan lengkap dengan segala kemudahan untuk menampung keluarga yang mempunyai anak yang lebih ramai, kementerian saya memang mengambil berat ke atas perkara tersebut dan telah mensyaratkan supaya semua pemaju mengadakan sekurang-kurangnya dua bilik di setiap projek perumahan kos rendah yang dimajukan. Bahkan kita menggalakkan supaya pemaju-pemaju supaya membina rumah tiga bilik ataupun sekurang-kurangnya dua bilik campur satu.

Mengenai cadangan untuk pembinaan rumah kos sederhana rendah kementerian sedang mengkaji dasar ini untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ketujuh. Yang Berhormat Datuk Paji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz mencadangkan agar kerajaan menyediakan balai bacaan dan mencontohi negara jiran menubuhkan persatuan rakyat untuk memudahkan penyaluran bantuan dan mengatur kegiatan sosial. Kementerian ini memang telah menetapkan projek perumahan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sosial yang minimum yang memberi penekanan kepada faktor-faktor keselesaan, kesihatan, peningkatan ilmu dan kemasyarakatan. Kemudahan-kemudahan sosial tersebut termasuklah kemudahan rekreasi seperti taman permainan, dewan perhimpunan dan latihan terutamanya untuk belia dan kanak-kanak.

Adalah dipersetujui juga supaya lebih banyak lagi balai bacaan disediakan untuk perumahan kos rendah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakannya di beberapa skim perumahan tetapi ianya perlu diperluaskan. Kementerian ini melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan mengkaji semula piawaian kemudahan awam perumahan kos rendah supaya kemudahan balai bacaan dapat disediakan oleh pemaju-pemaju swasta.

Di samping itu, kerajaan amat menggalakkan penubuhan perpustakaan secara sukarela oleh penduduk-penduduk. Kementerian, jabatan dan agensi yang lain yang terlibat dengan kegiatan sosial ekonomi boleh menggembleng tenaga masing-masing kerana kemudahan-kemudahan telah pun disediakan.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen yang mencadangkan tapak rekreasi untuk rumah kos rendah dan sederhana untuk golongan belia lebih banyak disediakan termasuklah kemudahan infrastruktur seperti gelanggang tenis, badminton, sepaktakraw dan lain-lain; ingin saya jelaskan di sini bahawa semua pemaju perumahan memang dikenakan syarat dan dikehendaki untuk menyediakan tapak rekreasi iaitu sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada keseluruhan kawasan pemajuan. Kemudahan infrastruktur dan rekreasi seperti gelanggang tenis, badminton dan sepaktakraw diperuntukkan pembinaannya dalam kawasan padang kejiranan (neighbourhood playground) iaitu untuk penduduk tadahan dalam lingkungan 5,000 hingga 20,000 orang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mencadangkan supaya kerajaan mengadakan pendekatan dasar perumahan kos rendah di mana pemaju akan menunaikan janji mereka dalam pembinaan rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin. Di samping itu, beliau juga mengesyorkan di samping kerajaan mengadakan program pembinaan rumah kos rendah, juga diadakan program bagi rumah kos sederhana. Kementerian memang menggalakkan pemaju-pemaju memberi sumbangan dan mengambil bahagian dalam membina rumah kos rendah sebagai sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee menyarankan supaya rancangan perumahan kos rendah diberi perhatian khasnya di negeri Kedah. Ini satu langkah yang bijak untuk membantu golongan yang miskin memiliki rumah. Kerajaan Negeri Kedah akan membina perumahan awam kos rendah (PAKR) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh..

Yang Berhormat Saravana a/l Veliaudayar membangkitkan supaya kajian, yang lebih teliti dibuat terhadap latar belakang setiap pemohon yang memohon rumah kos ~~rendah~~. Menurutnya kadangkala rumah kos rendah ini telah jatuh ke tangan golongan yang berada. Kementerian ini akan memastikan rumah-rumah kos rendah dinikmati oleh golongan yang disasarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan telah menyarankan supaya kerajaan-kerajaan negeri memperkembangkan sistem pemilihan peserta untuk rumah kos rendah terutamanya yang dibina dan dijual oleh sektor swasta. Ini termasuklah dengan memilih pembeli dari senarai menunggu yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Dijemput Kementerian Penerangan menjawab.

[Tiada Menteri untuk menjawab]

Tuan Yang di—Pertua: Dijemput Kementerian Perusahaan Awam.

[Tiada Menteri untuk menjawab]

Tuan Yang di—Pertua: Dijemput Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

7.09 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran telah menyentuh mengenai program khas bagi wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial dari segi keusahawanan. Program khusus di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk tujuan tersebut belum ada tetapi program pembangunan ekonomi wanita terutamanya dalam bidang keusahawanan memang telah wujud dalam program-program dan agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Perusahaan Awam, FELDA, FELCRA dan sebagainya.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada masa ini sedang menyediakan Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara yang menyeluruh, yang akan memberi garis panduan kepada agensi kerajaan yang berkenaan dalam melaksanakan program pembangunan wanita. Antara bidang yang akan diberi tumpuan ialah pembangunan ekonomi dan sosial. Dengan adanya pelan tindakan ini kementerian akan dapat mengawalselia kemajuan pelaksanaan program-program tersebut.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran juga telah mencadangkan supaya suami iaitu bapa dijemput menghadiri kursus kekeluargaan yang dianjurkan oleh kerajaan supaya pihak suami juga memahami tanggungjawabnya di dalam kekeluargaan. Tanggungjawab kekeluargaan merupakan tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Penyertaan kaum bapa atau para suami dalam kursus kekeluargaan yang dianjurkan pada masa yang lepas telah pun dilaksanakan walaupun penyertaannya kurang. Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan kursus-kursus berkenaan dengan kemahiran keibubapaan" kepada kama bapa dan ibu serta keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Son Lee telah menyentuh mengenai soal rakyat, di negara ini sentiasa bekerjasama, saling hormat menghormati dan hidup rukun damai di bawah pimpinan Barisan Nasional.

Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara telah menganjurkan program Rukun Tetangga untuk menggalakkan semangat kejiwaan di kalangan masyarakat setempat. Memang menjadi hasrat kementerian untuk meneruskan program Rukun Tetangga tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat Oktober baru-baru ini sebanyak 1,434 kawasan Rukun Tetangga telah diwujudkan di seluruh negara. Bagi tahun ini sahaja sebanyak 136 kawasan Rukun Tetangga baru telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan ramai penduduk daripada berbilang keturunan telah dibari penekanan. Melalui aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga, penduduk dapat berkenal-kenalan berinteraksi dan bekerjasama di antara satu sama lain. Peluang berinteraksi di kalangan penduduk setempat ini akan membolehkan masyarakat sejiwan bertemu dan menjalin hubungan yang rapat dan kukuh serta menjalankan dan menyertai kegiatan-kegiatan bagi faedah bersama. Sehingga Oktober baru-baru ini, sebanyak, 7.169 aktiviti kejiwaan telah dilaksanakan dengan melibatkan bilangan penyertaan sejumlah 936,366 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman mencadangkan supaya langkah-langkah terperinci diambil untuk membantu golongan orang-orang tua, anak yatim dan juga remaja melihat semula sistem kekeluargaan ke arah mewujudkan masyarakat penyayang; menyediakan kemudahan kepada golongan yang kurang bernasib baik umpamanya golongan cacat yang baru-baru ini telah menunjuk perasaan kerana sistem LRT tidak menyediakan keraudahan kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, golongan orang tua, anak yatim dan remaja adalah di antara kumpulan sasar Keraenterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kementerian telah menyusun program yang terperinci Bagi membantu golongan tersebut yang memerlukan. Bagi orang tua yang berusia 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai punca pendapatan untuk menampung kehidupan sehari-hari, mereka layak mendapat bantuan orang tua sebanyak RM70 sebulan. Orang tua yang tidak mempunyai waris yang sanggup menjaganya, mereka boleh dimasukkan ke rumah orang tua yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pertubuhan sukarela secara percuma. Mereka yang lebih mampu boleh dimasukkan ke institusi yang diuruskan oleh pihak swasta. Bagi orang tua Islam yang ingin terus tinggal dalam masyarakat setempat, mereka ditawarkan tinggal di rumah orang tua Islam tidak berwaris serta dibantu dengan bantuan bulanan sebanyak RM70 sebulan.

Mengenai bantuan kepada anak yatim, adalah menjadi dasar kementerian untuk memasukan yang setiap kanak-kanak dibesarkan dalam suasana kekeluargaan dan akan hanya memasukan mereka ke institusi apabila keselamatan diri kanak-kanak itu terancam untuk diberi penjagaan dan perlindungan.

Bagi golongan remaja pula, kementerian dipertanggungjawabkan untuk menyediakan program" pemulihan dan pencegahan bagi golongan remaja yang bermasalah dan berisiko tinggi sesuai dengan peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah sosial yang melanda golongan remaja dan kanak-kanak itu sangat kompleks maka ia tidak

dapat diatasi oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara bersendirian. Justeru langkah telah pun diambil untuk menggembelng tenaga semua pihak agar bertindak secara sepadu. Ahli masyarakat mula dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Kebajikan Juvana Daerah mengikut peruntukan Akta Mahkamah Juvana 1947 dan pasukan perlindungan kanak-kanak peringkat negeri dan peringkat daerah mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Di samping itu Kementerian juga menjalankan berbagai aktiviti secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa khususnya dan anggota masyarakat amnya terhadap peranan dan tanggungjawab mereka mendidik serta mengasuh anak-anak agar menjadi anggota masyarakat yang berdisiplin serta mempunyai ketahanan diri yang mantap untuk menghadapi cabaran hidup yang kian meningkat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz mencadangkan supaya pemulihan akhlak bagi kedua pihak terlibat dengan bohsia itu iaitu bohsia yang dibohsiakan. Mengenai cadangan ini, kementerian mengambil maklum akan pandangan ini.

Bagi pihak yang membohsikan, mereka boleh diliputi di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 sekiranya didapati mereka berumur di bawah umur 18 tahun ketika melakukan kesalahan ini dan boleh pula dimasukkan ke institusi akhlak untuk pemulihan. Walau bagaimana keberhasilan usaha pembenterasan ini bergantung kepada pihak penguatkuasa undang-undang yang berkenaan untuk membuktikan kesnya. Usaha pemulihan akhlak akan menjadi lebih sukar bila mana mereka yang terlibat itu adalah sugar daddy yang tidak lagi tergolong dalam usia remaja. Justeru itu

langkah yang " paling tepat dan ampuh perlu diambil oleh ibu bapa sendiri. Ibu bapa harus mengawal, mendidik serta mengasuh anak-anak mereka agar menjadi individu yang memiliki nilai-nilai murni, mempunyai ketahanan diri yang mantap untuk menghadapi cabaran hidup disertai berdisiplin.

Bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan peruntukan kementerian ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar-

7.15 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan-ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya ingin memberikan jawapan secara umum kepada perkara-perkara yang dibangkitkan -sama ada semasa sesi Pertanyaan Jawab -Mulut mahupun sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat , Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah diperuntukkan sebanyak RM381,208,510 iaitu untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1995 bagi meningkatkan prestasi dan melaksanakan objektif Kementerian Sains, Teknologi dan Alara Sekitar untuk memastikan supaya peningkatan aktiviti-aktiviti sains dan teknologi dalam pembangunan industri diseimbangkan dengan usaha—usaha memelihara dan mengawal alam sekitar .

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu-isu pencemaran alam sekitar telah dibangkitkan pada sesi kali ini . Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada umumnya masalah pencemaran alam sekitar di negara ini masih terkawal. Sungguhpun begitu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam -Sekitar akan terus melibatkan usaha-usaha ke arah mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar selaras dengan pembangunan ekonomi negara yang pesat.

Kejadian jerebu yang berlaku baru-baru ini memberi pengajaran dan ingatan kepada kita cermin adalah tidak mustahil pencemaran serius yang boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar boleh berlaku sekiranya tindakan-tindakan raencegah tidak diambil pada awal-awal lagi. Kejadian ini jelas menunjukkan bahawa pencemaran tidak mengenal sempadan.

Di negara ini tahap kesedaran alam sekitar di pelbagai sektor dan golongan masyarakat adalah tinggi. Apa yang masih kekurangan adalah komitmen terutama sekali di kalangan sektor perindustrian dan individu yang masih belum dapat mematuhi sepenuhnya standard-standard dan peraturan-peraturan kualiti alam sekitar. Dalam hal ini, Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha mempertingkatkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam membantu kerajaan mempertingkatkan kesedaran di kalangan orang ramai. Sebagai contoh, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan- sebuah badan bukan kerajaan telah melaksanakan satu program kesedaran seperti "eco camp" baru-baru-ini".

Tuan Yang di-Pertua pencemaran udara di negara ini adalah berpunca kebanyakannya daripada kenderaan bermotor terutama sekali di bandar-bandar 'besar di-mana bilangan kenderaan adalah jauh lebih tinggi dibandingkan dengan kawasan-kawasan di luar bandar. Satu pelan tindakan sedang telah diatur oleh kerajaan khusus untuk mengawal pencemaran daripada kenderaan bermotor. Di antara tindakan yang sedang diambil oleh kementerian adalah menetapkan standard-standard pelepasan oleh kenderaan bermotor. Negara ini perlu mempunyai satu polisi pengangkutan dan satu rangkaian sistem pengangkutan awam yang cekap sebagai langkah yang akan secara langsung dapat mengurangkan lagi masalah pencemaran udara.

Masalah pencemaran air yang masih ketara adalah berpunca daripada hakisan tanah dan pelepasan kumbahan. Kerajaan Negeri haruslah turut sama memainkan peranan penting terhadap menyelesaikan masalah hakisan tanah dengan mengambil kira faktor alatn sekitar dalam apa juga projek pembangunan. Pelepasan kumbahan pula boleh dianggap selesai dengan adanya projek penswastaaan.pembetulan kebangsaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Program Antarabangsa Berkenaan Alam Sekitar, negara ini telah memainkan peranan aktif dan berpengaruh dalara Protokol Montreal dan Konvensyen Basel. Pada tempoh 1993/1994 di mana Malaysia raenjadi Pengerusi Tabung Multilateral, pembahagian wang kepada negara membangun adalah terbanyak sekali dalam sejarah Tabung Multilateral dan negara ini telah menerima banyak mesej penghargaan atas kejayaan dan bantuan tersebut. Negara ini sendiri pun telah mendapat sumbangan US14.6 juta untuk membantu industri Malaysia melaksanakan projek mengurangkan pengurusan CFC dan perlindungan lapisan ozon.

Di bawah Konvensyen Basel juga, negara ini dan Denmark telah bekerja rapat dan telah berjaya menentukan cadangan Kumpulan 77 agar eksport buangan bahan toksid dari negara OECD dilarang.

Setakat ini, kedua-dua negara sedang bekerjasama untuk mengharamkan eksport bahan kiraia yang merbahaya di bawah Program Malaysia-Denmark Initiative for Environmentally Sound Management of Chemicals.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan industri berteknologi tinggi sertamembantu mengkomersilaiskan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh institusi penyelidikan awam atau swasta, Taman Teknologi Malaysia telah diperuntukkan RM48.5 juta lagi pada tahun 1995 untuk meneruskan pelaksanaan Kompleks Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil yang akan dilengkapi dengan kemudahan seperti pusat Inkubator, Enterprise House, Inovation House dan R&D-Lots. Projek TTM dijangka siap pada pertengahan tahun, 1995. TTM akan menjadi nadi penting kepada penerokaan teknologi baru dan seterusnya membimbing dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada syarikat-syarikat untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Puan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap sains dan teknologi. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjalankan Program Galakan Sains dan Teknologi yang merupakan secara tahunan kementerian ini yang bertujuan untuk membudayakan masyarakat ke arah sains dan teknologi. Program ini telah dikembangkan ke seluruh negara mengikut tiga peringkat iaitu kebangsaan, negeri termasuk daerah dan

sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah amat menggalakkan dan mendapat sambutan daripada masyarakat awam. Pusat Sains Negara yang telah siap dibina pada November 1993 dengan kos RM53.2 juta juga mencerminkan betapa seriusnya kerajaan untuk meningkatkan tahap sains dan teknologi di negara ini. Pusat ini akan berperanan untuk menimbulkan minat dalam ilmu sains melalui Pameran Interaktif, Kaunseling Kerjaya, Penerbitan Sains, Pelaksanaan Program S&T dan mempromosikan persekitaran pembelajaran yang tidak formal bagi S&T.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memberi penumpuan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang sains dan teknologi. Pelaburan dalam R&D akan menentukan kemajuan saintifik dan teknologi yang berterusan. Program IRPA yang telah dilaksanakan sejak tahun 1988 bagi memastikan sumber-sumber R&D dilabur dalam sektor-sektor utama ke arah membina asas teknologi yang diperlukan bagi pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Bagi rancangan Malaysia Ketujuh dan fasa seterusnya, kerajaan melalui mekanisme tRPA akan menambah pelaburan di dalam bidang teknologi baru serta membangunkan keupayaan institusi dan penyelidikan yang baru dan menggalakkan perhubungan atau linkages dengan industri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi perhatian kepada aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Segala pandangan, teguran dan nasihat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan diberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Undang-undang.

7.23 mlm.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya- ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 bagi Kementerian Undang-undang. Semasa perbahasan Belanjawan di atas, perkara yang telan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar yang menyentuh mengenai Kementerian Undang-undang. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar mencadangkan supaya mahkamah-mahkamah baru didirikan, menggantikan yang lama. Keselamatan dan tempat kediaman pegawai undang-undang hendaklan ditingkatkan.

Tuan Yang di-pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Undang-undang telan memperuntukkan gebanyak RM134,496,000 di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membina bangunan-bangunan mahkamah baru dan memperbaiki bangunan-bangunan yang sedia ada. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, bagi terapoh 1991-1994, bangunan-bangunan mahkamah baru yang telah siap dibina termasuk kompleks mahkamah di Kangar, Batu Gajah, Raub, Segamat, Kota Kinabalu dan pengubahsuaian bekas bangunan-bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pejabat Penerangan di Jalan Tun Perak untuk dijadikan Kompleks Mahkamah Rendan Kuala Lumpur, bangunan baru mahkamah-mahkamah di Kuala

Terengganu, Butterworth, Melaka dan Kota Tinggi adalah dalam peringkat pembinaan.

Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan pada ketika ini untuk membina rurnah kediraan rasmi bagi pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan. Walau bagaimanapun, pegawai kehakiman dan perundangan dalam Gred A2 dan A1 dibayar elaun bantuan sewa rumah. Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara yang disentuh mengenai undang-undang dan perkara-perkara lain yang berkaitan akan diambil maklum oleh kementerian untuk diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Tintbalaa Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri. Tidak ada. KeraenCerian Belia dan Sukan.

7.25 mlm,

Setiausaha Parlimen Kemeateriaa Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Terima kasih, Tuan Yaag di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormac yang telah sudi memberi pandangan dan sasaran mengenai program Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempon perbahasan.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah menyentuh tentang prestasi sakan di peringkat antarabangsa, meningkatkan kemudahan sukan di iuar Dandar serta meinperbanyakkan bantuan untuk persatuan sukan. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan meraang sentiasa berusaha untuk meraperoaiki prescasi sukan di peringkat ancarabangsa dan nasilnya raeraang terbukti sebagai mana yang dijelaskan melalui sesi Soal-Jawab pada hari ini raengenai pencapaian

kontingen negara di Sukan Komariwel yang Ke-XV di Victoria, Kanada dan di Sukan Asia Ke-Xii di Hiroshima, Jepun. Insyallah, dengan usaha gigih ke arah persediaan Sukan Komanwel 1988 di Kuala Lumpur kelak, prestasi sukan Malaysia di peringkat antarabangsa akan menunjukkan peningkatan yang lebih ketara lagi.

Mengenai peningkatan kemudahan sukan di luar bandar dan bantuan kepada persatuan-persatuan sukan, Kerajaan Belia dan Sukan sedang berusaha ke arah ini melalui pelaksanaan program Rakan Sukan yang menggandingkan tenaga Kerajaan, persatuan-sukan dan sektor swasta dalam satu rangkaian kerakanan untuk membangunkan sukan dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat antarabangsa. Usaha ini sekali gus akan menyumbangkan kepada pencungkilan bakat sukan, memberi nafas baru kepada persatuan sukan dan menamokan keragaman sukan di seluruh negara,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Dlg Seling, Yang Berhormat. Tuan Hajah Haoshah binti Haji Osraarij-Yang Berhormat Datuk Haji Mphamed Nazri bin Abdul Aziz' Yang-Berhormat Dr. Ng Yen Yen dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh tentang Program Rakan Muda dan masalah-masalah sosial yang telah mencetuskan program ini. Saya amat berterima kasih ke atas sokongan dan motivasi yang diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rakan Muda telah digubal untuk menangani masalah generasi muda masa kini dan membentuk identiti anak bangsa ke arah mencapai wawasan negara maju. Program Rakan Muda akan diletakkan di atas landasan yang kukuh yang

diyakini dapat membanteras gejala-gejala sosial yang negatif dalam masyarakat seperti berikut:

- (i) penghayatan serta amalan agama dan moral mencakupi sistem pendidikan agama dan moral secara formal dan tidak formal;
- (ii) penguasaan ilmu dan pengetahuan melalui pendidikan sistem formal dan pendidikan berterusan peluang kedua;
- (ii.i) ketahanan institusi kekeluargaan berasaskan struktur dan ikatan kekeluargaan melalui gugusan, nilai budi, kasih sayang, normat, komitmemdankomunkasi perhubungan keluarga dan masyarakat serta tradisi dan ilmu keibu-bapaan; dan
- (i v j) pembentukan nasionalisme dan identiti bangsa Malaysia yang ditetapkan melalui kefahaman, kesedaran dan pengalaman sejarah dan warisan seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhorraat di atas pandangan dan sokongan kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan. Bagi pandangan yang tidak sempat saya menjawab, yakinlah Kementerian Belia dan Sukan akan memberi perhatian untuk demi membangunkan generasi muda berwawasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Kewangan.

7.30 mlm.

Timbalan **Menteri Kewangan [Dato¹ Mustapa bin Mohamed]**: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa singkat yang ada ini saya ingin mengambil peluang untuk menjawab perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Perhormat semasa membahaskan perutusan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Pertamanya, ingin saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, Yang Berhormat Dr. Tob Kin Woon, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed 'Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee, Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng dan Tuan Limun Laikim kerana mengambil bahagian semasa membahaskan perutusan Belanjawan berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Pertama berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai cadangan agar ahli-ahli KWSP yang mempunyai caruman lebih daripada RM200,000 dibenarkan mengeluarkan caruman untuk "merdeka melabur dalam Amanah Saham. Ingin dimaklumkan bahawa kerajaan tidak dapat menimbangkan cadangan ini oleh kerana konsep utama ditubuhkan KWSP adalah simpanan untuk hari tua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cuma ada 34,480 orang pencarum sahaja dalam KWSP yang mempunyai simpanan lebih daripada RM200,000 ke atas dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lebih 95% daripada pencarum EPF yang mempunyai kurang daripada RM50,000

caruman dalam EPF. Oleh itu, langkah ini jika dibenarkan akan menguntungkan segelintir sahaja ahli KWSP.

Keduanya berkaitan dengan waktu perabankan (banking hours). Mengikut amalnya, bank-bank dibuka antara 10.00 pagi hingga 3.00 petang pada hari biasa dan pada hujung minggu antara 10.00 pagi hingga 11.30 pagi. Ingin dimaklumkan bahawa Bank Negara adalah flexible di dalam perkara ini dan ada bank yang dibuka pada jam 9.00 pagi dan tutup pada jam 4.00 petang. Tetapi kita memang ada standard hours, dengan izin, iaitu 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan bank-bank boleh memohon untuk melanjutkan waktu urusan kepada Bank Negara dan Bank Negara sedia menimbangkan permohonan tersebut.

Berkaitan dengan pinjaman untuk ASB, ingin dimaklumkan bahawa pinjaman ini adalah dalam lingkungan 0.75% hingga 2% melebihi BLR bergantung kepada bank. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kesemua bank telah membekukan pinjaman untuk ASB memandangkan pinjaman ASB kini merupakan 40% daripada jumlah pelaburan dalam ASB.

Seterusnya berkaitan dengan kadar faedah untuk kad kredit. Ingin dimaklumkan bahawa kajian masih lagi belum selesai. Antara pertimbangan yang diberikan oleh kerajaan semasa menjalankan kajian ini ialah sama ada penurunan kadar faedah yang dicadangkan itu akan meningkatkan perbelanjaan dan dengan itu meningkatkan kadar inflasi dalam negara kita. Selain itu Yang Bernormat sedia maklum bahawa pinjaman ataupun perbelanjaan kad kredit ini merupakan unsecured loan dan oleh itu risikonya adalah lebih tinggi daripada pinjaman biasa.

Berkaitan dengan "cadangan'agar pihak 'BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti lebih berhati'-hati 'sebelum' mengeluarkan kenyataan, memang pihak-pihak ini amat'-berhati-hati sebelum" megluarkan kenyataan agar tidak terjejas keadaan pasaran saham.

Akhirnya perkara yang dibangkitkan'oleh Yang Berhortnat Tuan Rahim bin Baba ialah berkaitan cabutan awam yang dikatakan tidak adil kerana sebahagian kecil sahaja mereka yang memohon 1,000 saham mendapat tawaran saham. Saya ingin memaklumkan bahawa secara umumnya peraturan dikenakan di mana sckurang-kurangnya 50% daripada saham yang diagihkan itu hendaklah ditawarkan kepada mereka yang memohon 1,000 unit saham. Secara umumnya peraturan ini dipatuhi. Umpamanya, di dalam dua kes yang baru sahaja selesai, umpamanya Pintaras Jaya, 54.3% daripada mereka yang berjaya merupakan mereka yang memohon 1,000 saham dan manakala bagi .kes Malaysia Smelting Corporation, 94.5% daripada mereka yang berjaya merupakan mereka yang memohon 1,000 saham. Ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur kecil mcmang mendapat peruntukan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon mencadangkan agar KWSP mcmbenarkah pengeluaran bagi pendidikan tinggi. Seperta mana yang dijelaskan, EPF ditubuhkan untuk hari tua pekerja, oleh itu kerajaan tidak dapat menimbangkan cadangan Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon. Seterusnya berkaitan dengan defisit akaun .semasa dalam imbalan pembayaran, perkara ini memang- diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan tahap defisit yang tinggi itu.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har mencadangkan agar cukai perkhidmatan atau jualan dihapuskan. Ingin dijelaskan bahawa bahan-bahan asasi makanan tidak dikenakan cukai ini -dan kadar cukainya adalah munasabah dan ia merupakan hasil yang penting bagi kerajaan. Oleh itu kerajaan tidak dapat menimbangkan cadangan supaya dihapuskan kadar cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Begitu juga cadangan untuk memansuhkan cukai perkhidmatan bagi telefon yang diperkenalkan sedikit masa dahulu.

Berkaitan dengan pelepasan cukai untuk sekolah-sekolah Cina, ingin dimaklumkan bahawa jika ditepati syarat yang dikenakan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, sekolah SRJK(C) ini layak untuk memohon kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk pengecualian cukai bagi Tabung Pembinaan Bangunan Sekolah dan pada masa ini 189 buah sekolah Cina telah pun diberikan pengecualian ini dan pengecualian ini masih lagi berkuatkuasa bagi sekolah-sekolah yang disebutkan tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang membangkitkan tentang masalah TPU di mana beliau menyarankan agar TPU disambung semula. Ingin saya maklumkan bahawa skim TPU diberhentikan pada 1hb Januari, 1991. Ia ditubuhkan bagi membantu peniaga bumiputera yang menghadapi masalah akibat kemelesetan ekonomi, Tumpuan kerajaan pada masa ini ialah untuk membantu bumiputera dalam membentuk Tabung Usahawan Baru dan PUNB dan beberapa tabung yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun peruntukan cuma RM500 juta, yang sebenarnya dikeluarkan oleh kerajaan ialah RM103.55 juta iaitu dua kali ganda lebih daripada jumlah yang telah diperuntukkan telah dikeluarkan untuk membantu peniaga bumiputera yang menghadapi masalah perniagaan mereka.

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Ban Osman membangkitkan tentang masalah Tabung Amanah Persatuan Wanita. Ini akan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian berkenaan. Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin meminta kerajaan memaklumkan banyak mana peruntukan pembangunan diberikan kepada Kerajaan Kelantan. Ingin saya memaklumkan bahawa peruntukannya adalah kira-kira RM200 juta setahun yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan untuk pembangunan di negeri Kelantan.

Seterusnya Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah membangkitkan tentang layanan yang sama harus diberikan kepada kaum wanita untuk niendapatkan potongan cukai kerana menyara anak-anak. Saya ingin memaklumkan bahawa pada kebiasaannya suami layak mendapat pengecualian cukai ini kerana mereka dianggap sebagai ketua keluarga. Tetapi bagi isteri yang telah bercerai dengan suami dan mereka menanggung hidup anak-anak, mereka layak mendapatkan pengecualian cukai seperti yang layak diterima oleh suami pada masa ini.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee telah membangkitkan masalah 'slot machine' di Sabah. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan memang mengadakan semakan, dengan izin, spot check dari masa ke semasa dan beberapa kelab telah pun tutup setelah didapati kelab-kelab tersebut tidak mematuhi peraturan, yang ditetapkan dan perkara ini diawasi dari masa ke semasa kerana memanglah menjadi hasrat dan dasar kerajaan untuk mengawal kegiatan-kegiatan perjudian ini agar tidak merebak ke merata-rata dan inilah dasar kerajaan dan kita sedang memperketatkan

syarat-syarat berkaitan operasi slot mechine **ini**,

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Low Kai Meng mencadangkan agar satu undang-undang digubal untuk memaksa atau untuk membolehkan individu melindungi diri mereka dengan mengambil insurans. Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang yang disarankan itu. Kerajaan lebih mirip kepada usaha-usaha secara sukarela (voluntary) dalam kita untuk memberi perlindungan kepada rakyat. Selain itu kita juga sedang mengambil langkah untuk menjadikan insurans itu satu kegiatan yang lebih menggalakkan dan dengan itu memberi daya tarikan yang lebih kepada penduduk di negara ini untuk mengambil insurans. Jadi, cadangan untuk digubal undang-undang secara khusus untuk membolehkan individu mengambil insurans tidak dapat diberi pertimbangan.

Yang Berhormat Tuan Limun Laikim ingin tahu berkaitan dengan projek penyelenggaraan khas negeri Sabah. Saya ingin rnemaklumkan bahawa semua kontrak-koritrak untuk projek-projek ini telah pun diberikan. Cuma masalahnya pada ~~masa~~ ini pelaksanaannya sedang giat berjalan dan hampir ke semua projek telah pun dijalankan pembayarannya. Walaupun tidak ke semua dapat dikeluarkan pada tahun ini, insya Allah, pada tahun hadapan pembayaran akan dapat diselesaikan.

Yang penting, hampir kesemua projek di bawah projek khas penyenggaraan di Sabah telah pun mula dilaksanakan, dan dengan terlaksananya projek-projek ini, kemudahan-kemudahan asas yang lebih akan dapat kita sediakan untuk rakyat di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu perutusan Belanjawan. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab olen kerana kesuntukan masa, saya mohon maaf. insya Allah kita akan dapat memberi penjelasan dalam forum-forum yang lain selepas ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mustapa bin Hohamed: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Drg. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya monon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi. diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Dewan yang mulia **ini**, bersama-samalah kita mengucapkan dan mengaluakan kedatangan tahun baru dengan azam dan tekad yang baru juga; semoga akan membawa kejayaan dan juga takzim kepada kita

Jadi, kita tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.43 malam.